



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 46

Rabu

2 Disember 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2021

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Kepala B.21 (Halaman 23)
Kepala B.22 (Halaman 47)
Kepala B.23 (Halaman 68)

USUL-USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2021

Jawatankuasa:-

Kepala P.21 (Halaman 23)
Kepala P.22 (Halaman 47)
Kepala P.23 (Halaman 68)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 71)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 2 Disember 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, bolehkah kita tepati masa? Hari ini dua minit sudah lambat. So, kita ini sebagai contoh kepada rakyat patut menepati *time* lah. Saya rasa— *time* betul kah kita tak betul, saya tidak tahu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Lambat?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Lambat dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak lambat. Tidak lambat, Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Lambat. Saya tengok dua minit sudah lari.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Perdana Menteri menyatakan lima (5) kedudukan sektor ekonomi berdasarkan ranking yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara serta apakah sektor yang banyak membantu pertumbuhan ekonomi negara semasa COVID-19.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, selamat sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, sektor perkhidmatan merupakan sektor yang terbesar yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan sektor ini kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah sebanyak 57.7 peratus pada tahun 2019. Sektor yang kedua terbesar adalah sektor pembuatan yang menyumbang sebanyak 22.3 peratus kepada KDNK dan ini diikuti oleh sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian yang masing-masing

menyumbang sebanyak 7.1 peratus. Sektor yang kelima ialah sektor pembinaan yang menyumbang sebanyak 4.7 peratus kepada KDNK dalam tempoh yang sama.

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang amat ketara kepada ekonomi negara. Pertumbuhan KDNK pada bulan Januari tahun ini sehingga bulan September telah menguncup sebanyak 6.4 peratus dan prestasi ekonomi pada suku ketiga tahun ini masih mencatat penguncupan sebanyak 2.7 peratus.

Walau bagaimanapun, kadar penguncupan ini adalah lebih rendah berbanding dengan suku kedua tahun 2020. Kerajaan yakin bahawa kesan penyederhanaan pertumbuhan ekonomi ini adalah bersifat sementara sahaja.

Beberapa indikator yang terkini telah mula menunjukkan bahawa prestasi ekonomi negara kita semakin bertambah baik. Indeks pengeluaran sektor pembuatan telah meningkat sebanyak 2.1 peratus pada bulan September tahun ini berbanding dengan penguncupan sebanyak 2.1 peratus pada bulan Ogos. Nilai jualan sektor pembuatan juga telah mencatat peningkatan sebanyak 3.7 peratus pada bulan September kepada RM121.2 bilion. Harga minyak sawit mentah telah kembali mencecah paras melebihi RM3,000 per tan pada bulan November 2020 iaitu kini berharga RM3,422 per tan berbanding paras yang terendah iaitu RM2,074 per tan pada bulan Mei tahun ini. Harga getah SMR20 telah meningkat ke paras yang tertinggi kepada RM6.33 sekilogram pada bulan November 2020 berbanding RM4.73 sekilogram iaitu paras harga yang terendah pada bulan April 2020.

Melihat kepada perkembangan ini, bererti bahawa sektor pembuatan dan sektor pertanian merupakan antara penyumbang yang utama dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara semasa COVID-19.

Sebagai makluman juga, ekonomi negara kita dijangka akan kembali pulih pada tahun hadapan dengan anggaran pertumbuhan antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus. Ini adalah seiring dengan unjuran pertumbuhan oleh Tabung Kewangan Dunia (IMF) iaitu sebanyak 7.8 peratus dan Bank Dunia sebanyak 6.3 peratus untuk tahun hadapan.

Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, sektor pelancongan merupakan satu industri penerbangan nasional yang kini menjadi perhatian rakyat kerana industri ini menyaksikan penyusutan yang paling ketara sejak berlaku COVID-19. Antaranya ialah Malindo Air yang terpaksa memberhentikan 2,200 pekerjaanya.

Soalan tambahan saya. Sehingga bilakah industri-industri ini dapat bertahan dan apakah perancangan terkini daripada pihak kerajaan dalam memastikan industri sebegini tidak lumpuh sepenuhnya? Apakah pelan tindakan kerajaan dalam melegakan kadar pengangguran pekerja-pekerja dalam industri-industri yang terjejas? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan.

■1010

Soalan Yang Berhormat sangat bersasar dan juga sesuai dengan cabaran yang dihadapi oleh ekonomi kita pada masa kini. Bagi prospek industri pelancongan, sebenarnya ia sangat bergantung kepada senario penularan pandemik pada peringkat global dan juga domestik. Industri ini dijangka pulih hanya selepas akses bekalan vaksin boleh diperolehi oleh kebanyakan negara. Pemulihan ini juga bergantung kepada langkah yang diambil oleh negara luar untuk membuka sempadan mereka. Ini termasuklah negara Malaysia juga.

Pada masa kini, kerajaan kita lebih tertumpu kepada usaha untuk menggalakkan pelancongan domestik. Oleh itu, kita telah memperkenalkan gelembung perjalanan domestik (*travel bubble*) bagi menggalakkan aktiviti pelancongan domestik yang dijangka dapat menyokong industri penerbangan Malaysia dan mengurangkan kesan kepada industri pelancongan dan penerbangan.

Mengenai pengangguran pula, pada bulan September, kadar pengangguran kita telah berkurang kepada sejumlah 4.6 peratus berbanding 5.3 peratus pada bulan Mei. Pengurangan ini adalah hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dengan melaksanakan program-program seperti Program Subsidi Upah (PSU) dan PSU 2.0 yang bernilai RM18 bilion di bawah PRIHATIN, PENJANA dan KITA PRIHATIN, Program Insentif Pengambilan Pekerja, bantuan latihan serta program peningkatan kemahiran dan juga latihan.

Selain itu juga, Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan dan juga dalam Belanjawan 2021, kerajaan juga telah mengumumkan pelbagai bantuan dan insentif bagi mengurangkan pengangguran pekerja daripada industri pelancongan. Kesemua inisiatif ini akan mengurangkan kesan kepada industri pelancongan dan penerbangan serta industri-industri yang lain. Sekian dan terima kasih.

2. Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah jenis perlindungan dan bantuan yang disediakan oleh kementerian untuk golongan warga emas yang merupakan golongan yang berisiko tinggi terhadap penularan COVID-19.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Hulu Selangor atas soalan yang dikemukakan. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bekerjasama erat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memberikan kesedaran dan perlindungan yang sewajarnya kepada warga emas yang merupakan golongan yang berisiko tinggi akibat daripada jangkitan COVID-19 kerana faktor umur dan juga penyakit kronik.

Antara program yang telah dilaksanakan, antaranya ialah sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini yang diraikan pada 1 Oktober 2020. Ia diraikan dalam suasana pandemik COVID-19. Sehubungan dengan ini, tema yang dipilih bagi sambutan Hari Warga Emas untuk tahun 2020 peringkat kebangsaan ialah "Pandemik dan Penuaan Mendepani Perubahan".

Ini yang mana, antara program yang telah dilaksanakan adalah forum berkaitan dengan kesediaan warga emas terhadap norma baharu semasa pandemik COVID-19, impak dan penjagaan kesihatan daripada segi fizikal dan emosi, mental dan juga program dialog berkaitan dengan peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam mendepani isu pandemik COVID-19.

Begitu juga antara program seterusnya ialah saringan COVID-19 yang dilaksanakan dengan kerjasama KKM kepada semua penghuni dan kakitangan di sejumlah 17 buah Institusi Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang melibatkan seramai 2,376 orang penghuni. Saringan ini bertujuan untuk mencegah penularan penyakit di Institusi Warga Emas. Saringan ini diperluaskan kepada sejumlah 432 buah pusat jagaan yang dikendalikan oleh pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan yang mana seramai 14,049 orang penghuni dan kakitangan telah disaring.

Begitu juga, kami mewujudkan garis panduan pencegahan dan kawalan penyakit COVID-19 ini di pusat jagaan warga emas yang berkediaman kerajaan, swasta dan NGO pasca Perintah Kawalan Pergerakan sebagai rujukan dan panduan pusat-pusat tersebut dalam menghadapi situasi pandemik ini. Talian Kasih 15999 dan Talian Khas Kaunseling COVID-19 juga disediakan untuk memberikan sokongan psikologi kepada orang ramai termasuk warga emas yang terkesan akibat daripada penularan wabak dan Perintah Kawalan Pergerakan ini.

Begitu juga, telekaunseling 24 jam sehari, yang merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk memastikan kesihatan mental rakyat Malaysia sentiasa berada di tahap yang stabil. Kelima, proses disinfeksi Institusi Warga Emas JKM dan penyediaan peralatan serta keperluan institusi juga disediakan. Keenam, Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) iaitu yang mana program ini diadakan sepanjang tempoh PKP. Sehingga bulan Oktober 2020, terdapat seramai 1,992 orang sukarelawan yang telah memberikan khidmat bantu di rumah kepada seramai lebih kurang 5,826 orang warga emas di seluruh negara.

Alhamdulillah, pada bajet yang akan datang, yang mana dinaikkan elaun mereka daripada sejumlah RM150 kepada RM400 sebulan dan sugu hati kepada klien juga dinaikkan daripada sejumlah RM30 kepada RM800 sebulan. Ketujuh, akhirnya ialah bantuan Prihatin kepada pusat aktiviti warga emas yang mana melibatkan sejumlah 131 buah pusat warga emas dan memberikan manfaat kepada seramai 44,000 orang warga emas yang berdaftar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa warga emas telah menyumbangkan jasa kepada keluarga dan masyarakat. Kita juga sedia maklum sejak PKP dilaksanakan, masyarakat mengalami kesempitan hidup. Jika dulu, setiap bulan mampu menyalurkan duit belanja untuk orang tua.

Akan tetapi, kini tidak mampu atas sebab ada sesetengah keluarga yang gaji dipotong atau telah dibuang kerja. Maka, secara tidak langsung ibu bapa daripada golongan warga emas ini juga mengalami kekurangan sumber untuk menampung kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, apakah bantuan yang dapat kementerian huluskan kepada kes seperti ini? Apakah pihak JKM dapat memberikan pertimbangan khususnya untuk warga emas ini juga dapat menerima bantuan JKM buat sementara waktu? Dalam konteks kita memperjuangkan kebajikan untuk M40 dan B40, warga emas tidak seharusnya kita pingirkan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor yang telah mengemukakan soalan tambahan. Sebenarnya kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan untuk meringankan beban warga emas yang terkesan. Kita sangat memahami dan saya menyeru supaya mereka yang memerlukan ini berhubung terus dengan pihak pejabat JKM Daerah yang terdekat.

Kita menyediakan bantuan khas untuk orang tua untuk mereka yang memerlukan. Kita juga menyediakan beberapa buah institusi untuk membantu mereka yang memerlukan. Antara institusi yang kita sediakan iaitu kita ada Rumah Seri Kenangan. Ini adalah bagi mereka yang terkesan terutama bagi mereka yang memerlukan – warga emas yang daif yang memerlukan perlindungan.

Kita juga ada Rumah Ehsan. Ini adalah bagi golongan warga emas yang mungkin mereka ini tidak berwaris ataupun sebatang kara. Kita juga ada Program Desa Bina Diri. Ini bagi mereka yang boleh lagi aktif dan memerlukan latihan (*skill*) untuk kita memberi ruang kepada mereka untuk mendapat apa-apa jua yang boleh dimanfaatkan daripada ruang yang ada.

Jadi, semua ini adalah untuk kita memberikan perlindungan, penjagaan, pemulihan kepada golongan yang memerlukan. Jadi, saya harap, boleh berhubung dengan pejabat JKM yang terdekat untuk mendapat maklumat yang lebih jelas. Terima kasih.

3. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta Menteri Kanan Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Pasir Pekan-Pasir Mas, Kelantan yang mengalami banyak kerosakan dan membahayakan pengguna.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Laluan Persekutuan 3 (FT 003) Pasir Pekan ke Pasir Mas pada masa ini menunjukkan bahawa isi padu trafik yang masih stabil dan lancar dengan izin, *Level of Service* (LOS) kategori B.

Selain itu, cadangan naik taraf laluan ini tiada dalam senarai keutamaan yang telah dihantar oleh negeri Kelantan. Sehubungan dengan itu, buat masa ini, tiada perancangan untuk menaik taraf laluan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, selanjutnya, walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa komited dalam memastikan tahap keadaan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

■1020

Sehubungan dengan itu, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM2.6 juta setahun untuk tujuan penyelenggaraan rutin di jalan persekutuan di kawasan Parlimen Pasir Mas. Kementerian ini juga telah memperuntukkan sejumlah RM13.8 juta bagi tahun 2018 sehingga 2020 bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala. Manakala

peruntukan bagi laluan FT003 yang turut melibatkan laluan Pasir Pekan-Pasir Mas, kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM683,000 setahun bagi penyelenggaraan rutin dan sebanyak RM8.5 juta tahun 2018 hingga tahun 2020 bagi kerja-kerja penyelenggaraan berkala.

Berdasarkan Laporan POL.27 PDRM, sebanyak 634 kemalangan telah direkodkan di Pasir Mas dari tahun 2017 hingga 2019. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM1.4 juta di bawah Program Menaik Taraf Keselamatan lokasi yang kerap berlaku kemalangan (*blackspots*) di kawasan tersebut yang melibatkan 6 lokasi untuk dinaik taraf bagi meningkatkan tahap keselamatan di laluan berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Walaupun tiada dalam pelan ataupun dalam cadangan yang diangkat oleh kerajaan negeri tetapi pada realitinya jalan ini memerlukan penambahbaikan yang begitu ketara berdasarkan kepada situasi yang sangat menyedihkan, untuk maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya terima kasih, bila disebut tadi peruntukan yang telah diberikan kepada jalan ini berdasarkan kepada rekod-rekod yang lepas. Cuma soalan saya, adakah pada tahun akan datang, 2021 dan selepasnya, peruntukan ini akan terus dikekalkan sebagaimana yang berikut ataupun berlaku pengurangan kerana tidak ada cadangan daripada kerajaan negeri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, ini ialah peruntukan yang kalau kita tengok disediakan oleh Kementerian Kerja Raya dan juga Jabatan Kerja Raya untuk memastikan yang pertama, tahap keselamatan tersebut berada pada tahap yang selamat untuk pengguna jalan raya di FT003.

Kedua, peruntukan yang diperuntukkan untuk memastikan bahawa jalan tersebut berada dalam keadaan yang baik. Jadi, peruntukan-peruntukan ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa untuk tujuan penyelenggaraan dan juga tujuan untuk memastikan keselamatan pada jalan FT003. Saya percaya tidak ada sebab untuk peruntukan ini dipotong ataupun ditarik balik.

Walau bagaimanapun, untuk tujuan menaik taraf jalan ini, peruntukan diperlukan tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan berdasarkan kepada keutamaan berbanding jalan-jalan lain, barangkali yang ada di dalam proses permohonan oleh kerajaan negeri.

4. **Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan akan melaksanakan satu dasar rasmi untuk menubuhkan sistem dan prosedur dalam kerajaan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat (*whistleblowers*) yang bertindak dengan niat baik (*in good faith*) di dalam perkhidmatan awam, semua agensi dan GLC milik kerajaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. *My learned friend* yang bertanya mengenai perlindungan kepada pemberi maklumat ataupun *whistleblowers* di negara kita. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negara kita, kita mempunyai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 177] yang bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada pemberi maklumat (*whistleblowers*).

Akta ini telah berkuat kuasa sejak daripada 15 Disember 2010 lagi. Antara objektif pengubalan Akta 711 ini adalah untuk memerangi rasuah dan salah laku lain dalam sektor awam dan swasta dengan menggalakkan dan memudahkan orang awam untuk mendedahkan perbuatan rasuah dan juga kelakuan tidak wajar di dalam masyarakat.

Akta ini juga memberi perlindungan maklumat sulit, kekebalan daripada tindakan sivil dan jenayah serta perlindungan daripada tindakan memudaratkan serta memberi kuasa kepada agensi penguatkuasaan untuk menjalankan siasatan terhadap kelakuan tidak wajar dan tindakan yang memudaratkan.

Skop pelaksanaan Akta 711 ini adalah melibatkan sektor awam dan sektor swasta sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 2, akta tersebut. Perlindungan yang diberikan kepada pemberi maklumat adalah melalui agensi penguat kuasa yang digariskan di dalam akta ini. Di mana skop agensi penguat kuasa ditakrifkan dalam akta ini adalah luas. Dalam hal ini, agensi penguat kuasa yang dimaksudkan merangkumi SPRM, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), PDRM, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan juga Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pemberi maklumat yang bertindak dengan niat baik (*in good faith*) sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Sungai Buloh akan diberikan perlindungan antaranya seperti berikut:

- (i) perlindungan kepada maklumat sulit iaitu maklumat identiti, alamat, pekerjaan dan yang berkaitan dengan pemberi maklumat tersebut;
- (ii) kekebalan ataupun imuniti daripada tindakan sivil dan jenayah; dan
- (iii) perlindungan daripada tindakan yang memudaratkan iaitu terhadap diri pemberi maklumat itu dan mana-mana orang

yang mempunyai hubungan atau berkaitan dengan pemberi maklumat, umpama keluarga, rakan dan sebagainya.

Bagi tujuan tersebut, pemberi maklumat perlulah memberi kerjasama dan bertindak mengikut peruntukan yang ditetapkan bagi membolehkan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada mereka di bawah undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan itu. Yang Berhormat Menteri, saya sedar Tuan Yang di-Pertua, saya sedar dan saya rasa kerajaan, Menteri pun tahu tentang skop, dengan izin, *the Whistleblower Act 2010*.

Pada masa yang sama, kita perhatikan dan saya pasti Menteri pun tahu ini, Bursa Malaysia dengan panduan Kerajaan Malaysia telah memerlukan, ini sudah berlaku untuk beberapa tahun, bahawa syarikat-syarikat besar yang disenaraikan di *main board* memerlukan sistem *whistleblowers* di dalam syarikat-syarikat itu.

Ini adalah penambahan kepada sistem *whistleblowers* yang sedia ada, yang telah diterangkan secara detil oleh Yang Berhormat Menteri. Ini ialah untuk memastikan tata kelola yang bagus (*good governance*) diberi sokongan yang penuh dengan sistem *whistleblowers* ini supaya syarikat berjalan dengan baik dan pemegang saham, (*stakeholders*) pemegang taruh, semua yang terlibat dapat satu syarikat yang bagus. Di sini kita lihat, kerajaan ialah majikan yang terbesar di Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Ya, *I'm coming to that*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Masa sudah habis dah. Soalan.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Baik-baik, *a few more seconds*. So, jadi bagi saya, saya minta kerajaan mengkaji semula supaya ada sistem itu juga di dalam kerajaan untuk membantu macam Menteri kata tadi, rasuah dan penyelewengan dan sebagainya. Di konteks itu, soalan tambahan saya ialah hak mendapat maklumat (*freedom of information*) juga adalah satu unsur yang penting untuk melawan rasuah dan penyelewengan.

Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan satu Akta Kebebasan Maklumat (*Freedom of Information Act*), dengan izin? Pada masa yang sama, memansuhkan atau meminda Akta Rahsia Rasmi. Pada masa yang sama, kita jaga informasi yang berkaitan dengan keselamatan negeri atau negara itu dilindungi. Adakah kerajaan bercadang atau mempertimbangkan melaksanakan itu? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sahabat saya, Yang Berhormat Sungai Buloh yang memberikan pandangan-pandangan yang saya rasa sudah tentulah pandangan ini akan diambil kira oleh pihak kerajaan. Ini termasuklah dari semasa ke semasa, kerajaan sentiasa mengkaji perundangan-perundangan yang sedia ada, termasuklah *Official Secrets Act* (OSA) untuk kita membuat penambahbaikan supaya kepentingan awam dan juga kepentingan negara diseimbangkan.

■1030

Ini penting kerana sesuatu undang-undang yang dibuat itu sudah tentulah mempunyai tujuan tertentu, *intention of legislation*. Akan tetapi pada masa yang sama, saya akui sebagaimana Yang Berhormat sebut, kepentingan awam juga adalah penting. Ini perlu diseimbangkan antara *public and private interest* di dalam negara dan juga dalam masyarakat kita. Atas sebab itu, saya merasakan kerajaan tidak mempunyai masalah terutamanya jika sekiranya pandangan-pandangan diberikan daripada golongan masyarakat sivil, *civil society* untuk kita menambahbaikkan perundangan-perundangan sedia ada termasuk dalam aspek *whistleblowers* ini. Terima kasih.

5. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan berapakah sumbangan pergerakan koperasi dalam negara kepada KDNK.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sumbangan sektor koperasi kepada KDNK negara Malaysia pada masa ini hanya antara tiga peratus hingga empat peratus sahaja. Walaupun sumbangan tersebut kelihatan masih sangat rendah berbanding dengan sumbangan sektor berkenaan di Thailand, sebanyak 19 peratus dan di Vietnam, 26 peratus.

Namun, sektor operasi masih memiliki ruang yang signifikan untuk berkembang dan meningkat dari segi nilai. Ini dapat dipertingkatkan menerusi pencapaian gerakan koperasi yang telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM45.70 bilion hingga 31 Disember 2019. Purata pertumbuhan pendapatan sektor koperasi setiap tahun menunjuk peningkatan sebanyak 3.97 hampir empat peratus daripada tahunan 2014 hingga 2019.

Penularan pandemik COVID-19 banyak memberi kesan kepada aktiviti koperasi. Kajian kesan wabak COVID-19 ke atas perniagaan koperasi oleh SKM di Kaji Selidik Usahawan Pasca COVID-19 (MEDAC) mendapati prestasi koperasi, perniagaan

koperasi telah mengalami kemerosotan sebanyak 32 peratus yang menyumbang kepada penurunan pendapatan koperasi sehingga 33.9 peratus.

Kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan turut menunjukkan hanya 39 peratus masih koperasi beroperasi. Manakala, sebanyak 17 peratus perniagaan telah berhenti dan lebih 42 peratus koperasi mengalami masalah kecairan tunai disebabkan kekurangan modal pusingan terutamanya koperasi yang terlibat dalam sektor pelancongan dan penjagaan kesihatan.

Justeru, kementerian telah mengambil inisiatif menerusi pelan pemulihan usahawan dan koperasi bagi memastikan momentum perniagaan koperasi akan kembali stabil dalam masa setahun akan datang serta membantu sektor operasi berupaya kekal menjana pendapatan termasuk memudahkan permohonan pembiayaan tanpa cagaran di bawah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi. Prestasi pembiayaan SKM hingga 16 November 2020 telah pun mengeluarkan sebanyak RM5.11 juta bagi 104 buah koperasi. Secara tidak langsung, bantuan ini dapat membantu negara memulihkan ekonomi COVID-19. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, di antara sebab kenapa sumbangan KDNK pergerakan koperasi terlalu rendah kerana Suruhanjaya Koperasi Malaysia tidak mesra dengan ahli-ahli perniagaan. Bermakna banyak *red tape* dan birokratik serta Akta Koperasi itu sendiri sudah tidak relevan lagi dengan perkembangan perniagaan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini?

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suruhanjaya Koperasi diwujudkan adalah untuk mengawal selia pergerakan koperasi di negara ini dan undang-undang itu adalah sebagai satu panduan kepada Suruhanjaya Koperasi dan tindakan mereka sejajar dengan undang-undang yang telah dibina pada tahun 2017 pindaan yang terakhir, 2007. Minta maaf. Dengan keadaan yang sedemikian itu lah kenapanya kerajaan dahulu hingga tahun 2017 telah mengkaji semula undang-undang ini dan bercadang untuk meminda. Bukan meminda, *repeal*, memansuhkan undang-undang lama, menggantikan dengan undang-undang baharu. Akan tetapi apabila Kerajaan Barisan Nasional telah kalah pada tahun 2018, penggantian ini telah tidak dilaksanakan.

Sebaliknya, pihak kerajaan pada ketika itu mencadangkan pindaan sedikit sahaja untuk memudahkan pelaksanaan koperasi yang telah kita bentang Bacaan Kali Pertama, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya berpendapat memang betul ada banyak halangan perundangan yang ada pada kita sekarang tidak selari dengan kemajuan koperasi itu sendiri yang perlu dipinda secara menyeluruh undang-undang koperasi tersebut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

6. **Dr. Ong Kian Ming [Bangi]** minta Perdana Menteri menyatakan menjelaskan mengapa dasar '*blanket ban*' dilaksanakan di bulan September untuk semua warganegara daripada negara yang mempunyai kes COVID mencecah 150,000 kes termasuk mereka yang mempunyai permit masuk negara yang sah seperti pemegang MM2H dan pekerja "*expat*".

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof] : Terima kasih Yang Berhormat Bangi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, keputusan kerajaan mengenakan sekatan menyeluruh atau disebut oleh Yang Berhormat sebagai *blanket ban* hanya diambil sebagai langkah segera pada awal September 2020. Ketika itu kerajaan tidak mempunyai data yang mencukupi mengenai situasi penularan dan kaedah pengekangan wabak COVID-19 di negara-negara lain.

Justeru, kerajaan mengambil langkah sekatan ini dan segera berjaga-jaga untuk melindungi rakyat Malaysia kerana kebimbangan berlakunya peningkatan kes di negara luar dan risiko jangkitan ke dalam negara kita. Dalam tempoh sekatan sementara yang dibuat tersebut, kerajaan telah mendapat maklumat ketika itu dan membuat penilaian risiko semula.

Sehubungan dengan itu, pada 10 September 2020, kerajaan telah mengambil keputusan supaya pemegang pas ekspatriat kategori EP1 dan pakar teknikal atau pekerja maya asing dari 20 buah negara yang dikenakan sekatan kemasukan dibenarkan untuk memasuki Malaysia. Ini juga termasuk program MM2H.

Mereka dikehendaki mengumpulkan permohonan daripada pihak Jabatan Imigresen dan perlu mengemukakan dokumen sokongan daripada MIDA atau kementerian atau agensi yang berkaitan dan mereka juga adalah tertakluk kepada perintah kuarantin wajib selama 14 hari di stesen kuarantin yang ditetapkan kerajaan. Kerajaan akan terus mengkaji dan meneliti perkara ini dari semasa ke semasa untuk membenarkan kemasukan dari luar negara secara bersasar dengan menggunakan kaedah ataupun konsep gelembung perjalanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekatan kemasukan warganegara asing ke Malaysia ini dibuat berdasarkan jadual pemarkahan ataupun *scoring board* yang mampu memberi gambaran jelas mengenai risiko mengimport kes COVID-19 ke Malaysia. Kriteria yang diambil di dalam pengiraan *scoring board matrix* risiko ini adalah seperti berikut:

- (i) bilangan kes COVID-19 dalam tempoh 14 hari kebelakangannya;
- (ii) kadar insiden per satu juta penduduk dalam tempoh 14 hari kebelakangannya;

- (iii) kadar kematian 14 hari kebelakangan per satu juta penduduk;
dan
- (iv) kadar kematian kes dan indeks pemulihan ataupun *recovery index*.

Kemasukan kes import ini akan memberi kesan besar kepada Malaysia kerana ia menggunakan kemudahan dan fasiliti milik Malaysia untuk merawat kes tersebut yang sebenarnya telah berlaku di luar negara. Ini akan mengganggu perkhidmatan kesihatan kerajaan kerana tanggungjawab utama negara adalah menyediakan perkhidmatan kesihatan terbaik termasuk rawatan COVID-19 kepada semua rakyat Malaysia dan bukannya warga asing yang masuk ke Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ong Kian Ming [Bangi]: Terima kasih. Soalan tambahan saya adalah berikut. Polisi ini sebenarnya diumumkan untuk tiga negara asal iaitu Indonesia, Filipina dan juga India tetapi dilebarkan untuk memasuki sejumlah 22 buah negara. Saya hendak tanya Menteri, sejak 10 September, saya rasa ada lebih negara yang telah mencecah 150 ribu.

■1040

Jadi apakah penambahan baik SOP yang telah dibuat untuk menangani isu ini dan adakah negara lain yang telah ditambahkan kepada senarai mencecah sebanyak RM150,000 ini? Terima kasih.

Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan kita mengambil sikap atau cara lebih *targeted*. Kita dapat memantau dengan menggunakan maklumat terkini dan mengenalkan SOP yang dibuat di negara kita dan juga memahami SOP dari negara lain.

Contoh, sekiranya sesebuah negara mengadakan kuarantin sendiri sebelum mereka keluar. Maklumat ini kena dibawa maklum kepada negara kita supaya kita boleh mengenakan peraturan tertentu untuk membenarkan mereka masuk ke Malaysia. Benar ketika itu sebanyak RM150,000 kes adalah satu ukuran untuk kita mengenakan sekatan. Hari ini kalau kita lihat negara-negara luar sendiri mengenakan sekatan untuk warga mereka keluar untuk membantu mengekang penularan wabak COVID-19 menurut apa yang disarankan oleh *World Health Organization*. Terima kasih.

7. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] minta Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi menyatakan mekanisme perancangan kementerian bagi menangani impak besar pengurangan pekerja asing dalam sektor perladangan.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat.

Kerajaan amat memahami situasi yang dihadapi oleh pihak industri mengenai kekurangan tenaga kerja susulan pandemik COVID-19 yang kini berada pada gelombang ketiga.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) juga menyedari bahawa kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan industri komoditi agak kritikal dan dikhuatiri boleh menjejaskan prestasi serta kemajuan industri agrikomoditi negara. Sebagai langkah menyelesaikan jangka masa pendek, kerajaan telah memberi kelonggaran kepada majikan-majikan yang terkesan dan tidak berkeupayaan untuk meneruskan penggajian pekerja asing untuk memindah atau menukarkan keseluruhan atau sebahagian pekerja asing mereka kepada syarikat lain yang mempunyai keperluan tenaga kerja melalui permohonan pertukaran majikan (PTM).

Kerajaan juga telah melancarkan Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang bermula pada 16 November 2020 hingga 30 Jun 2021 yang merangkumi dua komponen utama iaitu program khas iaitu:

- (i) Program Rekalibrasi Pulang; dan
- (ii) Program Rekalibrasi Tenaga Kerja.

Program Rekalibrasi Pulang merupakan program yang membenarkan PATI untuk pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang ditetapkan.

Manakala Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula merupakan suatu program khas untuk meregularisasikan PATI di negara ini sebagai pekerja asing yang sah digajikan oleh majikan yang layak, tertakluk kepada syarat-syarat ketat yang diputuskan oleh kerajaan. KPPK akan melipatgandakan usaha untuk mengisi kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan industri komoditi dengan mengadakan kempen untuk mengajak lebih ramai rakyat tempatan termasuk golongan Orang Asli bekerja di sektor ini.

KPPK akan terus bergerak ke arah memberikan keutamaan kepada rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan dan industri komoditi selain memperkasakan modal insan melalui latihan dan kursus di bawah Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia iaitu IMPAC. Kementerian dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi berkaitan akan terus berusaha keras membantu sektor agrikomoditi mendapatkan pekerja melalui kempen menggalakkan penyertaan rakyat tempatan serta mengalu-alukan penglibatan agensi pekerjaan tempatan untuk tampil dan membantu kementerian menggalakkan rakyat tempatan bekerja di sektor tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Soalan tambahan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah langkah kerajaan dalam menarik golongan belia tempatan untuk bekerja di sektor perladangan dan komoditi ini?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian sentiasa melaksanakan pelbagai usaha untuk menarik minat rakyat tempatan terutamanya golongan belia bagi menceburi pekerjaan agrikomoditi seperti mana yang saya telah jawab.

Antara langkah-langkah jangka masa panjang yang telah dilaksanakan oleh kementerian ialah yang pertama, mengadakan sesi libat urus bersama Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia iaitu IMPAC melalui penganjuran program dengan pihak sekolah dan institusi pengajian tinggi awam bagi memberi pendedahan awal serta menarik minat golongan belia dan para pelajar untuk menceburi pekerjaan di sektor agrikomoditi.

IMPAC juga melatih belia-belia tempatan secara berterusan, antara fokus utama kursus dan latihan yang ditawarkan oleh IMPAC adalah pendedahan penggunaan jentera mekanisasi secara menyeluruh. Sehingga Jun 2020, IMPAC telah melatih seramai 73,526 orang peserta melibatkan sebanyak 1,978 kursus kemahiran komoditi.

Kedua, penubuhan Jawatankuasa Tenaga Kerja Sektor Perladangan dan Industri Komoditi (JTKSPIK) bagi menyediakan platform kepada pihak industri dan agensi kerajaan untuk membincang tentang isu-isu serta permasalahan berkaitan tenaga kerja di samping menggalakkan pihak industri menggaji pekerja tempatan yang tidak terlalu bergantung kepada pekerja asing.

Ketiga, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Pemerksaan Pembangunan Modal Insan Industri Perabot (JTTPMIIP) dengan objektif untuk meningkatkan penglibatan tenaga kerja tempatan khususnya golongan belia yang mencari kerjaya di industri. Banyak lagi usaha telah dilakukan oleh kementerian untuk meningkatkan, supaya menggalakkan belia-belia kita untuk menceburi dalam agrikomoditi. Sekian, terima kasih.

8. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah inisiatif Kementerian Pelancongan untuk mempertahankan imej Bukit Fraser sebagai tempat habitat burung yang terkenal '*International Bird Race*' dan bangunan *Little English* serta keadaan alam semula jadi. Baru-baru ini beberapa orang penduduk asal, peniaga Bukit Fraser dan NGO membantah pembinaan hotel baharu 15 tingkat di sana.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Raub.

Tuan Yang di-Pertua, Bukit Fraser yang terletak di kawasan tanah tinggi mempunyai keindahan alam semula jadi yang indah serta bertuah memiliki udara yang sejuk dan menyegarkan. Gandingan faktor-faktor ini telah menjadikan Bukit Fraser sebagai destinasi yang menjadi antara produk pelancongan terkenal negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia telah merekodkan kehadiran sebanyak 796 spesies burung pada tahun 2019 dengan sebanyak 299 spesies boleh ditemui di Bukit Fraser. Bukit Fraser telah dikenal pasti sebagai salah satu kawasan dengan izin *Important Bird and Biodiversity Area* (IBA) oleh *BirdLife International* untuk dijadikan kawasan pemeliharaan burung di Malaysia.

Dalam hal ini selain daripada destinasi percutian keluarga, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) juga giat mempromosikan Bukit Fraser sebagai salah satu destinasi segmen pelancongan *niche* untuk *bird watching*, dengan izin. Promosi acara pelancongan berkaitan aktiviti melihat burung seperti *Fraser's Hill International Bird Race* turut dijalankan bersama dengan agensi-agensi kerajaan negeri kerana ia juga mampu menyumbang kepada kemasukan pelancongan domestik dan antarabangsa ke Bukit Fraser.

Berhubung dengan isu pembinaan hotel baharu di Bukit Fraser, dimaklumkan bahawa perkara tersebut adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Segala cadangan pembangunan tersebut adalah tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan Majlis Daerah Raub (MDR) sebagai pihak berkuasa tempatan bagi Bukit Fraser.

Untuk makluman juga pada masa ini hanya terdapat tiga buah hotel dengan jumlah bilik sebanyak 370 buah sahaja di Bukit Fraser. Jumlah ini tidak mencukupi bagi menampung permintaan terutamanya pada hujung minggu dan musim cuti umum. Selain itu, hotel-hotel sedia ada juga adalah bangunan lama. Premis penginapan baharu boleh menarik minat pelancong atau pihak korporat untuk berkunjung dan mengadakan program di Bukit Fraser.

Namun pada masa yang sama, MOTAC menyarankan agar sebarang pembangunan di kawasan ini akan mengekalkan dan memelihara tema atau konsep Bukit Fraser dengan mengekalkan fasad pembangunan mengikut kesesuaian alam sekitar dan sejarah setempat. Sebagai contoh sebarang pembangunan baharu di kawasan ini hendaklah mengekalkan konsep *Tudor*, sesuai dengan jolokan Bukit Fraser sebagai *The Little England*. Sekian, terima kasih.

■1050

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya. Bangunan yang akan dibina lebih kurang dalam 15 tingkat. Kita bimbang penghijrahan burung-burung ini akan terganggu daripada segi

ekosistem dan juga mungkin keadaan alam semula jadi di sini akan terganggu sebab bangunan itu terlalu tinggi di puncak bukit. Sebabnya, kalau kita melihat di Pahang, kita ada dua lagi iaitu Cameron Highlands dan juga dan Genting Highlands untuk komersial. Jadi saya berharap Kementerian Pelancongan dapat mempengaruhi kerajaan negeri supaya tempat burung ini dapat dikekalkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Memang pun kita kenal pasti memang ada cadangan pembinaan hotel baharu 15 tingkat yang turut mengakibatkan perobohan bangunan lama di Bukit Fraser yang tidak dirujuk atau dimaklumkan terlebih dahulu kepada Jabatan Warisan Negara mahupun Pejabat MOTAC negeri Pahang bagi mendapatkan pandangan dan nasihat.

Namun, seperti yang saya nyatakan, kita telah minta supaya mereka atau sesiapa yang hendak mencadangkan apa-apa yang melibatkan pelancongan, walaupun ini bukanlah di bawah kementerian kita, namun adalah elok kalau kita menerima sebarang cadangan dibawa bersama untuk berbincang. Setakat ini memang kita belum menerima apa-apa cadangan untuk membawa kita bersama. Kita belum dapat kelulusan pun daripada— ataupun mendapat cadangan itu bersama dibawa kepada kita untuk kita berbincang bagi kita membolehkan kami untuk memberi pandangan kami.

Insya-Allah, apa yang kami boleh lakukan apabila kami diajak bersama untuk bermesyuarat, kita akan memberi pandangan kita. Sebab, yang saya nyatakan tadi, kita mahu supaya tempat itu mengekalkan *Tudor* itu seperti mana yang saya sebut *The Little English*. Apa nama kawasan itu tadi? *Little English*, apa nama tadi yang saya sebut tadi? Tempat yang seperti mana telah ada pada masa itu, *The Little England*. Sekian, terima kasih.

9. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta Perdana Menteri menyatakan semua jumlah dan nama dana meningkatkan ekonomi Bumiputera yang disediakan kepada semua kementerian. Setakat manakah dana itu digunakan dan jumlah Bumiputera yang mendapat manfaat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk meningkatkan taraf ekonomi Bumiputera khususnya dalam bidang pendidikan, modal insan, keusahawanan dan perniagaan, pemilikan kekayaan serta pemilikan ekuiti

korporat. Antara jumlah dana terbesar yang telah diperuntukkan adalah kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB).

Sejak penubuhannya, MARA telah diperuntukkan sejumlah RM20 bilion dalam bentuk perbelanjaan pembangunan atau *development expenditure*. Sehingga kini, seramai 1.15 juta Bumiputera telah menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif MARA dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pelaburan. Manakala seramai 1.02 juta Bumiputera telah menerima manfaat dalam bidang pendidikan dan pembangunan modal insan.

Melalui EKUINAS, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM4 bilion menerusi Dana Ekuiti Nasional. Daripada peruntukan tersebut, sehingga kini EKUINAS telah menghasilkan pulangan pelaburan sebanyak RM3.2 bilion daripada 41 syarikat. EKUINAS juga telah berjaya meningkatkan bilangan tenaga kerja Bumiputera dalam syarikat yang dilabur dengan mencatatkan penyertaan 23.5 peratus Bumiputera di peringkat pengurusan tinggi dan 14.1 peratus di lain-lain peringkat.

Melalui Dana Mudahcara, TERAJU dengan kerjasama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) telah meluluskan peruntukan sebanyak RM781.1 juta kepada syarikat Bumiputera. Dana ini telah memanfaatkan 252 syarikat untuk melaksanakan 276 projek yang menjana pelaburan bernilai RM6.4 bilion dan mewujudkan lebih daripada 15,000 pekerjaan baharu.

Dalam meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera, kerajaan melalui Dana Pelaburan Hartanah di bawah PHB telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM1.145 bilion bagi pembelian dan pembangunan hartanah komersial. Nilai hartanah tersebut telah disuntik ke dalam Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) yang memberi manfaat kepada lebih 75,000 pelabur Bumiputera.

Kerajaan komited untuk meneruskan agenda pemeraksanaan sosioekonomi Bumiputera. Dasar, strategi dan inisiatif baharu yang lebih strategik akan terus diperkukuh untuk mencapai kesaksamaan keberhasilan Bumiputera dan usaha ini akan diperincikan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 yang dijadualkan untuk dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada tahun hadapan. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Soalan tambahan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan pelbagai dana yang diberi, setakat mana kejayaan menambah ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat untuk beberapa tahun kebelakangan ini? Diharap kelulusan dana-dana tersebut tidak terlalu sukar dengan *red tape* dan kerenah birokrasi yang rumit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Itu sebenarnya soalan yang sering kali ditanya. Dalam konteks pemilikan ekuiti korporat Bumiputera, kerajaan kita telah menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus untuk pemilikan ekuiti korporat Bumiputera di peringkat nasional. Akan tetapi, tahap pencapaian pemilikan ekuiti Bumiputera yang sudah diterbitkan adalah sampai tahun 2015 dan adalah pada 16.2 peratus. Bermaksud bahawa kita belum mencapai sasaran kita untuk 30 peratus.

Antara sebab-sebab kemungkinan ekuiti Bumiputera belum mencapai sasaran adalah penyertaan guna tenaga Bumiputera dalam pekerjaan mahir dan profesional masih rendah serta terlibat dalam pekerjaan yang berpendapatan rendah. Kedua, kedudukan kewangan Bumiputera yang kurang kukuh menghalang pemilikan aset dan penglibatan Bumiputera yang terhad dalam keusahawanan dan rantai bekalan. Dan yang ketiga, pemilikan ekuiti korporat yang rendah menyebabkan Bumiputera tiada penguasaan yang efektif.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Justeru itu, pemeraksanaan agenda Bumiputera memerlukan pelaksanaan strategik dan inisiatif yang *bold* dan radikal dan perlu digembleng supaya lonjakan berganda atau *quantum leap* mampu mengubah landskap ekonomi Bumiputera.

Justeru itu, kerajaan telah mewujudkan Majlis Kemakmuran Bumiputera yang bertujuan untuk menjadi platform yang tertinggi dalam usaha memperkasakan pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini adalah sebahagian daripada kerangka intervensi strategik untuk memandu dan mempercepatkan pemeraksanaan ekonomi Bumiputera melalui usaha-usaha peningkatan kapasiti dan keupayaan merentas pelbagai program selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya Bumiputera diberi lonjakan berganda menerusi pembentukan budaya keusahawanan dan kita akan menceburi industri yang strategik dan berimpak tinggi dan berpotensi serta mempunyai nilai yang ditambah tinggi. Secara keseluruhannya, kita akan menekankan supaya pemeraksanaan Bumiputera akan diterjemahkan melalui penggubalan dasar, strategi dan inisiatif yang akan digarap secara lebih terperinci lagi melalui penyediaan RMKe-12 yang akan dibentangkan pada awal tahun hadapan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli Yang Berhormat semua, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan...

Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Ada seminit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: ...Bagi jawab lisan pada hari ini.

Dato' Ir. Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu]: Tuan Yang di-Pertua, ada seminit lagi. Bolehlah satu lagi. Tadi mula pun empat minit lewat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis sudah. Maaf. Pukul 11 sudah. Maaf.

[Sesi bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

■1100

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Anggaran Pembangunan 2021 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Ketiga]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat semua, Majlis dalam Jawatankuasa. Peraturan.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tuan Pengerusi, Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi: Saya.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan satu usul di bawah P.M. 18(2) yang telah saya hantar semalam dengan satu perlanggaran P.M. 47(1) oleh Yang Berhormat Tasek Gelugor dalam proses belah bahagian yang telah berlaku. Saya bawa usul ini atas P.M. 36(12) untuk rujuk Yang Berhormat Tasek Gelugor ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Pohon keputusan.

Tuan Pengerusi: Saya ambil maklum, saya telah terima usul itu pagi tadi dan saya sedang menunggu nasihat undang-undang. Saya kana mengambil tindakan yang sewajarnya. Terima kasih.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, Kota Melaka di sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, ya.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Tuan Pengerusi mengenai dengan insiden semalam yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Puncak Borneo menunjukkan jari tengah dia. Adakah keputusan akhir semalam yang dibuat oleh Tuan Pengerusi itu keputusan...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sudah minta maaf lah, sudah minta maaf lah – dia. Sudah lah itu.

Tuan Pengerusi: Tak mengapa, tak mengapa. Bagi saya jawab. Yang Berhormat Kota Melaka, sebenarnya saya belum buat apa-apa *ruling* semalam sebab saya kurang pasti apa yang terjadi. *Honestly*, saya tidak nampak apa yang terjadi sebab saya ada masalah penglihatan pada minggu ini. Setelah mendengar penjelasan beliau itu, malam tadi saya berbincang, saya minta penjelasan yang selanjutnya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Beliau menafikan sekeras-kerasnya membuat perkara begitu. Kemudian, saya telah melihat video yang tertular itu banyak kali, malah secara *slow motion* pun saya tengok. Saya tidak dapat pastikan sama ada ia benar-benar berlaku atau tidak.

Keputusan saya ialah saya tidak dapat pastikan...

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sekejap. Saya tidak pastikan sama ada perkara tersebut berlaku. Jadi, saya memohon sesiapa yang tidak gembira dengan perbuatan yang dituduh dan dilakukan itu untuk memfailkan satu usul dan saya rasa biarlah Yang Berhormat Timbalan Menteri membela dirinya di hadapan Jawatankuasa.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebenarnya saya sepenuh hati saya tidak pastikan sama ada perkara itu berlaku atau tidak. Terdapat perbalahan fakta yang amat hebatlah dalam perkara ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi sini Kepong, Kepong.

Tuan Pengerusi: Saya hendak mulakan – itu keputusan sayalah.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi saya mohon supaya...

Tuan Pengerusi: Saya tidak mahu lagi kita hendak *debate*.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi rayuan, rayuan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Saya mohon supaya Tuan Pengerusi membenarkan CCTV dalam Dewan ini ditayangkan supaya...

Tuan Pengerusi: Tidak perlulah ditayangkan.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Kita boleh lihat dengan lebih jelas.

Tuan Pengerusi: Saya sudah tengok CCTV itu sendiri. Dia dari belakang sana. Saya tak nampak. Saya memang tak nampak.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh nampak.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh pastikan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, kalau ada masa saya boleh pergi ke pejabat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Untuk tunjukkan video yang amat terang.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Yang boleh tunjukkan yang dia memang tunjuk jari tengah dia...

Tuan Pengerusi: Okey, selepas pukul – selepas *seating*...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ataupun kita boleh minta selepas kita minta Yang Berhormat Parit Sulong sebagai saksi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Melaka, selepas saya *seating* ini silakan datang ke *office* saya.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya duduk di hadapan Yang Berhormat Puncak Borneo.

Tuan Pengerusi: *Alright, alright* saya faham, saya faham.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Saya lihat dengan jelasnya dia ada tunjuk...

Tuan Pengerusi: Itu masalah Yang Berhormat...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sudahlah itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat itu masalah yang saya ada...

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi sudah buat *ruling* dah.

Tuan Pengerusi: Saya tidak nampak dan saya...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Boleh mula Tuan Pengerusi, boleh mula sudah.

Tuan Pengerusi: Saya tidak boleh pastikan...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tak mengapa.

Tuan Pengerusi: So, sebelah sini kata tidak buat, sebelah sana kata buat. Jadi, macam mana saya hendak buat keputusan...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi, tak mengapa. Yang Berhormat Kota Melaka terima kasih kerana menawarkan diri untuk datang *office* saya. Saya akan berjumpa dengan Yang Berhormat Kota Melaka, selepas ini.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Tuan Pengerusi, Kepong. Di mahkamah, kalau tidak ada bukti yang kukuh, kita bergantung kepada saksi. Semalam kita ada ramai saksi yang ternampak.

Tuan Pengerusi: Tak mengapalah, itu keputusan saya. Terima kasih.

Kepala B.21 [Jadual] –

Kepala P.21 [Anggaran Pembangunan 2021] –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat semua, ini adalah perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Kepala Bekalan B.21 dan Kepala Pembangunan P.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan terbuka untuk dibahas.

Pertamanya saya ingin menjemput Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Port Dickson, silakan.

11.05 pg.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut membangkitkan Butiran Pembangunan 00100 – Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan pembinaan ataupun urusan *land swab* dan membina bangunan baharu Pejabat Korporat FAMA bernilai RM220 juta yang dibina di Kelana Jaya.

Saya ingin tekankan, ini belanjawan COVID-19 dan daripada kajian Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz sejak tahun 1961 sehingga tahun 90-an, dia menyebut tentang

vicious cycle of poverty yang melibatkan apa yang diungkapkan dalam frasa *irregularities in the marketing infrastructure* dengan izin Tuan Pengerusi. Jadi peranan FAMA itu bila dibangkitkan oleh Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz disambut oleh Almarhum Tun Razak dan Tun Musa Hitam pada masa itu. Ia ditubuhkan untuk membantu petani-petani, pekebun kecil dalam isu pemasaran. Jadi, patut Yang Berhormat Menteri terutamanya dari kawasan Sabah dan dari kawasan desa beri tumpuan supaya pemikiran lama *the old normal* yang dikatakan itu dirobah.

Masalah pemasaran tidak akan dibantu dan diselesaikan dengan pembangunan bangunan korporat yang baharu. Kata Yang Berhormat Menteri, ia tidak melibatkan beban kewangan. Ini tanah kerajaan, ada lebih sebanyak RM60 juta. Kita tahu juga proses *land swab* ini proses yang sangat *controversial*. Mantan Menteri Pertahanan Tuan Mohamad bin Sabu pada ketika itu menyebut kerugian, ketirisan melebihi sebanyak RM500 juta sepanjang pelaksanaan sejumlah 16 projek *land swab* Kementerian Pertahanan di pelbagai peringkat pelaksanaan. Jadi, Yang Berhormat Menteri harus lebih teliti, apakah keutamaan kita? Hendak bantu peladang dan petani jual barang dia, makanan, ternakan dan sebagainya atau hendak buat mahligai baharu di Kelana Jaya. Itu bagi saya sangat penting terutama dalam keadaan mendesak sekarang.

Juga terkait dalam perkara ini, saya sebutkan pihak kementerian harus kembali melihat peranan FAMA. Penubuhan FAMA itu juga sangat kontroversi pada masa itu. Pertelagahan besar antara pimpinan UMNO dengan pimpinan MCA. Ini kerana, dilihat itu daripada segi sudut kaum. Saya lihat daripada sudut pemerasan, daripada sudut lintah darat, daripada sudut orang mengait keuntungan yang membebankan dan memiskinkan petani yang memang sudah miskin.

Jadi saya harap, terutama dari Sabah saya katakan – Ini kerana, masalah pengangguran di Sabah itu sudah melonjak tinggi. Ia antara daripada segi peratus, pelonjakan yang paling terkesan semasa COVID-19. Masalah petani miskin di Sabah tidak boleh dibantu dengan pembinaan ini. Kalaupun hendak dijual, *land swab* itu boleh digunakan dan dimanfaatkan dengan dana kewangan untuk membantu petani menjual hasil mereka dengan lebih lumayan.

Kedua, Butiran 040000 – Program Khusus. Butiran 040500 – Subsidi dan Insentif Tanaman Padi. Saya ucap terima kasih, tahniah kepada Menteri bila Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan pelantikan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) – yang kebetulan saya tubuh semasa saya menjadi Menteri Pertanian – mengambil alih peranan daripada BERNAS. Monopoli yang diberikan kepada BERNAS saya anggap amat membebankan petani. Lebih baik persatuan-persatuan peladang dan petani sendiri yang menguruskan.

Akan tetapi, saya ingin tekankan – saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa kalau tidak diawasi, NAFAS itu pun mungkin akan jadi badan korporat baharu yang mana lembaga syarikatnya akan fikir soal syarikat-syarikat, anak syarikat dan mengaut keuntungan.

■1110

Jadi oleh yang demikian, NAFAS juga harus diperingatkan tanggungjawab mereka adalah untuk menentukan urusan baja, pembelian kemudahan, kelengkapan yang lain dan juga penjualan kepada LPN itu dapat diurus dengan pengawasan yang sangat ketat supaya mereka tidak menyeleweng daripada tugas monopoli sepertimana yang dibuat oleh Bernas. Saya mohon beberapa minit, dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]: Ini kerana ia ada kaitan dengan Laporan Ketua Audit Negara soal subsidi padi ini. Laporan Ketua Audit Negara 2018, saya baca. Saya harap ini yang menjadi tumpuan. Kalau tidak, seorang pakar ekonomi, Mancur Olson menyebut, zaman dahulu, kezaliman raja-raja itu merampok kekayaan rakyat setahun sekali. Dia datang tahun kemudiannya. Kalau kita tidak teliti, kebiasaan merompak ini boleh jadi berterusan. Kata dia, “*more insidious*”, cara, walaupun dia kaitkan soal *privatization* masa itu.

Contohnya, seramai hingga 7,000 pesawah yang telah meninggal dunia masih mendapat subsidi dan insentif berjumlah RM57.9 juta. Sudah mati dah ini. Kemudian, yang tidak wujud dalam sistem, mendapat subsidi berjumlah sekitar RM28.9 juta. Nombor kad pengenalan diragukan, 108.8 juta. Selain daripada kelewatan penghantaran baja di antara 14 hari, mungkin dimaafkan tetapi sehingga 278 hari.

Jadi saya harap, sudah Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perhatian hal ini kerana ini bertentangan dengan apa yang diumumkan. Apa yang diumumkan itu belanja besar tetapi ketirisan itu lagi besar. Pendapatan penanam padi ini, kelompok paling miskin dalam negara. Ramai orang bandar, elit bandar, dia tidak sedar mengapa kita tekankan perlu membantu golongan paling miskin kerana pendapatan mereka itu dianggarkan di antara RM500 sebulan, maksimum RM3,000.

Majoritinya itu masih dalam kategori paling miskin di antara RM500 sehingga RM1,000 satu bulan. Jadi, walaupun kita umumkan puluh bilion subsidi dan kalau ketirisan begini rupa dan Menteri masih memberikan penekanan tentang normal lama, bangunan-bangunan baharu, bangunan korporat baharu untuk pegawai-pegawai, saya hendak tekankan ini adalah bertentangan dengan hasrat penubuhan badan ini dan juga hasrat kita meluluskan peruntukan besar untuk Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Batang Lupar.

11.13 pg.

Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020100 - Industri Padi dan Beras. Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri MAFI, nama baharu itu MAFI, yang sangat optimis dengan menyasarkan peningkatan kadar pengeluaran beras tempatan mencapai tahap sara diri (SSL) kepada 75 peratus, berbanding selama ini 70 peratus.

Peruntukan bagi butiran ini didapati berkurangan sebanyak RM3.1 juta dan dilihat tidak sejajar dengan apa yang disasarkan. Apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh kementerian bagi mencapai sasaran tersebut dan berapa lama kah anggaran bagi capaian kepada sasaran?

Saya menyentuh Butiran 020200 - Pengairan dan Saliran Pertanian. Satu jumlah besar pastinya diperlukan bagi menampung kos pelan pengairan seperti yang dirangka oleh MAFI yang mana tidak selaras dengan apa yang diperuntukkan bagi tahun 2021. Berdasarkan kepada kekangan peruntukan tahun hadapan, bagaimana kementerian merancang dalam memberikan keutamaan kepada kawasan yang benar-benar memerlukan sistem pengairan dan saliran yang lengkap supaya tanaman padi boleh dilaksanakan?

Mengambil contoh di kawasan saya, sistem pengairan dan saliran telah dilakukan di kawasan Lingga Banting berbanding kawasan Bijat Stumbin yang sepatutnya didahulukan. Sehingga kini, masih belum lengkap sistem pengairan tersier yang menyebabkan padi moden tidak dapat ditanam, malahan sistem *primary* yang dibangunkan tidak dapat digunakan sepenuhnya.

Saya menyentuh Butiran 021100 - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Saya menyambut baik usaha MAFI dan MARDI dalam menghasilkan benih padi asas dan mengeluarkan lebih banyak benih padi yang sesuai untuk ditanam di negara ini untuk kegunaan petani. Peruntukan bagi butiran ini dikurangkan dalam RM21.8 juta. Bagaimanakah peruntukan ini dapat digunakan dalam memastikan bekalan benih padi dapat digunakan oleh pesawah di Batang Lupar?

Isu benih padi di Batang Lupar adalah sesuatu yang perlu ditangani segera dalam memastikan Projek Jelapang Padi Sarawak dapat direalisasikan. Apa yang berlaku di Sarawak, tiada bekalan benih padi moden oleh MARDI yang dapat digunakan, memandangkan benih padi yang dibawa oleh MARDI dari Semenanjung ke Sarawak telah ditolak oleh kerajaan negeri kerana benih yang berpenyakit. Saya mencadangkan supaya MARDI mewujudkan satu platform menghasilkan benih daftar di Sarawak supaya Projek Jelapang Padi Sarawak dilaksanakan dengan segera.

Saya menyentuh di bawah Butiran 01940 - IADA Batang Lupar. Kawasan IADA Batang Lupar berpotensi untuk dijadikan sebagai pusat penghasilan makanan, khususnya padi dan beras, terutamanya untuk pasaran dalam negeri. IADA Batang Lupar diramalkan oleh kementerian mampu menghasilkan 6.5 tan padi untuk satu musim yang akan dilengkapi dengan infrastruktur dan kemudahan sistem moden bagi meningkatkan pengeluarannya.

Merujuk kepada Butiran 01940 - IADA Batang Lupar, bilakah projek ini dapat direalisasikan sepenuhnya? Adakah sasaran ini boleh dicapai, memandangkan apa yang berlaku di lapangan adalah sebaliknya? Hakikatnya, pada musim utama penanaman padi di Batang Lupar, pesawah memilih untuk menanam padi benih tradisional berbanding padi benih moden. Peruntukan perlu digunakan juga untuk sebarang pakej rangsangan bagi menggalakkan petani menanam padi benih moden dengan cara tanaman moden, memandangkan IADA merupakan *caretaker* bagi projek ini.

Segala apa yang disebutkan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi, silakan.

11.18 pg.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 94000 - Projek Pemacu Pertanian, yang mana RM592 juta dicadangkan diperuntukkan. Saya nampak pembentangan belanjawan kali ini tidak menyasarkan penambahbaikan kepada Dasar Pertanian yang sedia ada. Apa yang ada hanyalah tambahan peruntukan seperti juga dengan peruntukan-peruntukan yang lain.

Tidak ada usaha spesifik untuk mempromosi kaedah pertanian moden dalam kalangan pekebun kecil. Pekebun kecil jika dibiarkan untuk teruskan dengan cara lama, tidak akan dapat memajukan diri mereka. Selama-lamanya mereka akan bergantung kepada subsidi oleh kerajaan, sebabnya mereka tidak dapat maju ialah kerana tanah milik mereka terlalu kecil. Kita lihat di Malaysia, bagaimana ladang yang besar ataupun estet dapat meraih keuntungan.

■1120

Kita biasa mendengar bahawa jumlah keluasan estet besar hanya sepertiga daripada jumlah keluasan pekebun kecil. Akan tetapi dua pertiga daripada keluaran getah umpamanya datang daripada estet besar sementara hanya satu pertiga datang dari ladang kecil yang lebih besar jumlahnya. Daripada data ini, kita sepatutnya sudah lama sedar hanya ladang besar sahaja yang akan memberi keuntungan. Selagi kita

bergantung kepada ladang kecil selama itulah pekebun akan miskin dan bergantung kepada subsidi kerajaan.

Untuk mengatasi masalah ini, ladang-ladang kecil perlu digabung supaya menjadi estet yang bersaiz sekurang-kurangnya 1,000 ekar ataupun lebih. Syer kebun dalam pendapatan penggabungan akan mengikut saiz tanah sumbangan mereka kepada ladang besar. Ladang yang besar ini perlu diurus oleh pengurus yang terlatih dalam bidang pengurusan ladang. Pekebun kecil tidak mungkin mengurus ladang besar. Jenis tanaman hendaklah bercampur-campur selain daripada tanaman utama seperti getah, kelapa sawit ataupun padi, bahagian-bahagian perlu ditanam dgn sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan ikan dan lain-lain. Dengan cara ini, apabila harga *maincrop* jatuh ataupun penanaman semula diusahakan, pendapatan daripada tanaman sayur dapat menampung kehilangan pendapatan kerana kejatuhan harga ataupun tanam semula.

Sekarang apabila tanaman semula diusahakan selama tujuh tahun pekebun tidak mempunyai pendapatan. Mereka bergantung kepada pinjaman maka jadilah mereka orang yang pikul beban hutang. Pekebun boleh bekerja dalam estet ataupun mengadakan perusahaan sampingan, sebagai pekerja mereka akan dibayar gaji.

Selain daripada gabungan tanah ini, teknologi moden perlu diperkenalkan. Kita tidak perlu tanah yang subur lagi, dengan menggunakan pasu yang dipenuhi dengan sabut dan dengan saluran air bercampur baja pengeluaran sayur boleh ditingkatkan. Kita import RM60 bilion sayur-sayuran setiap tahun sedangkan kita mampu mengeluarkan semua keperluan sayur dalam negara. Sistem *vertical farming* menjimatkan lagi keluasan bertanah dan menambah keluaran sayur dalam negara. Mungkin...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Langkawi, boleh saya mencelah? Yang Berhormat Tun...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Simpang Renggam dekat belakang.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Sedikit sahaja, belakang Yang Berhormat Tun, boleh ya? Saya kira apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Langkawi begitu menarik berkaitan dengan mode baharu pertanian untuk membantu kita memperkasakan industri tani juga. Yang Berhormat Langkawi, setuju kah jikalau Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberikan insentif kepada graduan kita yang kini ramai yang tidak bekerja kerana keadaan ekonomi semasa dan perlu ditarik mereka ke bidang pertanian seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Langkawi tadi, perlu digabung jalinkan dengan teknologi, kita ada *IoT*, *AI*, *robotic* dan sebagainya untuk mempertingkatkan pertanian dan membantu para graduan kita.

Bersetuju kah Yang Berhormat Langkawi terhadap cadangan tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Tuan Pengerusi, saya bersetuju. Apa yang saya tidak setuju ialah bagi subsidi tanpa memodenkan dan menambahkan pendapatan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil. Mungkin Kerajaan Perikatan Nasional sudah memikirkan dan melaksanakan cara-cara pertanian moden ini, jika sudah ketepikanlah sahaja pendapat saya ini. Akan tetapi setakat yang saya tahu kebun kecil masih kecil dan peruntukan hanya untuk subsidi. Maka akan miskinlah pekebun kita selama-lamanya.

Saya juga mempunyai idea berkenaan dengan menangkap ikan. Cara nelayan kita tangkap ikan akan meneruskan mereka sebagai golongan miskin. Nampaknya pendekatan kerajaan terhadap kepada memberi elaun dan menambah elaun. Selain daripada menambah elaun, tidak adakah cara untuk menambah pendapatan nelayan? Sebenarnya di Langkawi, ternakan ikan amat berjaya. Laut Langkawi dilindungi oleh pulau-pulau daripada angin kencang dan ombak tinggi. Banyak tempat yang sesuai untuk ternakan ikan dalam sangkar. Nelayan keseorangan tidak mungkin mengadakan perusahaan ini, hanya syarikat ataupun koperasi sahaja yang mungkin.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa peruntukan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sudah ditambah daripada RM500 *million* kepada RM1,444 *million*. Saya ucapkan syabas kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, seminit sahaja lagi ya.

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]: Akan tetapi bukan peruntukan yang ditambahkan sahaja yang diperlukan, pendekatan yang mengatasi kemiskinan pekebun dan nelayan amatlah penting diusahakan. Saya dapati sukar bagi saya menyokong belanjawan ini tanpa penjelasan berkenaan dengan bagaimana kemiskinan mereka akan diatasi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tanjong Karang.

11.27 pg.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Butiran 040600 – Subsidi dan Inisiatif Nelayan. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan PN yang begitu peka dengan masalah nelayan dan saya rasa gembira kerana apa yang dibuat oleh Barisan Nasional semasa itu diteruskan oleh Perikatan Nasional kerana kita sedia maklum sewaktu PH memerintah, elaun nelayan diturunkan daripada RM300 kepada RM200. Kita bising-

bising naik pula RM250 tetapi hari ini *alhamdulillah* elaun nelayan dinaikkan sehingga RM300 dan nelayan darat juga telah pun mendapat RM250.

Walau bagaimanapun, saya ingin meminta keadilan daripada pihak kementerian kerana saya juga mendapat maklum bahawa jumlah nelayan yang mendapat bantuan ini sudah berkurangan. Kalau tidak silap saya dahulu 70,000 sekarang sudah tinggal 40,000. Betul saya memang bersetuju. Memang kita kena buat pemutihan untuk memastikan ciri-ciri nelayan tulen seperti mesti turun ke laut 120 hari setahun mesti dikaji.

Hanya saya hendak minta supaya pemutihan ini hendaklah dibuat secara adil. Berilah tunjuk, berilah sebab dan maklumkan kepada nelayan sebab apa nama mereka ini dikeluarkan daripada *list* yang sepatutnya yang mereka dapat. Jadi mereka tidak tertanya-tanya sebab pernah juga nelayan ini berjumpa saya. Dia bawa satu surat akuan sumpah, dia kata dia memang nelayan tulen tetapi rayuannya tidak diendahkan. Jadi yang pentingnya keadilan, *right to be heard* mesti diberi kepada nelayan.

Kedua, saya tidak pasti sama ada bantuan perumahan nelayan ini. Saya tahu masih ada tetapi mungkin saya tidak nampak di bawah butiran mana tetapi saya minta supaya bantuan membaiki rumah nelayan termasuk juga nelayan darat mesti juga diberikan keutamaan.

Mengenai subsidi padi, Butiran 040400 – Subsidi Harga Padi. Saya hendak tanya mengapa subsidi ini diturunkan kurang RM50 juta daripada tahun ini? Saya tengok ada beza RM50 juta. Adakah kerajaan tidak yakin bahawa penambahan hasil padi akan meningkat?

■1130

Sepatutnya kalau kita yakin peningkatan hasil padi ini meningkat patut subsidi ini kena ditambah tetapi sekarang ini dikurangkan RM50 juta dan juga saya hendak minta sekali lagi rayuan daripada petani-petani potongan gred padi ini. Kalau boleh janganlah terlalu tinggi sangat, jangan terlalu tinggi. Ini kadang-kadang sampai 25 peratus hingga 30 peratus. Saya memahami ada sistem ia tetapi sistem yang dibuat ini saya ingat kenalah buat lebih adil, kalau tidak nelayan dan petani-petani walaupun dapat subsidi tetapi mereka akan kehilangan 20 peratus daripada hasil mereka.

Kemudian mengenai Butiran 040500 – Subsidi dan Insentif Tanaman Padi. Hal yang ini juga saya lihat bahawa subsidi ini termasuk racun dan juga baja tetapi harga racun ini yang tidak ada subsidi. Kalau boleh kena buat kajian betul-betul, saya hendak cadanglah lagi sekali. Dulu saya cuba buat tetapi gagal juga, kalau boleh dilihat dimasukkanlah sebagai harga kawalan kerana harga racun ini naik sampai 50 peratus pun ada.

Jadi ini menyebabkan petani-petani tidak dapat hendak menambah hasil. Saya juga hendak mencadangkan supaya – ada dua isu saya, insentif. Adakah insentif penambahan hasil padi? Dulu waktu zaman BN kalau petani itu musim ini dapat 700 tan, tahun depan dia dapat 800 tan, naik 100 tan. Dari tujuh tan naik ke lapan tan, naik satu tan, itu kita bagi insentif kenaikan. Akan tetapi yang saya dimaklumkan zaman PH itu sudah tidak ada, itu yang pertama.

Kedua, dulu zaman BN kita ada bagi berjagung-jagung dahulu sebelum padi masak. Di mana kita beri RM300, untuk menantikan waktu padi masak kita bagi RM300 kerana kita tahu waktu menunggu padi masak ini, musim panen ini mereka sukar untuk mendapat pendapatan, oleh sebab itu kita bagi RM300. Akan tetapi kali ini saya tengok saya tidak pasti sama ada insentif-insentif itu termasuk atau tidak dengan sumbangan RM300.

Saya juga hendak merayu lagi sekali kepada pihak kementerian, tolonglah petani-petani yang mendapat hasil kurang daripada lima tan per hektar. Kekurangan hasil ini bukan kerana apa, kalau terbukti memang kena serangan serangga, memang kena penyakit padi maka itu hasilnya kurang. Maka petani seperti ini mestilah diberikan bantuan paling-paling tidak bagilah mereka benih padi secara percuma untuk meringankan beban mereka.

Akhir sekali, saya tahu saya sudah habis masa. Akhir sekali saya hendak kepastian Butiran 040700 – Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) dan Pertanian. Saya lihat kawasan di bawah tajuk Pembangunan, beberapa IADA ada, Kota Belud, Rompin, semuanya ada tetapi saya hendak tanya IADA Barat Laut di manakah peruntukannya? Kalau termasuk dalam butiran yang saya sebut tadi hanya RM20 juta. Sedangkan hari ini kita amat memahami bahawa sistem pengairan, sistem perhubungan di dalam sawah padi amat mendukacitakan. Jadi kalau boleh tolong pertimbangkan pertambahan kepada IADA Barat Laut, negeri Selangor. Terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Bukit Bendera.

11.34 pg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Saya merujuk kepada kerangka keberhasilan tentang pertanian dan industri makanan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Petunjuk jaminan bekalan makanan negara iaitu tahap sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) untuk beras. Dalam buku ini tahun 2019 dinyatakan

sebenarnya 74.30 peratus, tahun 2020 sasaran sebanyak 77 peratus dan tahun 2021 sasaran sebanyak 82.39 peratus.

Saya pun hairan kerana saya membaca pengumuman Yang Berhormat Menteri ialah meningkatkan SSL ataupun tahap sara diri bagi beras dari 70 peratus sampai 75 peratus. Boleh Yang Berhormat Menteri menjelaskan perbezaan angka-angka SSL dalam buku anggaran ini dengan pengumuman Menteri?

Di bawah perkara yang sama juga, saya mendapati bahawa di bawah Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras, terdapat penurunan daripada peruntukan daripada 66 juta kepada 63 juta pada tahun 2021. Minta satu penjelasan kerana terdapat pengurangan walaupun kementerian ingin meningkatkan SSL untuk beras tetapi terdapat pengurangan daripada bajet.

Yang Berhormat Menteri dari Beluran Sabah, apakah usaha Yang Berhormat Menteri tentang pembukaan lebih banyak tanah pertanian di negeri Sabah dan Sarawak? Memandangkan di pihak Semenanjung kita mungkin kekurangan ataupun tanah-tanah pertanian yang boleh dibuka di Semenanjung telah mencapai tahap yang tertentu. Apakah perancangan strategik Yang Berhormat Menteri untuk seluruh Malaysia untuk menambahkan lagi bekalan makanan khasnya di Borneo, di negeri Sabah dan Sarawak?

Saya juga merujuk kepada Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara. Petunjuk peratusan tahap diri, *self-sufficiency level* (SSL) statistik daripada *Department of Statistic Malaysia* (DOSM) untuk cili kita hanya mencapai sebanyak 30.8 peratus, untuk halia sebanyak 16.2 peratus, untuk kubis bulat atau *round cabbage* sebanyak 36.2 peratus dan bawang atau *onion* tiada angka tetapi SSL yang rendah.

Oleh itu, soalan saya SSL yang rendah dengan *Import Dependency Ratio* (IDR) yang tinggi memandangkan cili, halia, bawang dan sebagainya merupakan makanan, *household food* yang penting dalam Malaysia. Memandangkan juga apabila *bill food import* kita mencecah kepada RM60 bilion dan *food trade balance deficit* pada tahun 2018 mencecah kepada RM18.6 bilion. Itu telah meningkat daripada RM1.1 bilion pada tahun 1990, tahun 2006 sebanyak RM8.5 bilion *food trade balance deficit* dan sekarang RM18.6 bilion.

Soalan saya, apakah usaha kita memperbaiki *Global Food Security Index* (GFSI), Malaysia di kedudukan 24 dalam *Global Food Security Index* dan ini bukan sahaja melibatkan isu makanan tetapi juga kepada isu *consumption* dan *production* harga makanan. Baru-baru ini India mengenakan larangan eksport ke atas beberapa kategori bawang ke luar negara, maka ia memberikan impak kepada Malaysia kerana kita import banyak bawang.

Isu-isu logistik, *currency exchange*, *climate change* dan sebagainya. Apakah usaha menambahkan tahap sara diri (SSL) untuk beberapa *agriculture* produk dan kurangkan *imports dependency ratio*?

Di bawah Butiran 020700 – Perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Terdapat penurunan daripada angka anggaran RM143 juta kepada RM106 juta, apakah sebabnya penurunan tersebut? Penurunan yang drastik kerana saya dapati perikanan adalah satu industri yang penting. Apakah hasil kita telah meminda Akta Perikanan kita pada tahun 2019 yang diluluskan Parlimen ini? Apakah usaha perikanan laut dalam ataupun tuna industri di Lautan Hindi? Apakah hasil dalam perubahan pindaan akta itu?

Perkara terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 020000 – Bekalan Makanan Negara. Terdapat di bawah nisbah tahap sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL), tentang daging kambing sebanyak 12.1 peratus, daging lembu (*beef*) sebanyak 23.7 peratus dan sekali lagi SSL yang rendah dan IDR yang tinggi, *Department of Statistic*. Apakah usaha kita untuk menambahkan bekalan makanan daging dalam negara? Saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Seterusnya, Yang Berhormat Jempol.

11.39 pg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi keizinan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021, peringkat Jawatankuasa, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada pagi ini.

■1140

Butiran 021100 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). MARDI merupakan salah satu institusi yang menjadi tunjang utama menentukan jatuh bangun sektor pertanian industri makanan. Hal ini kerana peranan yang dimainkan oleh institusi tersebut amat penting bagi melakukan penyelidikan pembangunan (R&D) terhadap pengeluaran, pemprosesan, tanaman, ternakan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, peruntukan untuk MARDI pada tahun hadapan telah dikurangkan sebanyak RM22 juta iaitu kepada RM190 juta berbanding RM212 juta sebelum ini. Sedangkan banyak tanaman dan ternakan di negara ini masih merekodkan tahap sara diri (SSL) yang rendah serta memerlukan R&D peningkatan pengeluaran serta kualiti.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera tadi adalah sama kerana halia kita hanya ada 16.2 peratus, cili (30.8 peratus), mangga (32.1 peratus),

daging kambing (12.1 peratus) dan daging lembu (23.7 peratus). Ini menunjukkan bahawa tahap sara diri kita amat rendah berbanding dengan negara-negara lain.

Soalan saya. Mengapakah peruntukan bagi perbelanjaan R&D dipotong sebanyak 10 peratus bagi tahun hadapan? Adakah pemotongan ini wajar dilakukan di saat negara sedang berusaha memastikan tahap sekuriti makanan berada dalam keadaan stabil? Sejauh manakah pengurangan peruntukan ini boleh memberi kesan kepada aspek latihan, bantuan R&D untuk industri pertanian?

Pada hemat saya, pemotongan perbelanjaan bagi tujuan R&D tidak boleh dikurangkan kerana ia masih lagi perkara yang perlu dilakukan untuk menjamin sekuriti makanan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Antaranya adalah... [*Disampuk*] Okey, sikit. Bagi, bagi, bagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jempol, mungkin Yang Berhormat menyedari bahawa industri makanan dalam negara kita ini adalah antara yang ketinggalan jauh dibandingkan dengan negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan lain-lain. Apakah Yang Berhormat Jempol ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa masanya sudah sampai untuk kerajaan dan kementerian ini untuk mempertingkatkan kualiti peningkatan eksport kita, bukan import semata-mata? Sebab dari segi perikanan, dari segi sayur-sayuran, buah-buahan, semua dilonggokkan dari luar negara dan kita akhirnya bergantung pada *supply* luar negara. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sejak jadi Timbalan CM ini lain sedikit, ada tertib. Jadi, betul apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan itu dan masukkan dalam ucapan saya. Ini kerana dalam suasana sekarang, kita tahu keperluan makanan dalam keadaan COVID-19 hari ini memang terlalu mendesak dan ia perlukan satu kajian R&D yang cukup mantap. Bukan sahaja kajian tetapi pelaksanaan itu sangat penting. Bagaimana orang kampung ini boleh terlibat.

Contohnya saya sebut tadi 30.8 peratus pengeluaran cili. Maksudnya sepanjang masa kita mengimport cili dari luar. Jadi kenapa cili yang boleh kita tanam tidak boleh kita buat? Masalah orang kampung pada hari ini kerana bila dah tanam, macam mana pemasarannya? Yang ini kadang-kadang kita kena tengok. Dari segi FAMA macam mana peranannya. Suruh orang kampung tanam tetapi bila orang kampung hendak jual, harganya merudum. Jadi pulangan modal pun tidak dapat. Yang ini perlu ada kajian yang khusus supaya orang kampung ataupun pekebun kecil ini dapat manfaatnya.

Butiran 90200 – Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan. Industri ini bukan sahaja memerlukan hala tuju baharu dalam perancangan RMKe-12, namun industri tersebut juga memerlukan pelapis baharu. Sumber tenaga merupakan perkara pokok yang perlu diberi perhatian oleh kementerian untuk memperkukuhkan sektor pertanian dan industri makanan. Hal ini kerana industri tersebut masih dipelopori oleh orang sudah berumur. Mereka golongan muda, bukan budak, sangat menyedihkan.

Soalan saya. Berapakah nisbah penglibatan antara warga tua dan golongan muda mengikut pecahan tanaman, ternakan dan perikanan?

Pada tahun 2019, sebanyak 58.2 peratus individu menganggur di negara ini merupakan golongan muda dan angka tersebut dijangka akan terus meningkat akibat pandemik COVID-19. Namun, setakat September 2020, peluang pekerjaan terhadap sektor pertanian adalah sekitar 5.9 peratus iaitu tertinggi berbanding dengan sektor lain.

Jadi satu lagi, Tuan Pengerusi, Butiran 10008 – Unit Agropreneur Muda. Program ini diwujudkan dalam pelaksanaan RMKe-11 dan khas untuk golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun. Ia bertujuan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang usahawan agro berasaskan semua aktiviti dan dalam rantai semua sektor pertanian.

Soalan saya. Apakah insentif yang telah berjaya mencapai matlamat dan sasaran awal yang telah ditetapkan sebelum ini?

Berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri semasa sesi penggulungan peringkat dasar, sejak tahun 2014 hingga 2020, program ini telah berjaya membantu seramai 1,176 orang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM24 juta. Ini bermakna purata bagi setiap negeri hanyalah sekitar 168 orang sahaja mendapat kelulusan geran pembiayaan di program ini. Pada hemat saya, angka ini masih terlalu kecil berbanding dengan golongan muda berumur 18 hingga 40 tahun pada setiap tahun. Peruntukan bagi tahun hadapan pula dikurangkan RM5 juta kepada RM15 juta sahaja berbanding dengan sebelumnya.

Soalan saya. Sejauh manakah sambutan program di kalangan orang muda dan mengapakah peruntukan bagi tahun hadapan dikurangkan? Pada hemat saya, peruntukan program ini tidak seharusnya dikurangkan oleh kerajaan. Hal ini kerana usahawan telah menjadi norma baharu pada masa ini disebabkan kehilangan pekerjaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pokok Sena.

11.47 pg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020700 yang berkaitan dengan LKIM. Mohon penjelasan

daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan iaitu berkaitan dengan pengurangan sebanyak RM37 juta berbanding dengan bajet pada tahun 2020. Sedangkan saya lihat bahawa tanggungjawab LKIM ialah untuk membantu meningkatkan taraf sosioekonomi kehidupan para nelayan. Jadi bila dengan pengurangan sebanyak RM37 juta ini, saya melihat bahawa ada sesuatu yang tidak kena dalam soal bagaimana kita hendak memperbanyakkan lagi program-program yang boleh membangunkan taraf sosioekonomi di kalangan nelayan.

Kedua ialah Butiran 040400.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Pokok Sena, boleh? Ledang. Sedikit sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap. Butiran 040400 iaitu yang berkaitan dengan penurunan subsidi harga padi daripada RM620 juta kepada RM570 juta. Bermakna bahawa pengurangan sebanyak RM50 juta. Ia bermakna bahawa menunjukkan kerajaan melihat yang hasil padi pada tahun hadapan ini akan turun. Maknanya hasil padi di kawasan macam di Jerlun di tempat Tuan Pengerusi, Kampung Sanglang itu, antara kawasan padi yang meningkat. Jadi tidak tahulah *kot-kot* adik-beradik *nuh depa* akan rasa lemah dah, tak mahu dah buat bendang ini, jadi hasil padi dia menurun.

Jadi ini memberikan kesan menunjukkan bahawa kerajaan begitu tidak mempunyai satu perancangan bagaimana hendak meningkatkan hasil padi. Bila meningkat hasil padi, sudah tentu peruntukan subsidi harga padi itu akan meningkat. Akan tetapi bila subsidi harga padi unjurannya sudah pun melihat bahawa menurun, bermakna bahawa kerajaan sudah ada unjuran yang hasil padi akan menurun. Jadi saya minta, berapakah unjuran hasil padi pada tahun 2021? Ya.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Pokok Sena bangkitkan berkenaan dengan Butiran 020700 – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Ia ada berkaitan juga dengan Butiran 00500 – LKIM juga. Butiran 020700 tadi kekurangan bajet untuk tahun 2021 tetapi di Butiran 00500, ada peningkatan baru RM41 juta untuk tahun 2021 yang sebelum itu tidak ada apa-apa belanja langsung.

Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Pokok Sena, mengapakah jumlah yang pertama tadi ini turun tetapi yang ini banyak pula daripada kosong pada tahun sudah tetapi akan datang ini adalah RM41 juta?

■1150

Adakah ini termasuk juga usaha-usaha LKIM untuk membantu nelayan daripada segi pembinaan-pembinaan jeti? Ini kerana, di kawasan Ledang saya banyak jeti yang sudah daif dan perlu dibaik pulih. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey. Baik saya minta masuk sebahagian daripada ucapan saya. Ini kerana, yang disebut tadi itu sebanyak RM41 juta dalam bentuk pembangunan. Apa yang saya maksudkan tadi ialah dalam pengurusan yang menunjukkan berlaku penurunan.

Kemudian, saya juga ingin menyentuh dalam P.21 iaitu berkaitan dengan Butiran 10008 berkaitan dengan pengurangan sebanyak RM5 juta kepada Program Unit Agroprenuer Muda, usahawan muda ini dan tidak tercatat dalam buku ini iaitu peruntukan tahun 2020 sebanyak RM20 juta. Akan tetapi, dicatat ialah dalam tahun 2021 ini anggarannya ialah sebanyak RM15 juta. Ini bermakna turun RM5 juta. Adakah kita tidak lagi hendak berusaha untuk membantu golongan muda yang boleh dibangunkan supaya mereka menjadi usahawan dalam bidang pertanian ini. Sedangkan kita berhadapan dengan suasana pandemik COVID-19 yang melanda negara kita ini. Kita melihat sektor pertanian adalah sektor yang terbaik untuk membantu mereka menjana pendapatan.

Kemudian saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 030300 – Latihan Kemahiran Pertanian. Ini soal TVET. Ini juga berlaku penurunan sebanyak lebih kurang RM8 juta untuk penurunan latihan TVET. Jadi, saya mohon kenapa persoalan latihan dan kemahiran ini turun sedangkan macam saya sebutkan tadi dalam suasana pandemik COVID-19, inilah masa yang terbaik untuk kita membangunkan lagi kemahiran-kemahiran khususnya dalam kalangan generasi muda dalam sektor pertanian ini untuk mereka dapat terjun masuk ke dalam, sama ada menjadi pekerja-pekerja mahir di bidang pertanian ataupun usahawan-usahawan mahir dalam bidang pertanian.

Jadi, saya minta, apakah program-program latihan kemahiran yang telah pun berlaku dan apakah program latihan jangka pendek yang akan dilakukan dalam Program Latihan Kemahiran Pertanian ini. Jadi ini yang saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Akhir sekali Yang Berhormat Arau. Silakan.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Sabak Bernam dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau.

[Dewan riuh]

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau bagi *chance* dekat Yang Berhormat Sabak Bernamlah.

11.53 pg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu bergurau. Saya uruskan hal saya, Yang Berhormat hal Yang Berhormat. Pertama sekali ialah Butiran 020100 – Industri Padi dan Beras. Saya sekalikan dengan Butiran 020900 – Lembaga Kemajuan Pertanian Muda dan juga Butiran 021000 – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu.

Yang Berhormat, perkara asas yang kita hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, petani mengusahakan padi. Daripada padi untuk membolehkan mereka dapat hasil mereka melalui satu proses dan selepas itu kita pergi kepada pengilang. Pengilang beli padi dan di situlah petani mendapat harga daripada usaha mereka.

Akan tetapi, sepanjang proses untuk pergi ke kilang padi itu, ia melalui proses yang kerajaan bantu. Kerajaan bantu benih, kerajaan bantu baja, kerajaan bantu racun. Usahanya ialah di peringkat mereka hanya mengusahakan supaya padi itu ditanam, kemudian kita baja dan kita bubuh racun. Semua proses ini petani sendiri sama ada dia dapat tidak banyak ataupun dia rugi, tetapi orang yang terlibat dalam proses ini sampai ke kilang padi termasuklah orang yang membawa lori, mesin padi, traktor membajak sawah, semuanya untung tetapi petani tidak untung.

Jadi, apakah boleh kerajaan fikirkan bahawa dalam proses ini supaya petani dapat terus keuntungan setelah mereka menjual kepada pengilang. Jadi, saya ingat ini yang terbaik sebab kita telah buat begitu lama dan kita meneruskan usaha untuk membantu petani tetapi petani tidak dapat sebanyak mana dibandingkan dengan orang yang mengambil keuntungan daripada proses untuk sampai ke kilang padi. Jadi, itu saya ingat kerajaan kena fikirkan.

Terakhir ini yang menjadi pertikaian ialah berhubung dengan benih padi. Benih padi ini kita bagi kepada beberapa buah syarikat monopoli dan kita telah tetapkan harga benih padi. Contohnya sejumlah RM24. Akan tetapi, kita kena beli sampai harga RM60 dam sampai RM80. Sekarang saya dengar maklumat bahawa kerajaan akan tetapkan harga sejumlah RM35. Itu mesti dibeli harga RM35. Bagaimanakah kerajaan boleh jaminkan supaya harga RM35 itu terus bertahan?

Masalah besar sekarang ini usaha kerajaan itu – apa sahaja usaha baik kerajaan akan cuba di manipulasi oleh pihak tertentu supaya mereka dapat keuntungan. Daripada subsidi yang kita bagi pada masa yang lepas, ada orang-orang yang mengambil keuntungan di sepanjang perjalanan. Saya ingat kalau kerajaan boleh buat sesuatu, buat sesuatu yang terbaik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, pencelahan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kawasan-kawasan tanah terbiar kalau tidak ditanam padi misalannya kita boleh tanam kenaf yang boleh dibuat kertas, tali, guni, beg, pakaian, bahan binaan. Kita ada Lembaga Kenaf Negara, tetapi koko – kita ada Lembaga Koko di bawah kementerian yang lain. Cuma, kopi dan teh di bawah kementerian ini. Di bawah kementerian MAFI ini kopi dan teh. Koko di bawah kementerian lain. Apa kata kalau kita tubuhkan Lembaga Koko, Kopi dan Teh Negara (LKKTN).

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya sebahagian daripada. Saya boleh ambil sebahagian ucapan saya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Supaya Malaysia menjadi pengeluar bahan mentah kepada tiga minuman utama masyarakat dunia, kopi, koko dan teh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey cantik. Cadangan yang cantik, masukkan sebahagian daripada ucapan saya.

Kemudian yang keduanya baru-baru ini semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan membuat penggulungan, Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa ada peruntukan tambahan untuk membantu petani semasa menghadapi bencana, lebih kurang sebanyak RM85 juta. Saya minta sekarang ini supaya bantuan sejumlah RM200 sebelum menuai itu, selama tiga bulan itu diberi. Ini semua Ahli Yang Berhormat kawasan padi sudah pasti memahami. Yang masalah ialah Ahli Yang Berhormat yang tidak memahaminya mereka yang berada di bandar. Itu sebab mereka sanggup tolak Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi semalam. Ini kerana, mereka tidak faham kelapa sawit, tidak faham getah. Mereka tolak. Rakyat melihat bahawa mereka menolak kementerian yang berkenaan. Akan tetapi, kami daripada latar belakang pesawah padi, sawit, getah semua ini menyokong supaya kerajaan meneruskan bajet yang telah ditentukan.

Kemudian, keduanya ialah sebelum saya pergi kepada yang terakhir iaitu berhubung dengan perikanan. Kita lihat pada tahun lepas kerajaan telah menangkap sebanyak 104 buah kapal dan bot dengan 91 buah dari Vietnam. Saya minta supaya kerajaan fikirkan cara – kita boleh tenggelamkan bot Vietnam tetapi perkara ini akan berterusan. Dalam setahun sebanyak 100 buah, bermakna seluruh industri perikanan Vietnam itu sudah datang ke Malaysia. Kerajaan kena fikirkan satu cara sama ada kita hendak tenggelamkan bot atau apa-apa – tetapi kerajaan kena ambil tindakan yang cepat. Jangan tunggu sampai setahun, dua tahun sehingga penuh kawasan jeti APMM dan jeti perikanan dengan bot-bot yang ditawan.

Fikirkan, sampai boleh fikirkan usaha sama. Ini kerana, nelayan kita tidak pergi ke tempat-tempat ini. Nelayan mereka pergi dan mencuri sebahagian besar daripada harta kita.

Tuan Pengerusi: Seminit Yang Berhormat, seminit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali Tuan Pengerusi ini adalah satu yang cukup menarik bahawa kerajaan telah menubuhkan BERNAS dan kerajaan telah pun bersetuju untuk menyambung konsesi BERNAS untuk monopoli beras import. Yang saya minta – dahulu semasa BERNAS diswastakan dan disaksikan oleh Yang Berhormat Langkawi dengan hebatnya bahawa perjanjian kita supaya ini ialah *public listed company* yang disenaraikan yang mana ada saham petani, nelayan dan sebagainya.

Akan tetapi, kerajaan kata tak mengapa sebab BERNAS akan bagi CSR sebanyak RM1.3 bilion dalam masa 10 tahun. Kenapakah kita terima CSR? Terima CSR bererti petani tidak dapat menumpang sama kepada usaha tersebut. Kalau orang bagi CSR, apakah perkhidmatan kita? Tidak ada apa. Akan tetapi, kalau kita petani ada saham dalam BERNAS, sudah pasti petani juga boleh terlibat dengan industri yang berkenaan.

Banyak lagi perkara lain yang kerajaan menerima CSR. Terima CSR bererti kita telah menyebabkan kita tidak boleh bersama dalam industri yang berkenaan. Kita kena pastikan supaya mereka pergi *public* semula sebab apa yang kita tahu – saya kena sebut kepentingan saya. Semasa BERNAS diswastakan, bukan syarikat ini yang swastakan BERNAS. Kita ada perjanjian yang dibuat dengan kerajaan supaya ia tidak boleh dimiliksendirikan. Akan tetapi, ia hendaklah jadi satu *public listed company*.

Saya menyokong tetapi saya minta ia mesti pergi *public* dan mesti melibatkan petani dan nelayan. Bukan kerajaan terima CSR. CSR ini adalah perjanjian. Semasa dia rugi, apakah dia sanggup bagi CSR kepada petani dan nelayan?

■1200

Jadi, saya minta dipertimbangkan. Kalau tidak, saya tidak akan bersetuju dengan cara yang dibuat sekarang. Terima kasih, saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

12.00 tgh.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seramai lapan Ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam perbahasan Belanjawan 2021 peringkat Jawatankuasa, termasuk tiga pencelahan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson berhubung dengan bangunan baru FAMA melalui konsep *land swap*. Ingin dimaklumkan bahawa perancangan projek pembangunan bangunan korporat FAMA ini telah bermula sejak tahun 2011 lagi. Kaedah *land swap* ini telah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan yang berkuat kuasa dan mendapat kelulusan di peringkat Kabinet.

Untuk makluman, proses ini melalui tiga orang Perdana Menteri sejak tahun 2011 dan hanya lulus dan dimeterai selepas pembentukan Kerajaan Perikatan Nasional ini. Bangunan ini turut menyediakan pusat jualan Agro Bazar yang digunakan untuk memasarkan produk pertanian dan agro makanan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fungsi dan peranan FAMA telah diperkemaskan dengan melaksanakan pemasaran baru seperti pendigitalan dan juga *eCommerce*. Petani-petani kecil dibimbing bagi menyediakan produk-produk mengikut keperluan pasaran dan kaedah pemasaran moden agar terus relevan dengan keperluan industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FAMA akan terus memainkan peranan penting dalam membantu pemasaran produk agro makanan. Semasa pandemik COVID-19 contohnya, penubuhan Pasar Segar Terkawal di seluruh negara telah memastikan hasil pertanian sejumlah RM800 juta dengan kuantiti sebanyak 10,245 metrik tan yang memberi manfaat kepada lebih 5,000 petani dan 4,900 usahawan dapat memanfaatkan daripada perwujudan Program Pasar Segar Terkawal ini ketika pandemik COVID-19.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Gopeng. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin cuma menumpang sedikit masalah berkenaan dengan FAMA dan projek-projek yang mungkin menjadi projek gajah putih. Sebagai contoh, RTC Gopeng yang dimulakan sebagai Teman Terminal Makanan Nasional dengan perbelanjaan RM120 juta dan beroperasi 10 tahun tetapi gagal sebagai pusat pengedaran, pusat pemborongan makanan. Selepas itu, dijadikan sebagai RTC dan juga terminal R&R. Sehingga sekarang, sebahagian besar daripada RTC Gopeng masih kosong. Mereka yang sewa ataupun yang masih...

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Apakah perancangan seterusnya untuk memulihkan RTC Gopeng sebagai di bawah FAMA? Sekian.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Terima kasih, Yang Berhormat. Isu itu tidak dibangkitkan dalam perbahasan asal.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri, tiada peluang, tiada peluang.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Boleh bertulis, ya.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Mengenai isu penambahbaikan kebolehpasaran produk-produk pertanian untuk pasaran domestik dan antarabangsa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson, ingin dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ke-12, MAFI bakal melaksanakan Program Pemandaran Bekalan Makanan, output pertanian dengan pemasaran menerusi program *business matching*, sokongan harga lantai, insentif MyGap, kursus pemasaran dan pembangunan Pusat Kumpulan Ladang. Adalah disasarkan bahawa 5,000 peserta dengan nilai dagangan RM300 juta akan mendapat manfaat daripada program yang akan dilaksanakan ini.

Berhubungan dengan NAFAS yang dilantik sebagai pengedar tunggal bagi benih padi sah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, NAFAS bukan sahaja dipertanggungjawabkan untuk mengedar benih padi sah tetapi juga untuk mengurus subsidi input seperti skim baja, racun, pengapuran, ubat bajak dan terbaru seperti yang saya katakan tadi, sebagai agen pemborong tunggal benih padi sah dengan harga siling yang ditetapkan sebanyak RM35.00 sekampit iaitu 20 kilogram per beg. Tentu sekali obligasi NAFAS ini merangkumi sistem ePadi, dividen kepada PPK dan juga terlibat RM2 juta Tabung Bencana Tanaman Padi dan pengagihan CSR, penambahbaikan stor PPK, pembiayaan R&D baja dan juga racun, termasuklah Skim Latihan Protege. MAFI akan pastinya terus memantau peranan dan tanggungjawab yang diberikan kepada NAFAS ini agar NAFAS akan terus menjadi satu entiti yang unggul bagi menangani urusan pesawah di seluruh negara.

Mengenai isu pemutihan pesawah seperti yang dibangkitkan, kita maklum bahawa isu ini dibangkitkan dan di *highlight* dalam Laporan Audit yang telah pun dibentangkan. Di pihak kementerian, kita mengambil berat teguran-teguran yang dibuat oleh Audit mengenai perkara ini. Tentu sekali semakan akan dibuat oleh MAFI dengan Jabatan Pendaftaran terhadap data pesawah, jumlah senarai orang yang sudah meninggal seperti yang di *highlight* atau tiada padanan dan sebagainya akan diputihkan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, MAFI telah mengeluarkan senarai nama tersebut pada penanaman musim pertama 2019 yang lalu dan usaha ini akan terus dilaksanakan bagi setiap musim tanaman. Kita mengambil serius teguran yang dibuat di MAFI, malah di peringkat pengurusan MAFI, kita juga telah cadangkan agar audit

secara besar-besaran melalui audit luaran akan dilakukan berhubung dengan senarai pesawah, insentif-insentif yang dibagi kepada pesawah agar ianya dilaksanakan dengan teratur dan tanpa ketirisan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Port Dickson.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar iaitu padi daftar di Batang Lupar yang dikendalikan oleh MARDI. Untuk makluman Yang Berhormat, MARDI adalah pengeluar benih asas bagi varieti-varieti padi yang dibangunkan. Itu merupakan tanggungjawab MARDI dan MARDI akan menghantar kepada Jabatan Pertanian Negeri Sarawak dua varieti baru iaitu MR297 dan MR269 sebanyak 100 kilogram bagi setiap varieti. Pada masa ini, proses penghantaran sedang dalam permohonan untuk mendapatkan sijil fito sanitasi. Apabila benih tersebut diterima oleh Jabatan Pertanian Sarawak, Jabatan Pertanian akan menguruskan pengeluaran benih daftar dan benih sah sebagaimana SOP yang telah diamalkan di Semenanjung. Untuk jangka masa panjang, MARDI akan mengeluarkan benih asas di Skuduk, Sarawak sebelum diberi kepada Jabatan Pertanian untuk menghasilkan benih padi daftar dan juga benih padi sah. Bagi pengeluaran benih sah, pengeluaran akan dijalankan di loji pemprosesan benih padi di Stampin, negeri Sarawak.

Mengenai isu berhubung dengan sama ada Projek Jelapang Padi Batang Lupar akan diteruskan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jelapang Padi di Batang Lupar akan diteruskan dan Projek Pengairan Kawasan IADA Batang Lupar dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-13. Ini memandangkan pembinaan infrastruktur tersebut dilaksanakan secara berfasa berikutan kerja-kerja reka bentuk dan pengambilan tanah yang sedang dijalankan sebelum projek pembangunan dapat dilaksanakan. Usai lengkap kesemua infrastruktur ini, MAFI mensasarkan aktiviti penanam padi daripada satu musim kepada dua musim setahun bagi meningkatkan produktiviti pengeluaran padi di negeri Sarawak.

Mengenai dengan isu pengurangan peruntukan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lupar. Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun terdapat pengurangan dari segi peruntukan emolumen dan sara diri tetapi ianya tidak menjejaskan perkhidmatan secara keseluruhannya. Oleh kerana bilangan pegawai masih kekal seperti yang ada sekarang. Selain daripada itu, MAFI juga mempunyai agensi Persekutuan di negeri Sarawak seperti IADA Batang Lupar yang bertanggungjawab secara langsung terhadap kawasan tanaman padi di Batang Lupar tersebut.

■1210

Mengenai butiran 01940 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batang Lular, Projek Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran Jelapang Padi Lingga Banting serta kerja-kerja berkaitan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas ia termasuk dalam senarai projek sambungan.

Yang Berhormat Langkawi membangkitkan isu pertanian campuran. Untuk makluman Yang Berhormat, sistem pertanian – pendekatan pertanian campuran ini telah dilaksanakan contohnya tanaman kekal seperti durian, penanaman pisang sebagai tanaman campuran bagi memberi pulangan kepada petani sementara menunggu tanaman durian menghasilkan hasil. Begitu juga penanaman nanas dan sebagainya. Maknanya sistem dan pendekatan pertanian campuran ini memang telah dilaksanakan dan di-*encourage* oleh MAFI untuk dilaksanakan oleh penanaman-penanaman imbuhan.

Mengenai isu kaedah meningkatkan pertanian moden seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Langkawi. Untuk makluman Yang Berhormat melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas, MAFI akan memberikan tumpuan bagi memodenkan sektor pertanian seperti berikut:

- (i) menerapkan elemen teknologi IR 4.0 dalam perkembangan Revolusi Industri 4.0;
- (ii) menggalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi; dan
- (iii) meningkatkan adaptasi dan penerimaan guna teknologi.

Ia ketara dalam bajet untuk tahun 2021 tahun hadapan melalui kementerian ini. Peruntukan sebanyak RM60 juta diuntukkan untuk program khusus modenisasi rantaian nilai agro makanan yang telah pun disenaraikan sebagai satu senarai utama yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk tahun hadapan.

Projek-projek yang akan diberikan tumpuan adalah seperti berikut:

- (i) pembangunan data geospasial;
- (ii) *smart irrigation*;
- (iii) fasiliti struktur dan infrastruktur; dan
- (iv) kompleks pembangunan agro teknologi.

Yang Berhormat Langkawi juga bertanya mengenai pecahan di bawah Butiran 94000 bagi Projek Pemacu Pertanian, mengandungi:

- (i) Projek EPP1 iaitu herba bernilai tinggi sebanyak RM12 juta;
- (ii) Dana Jaminan Makanan sebanyak RM410 juta;
- (iii) Tabung Bencana Pertanian RM80 juta; dan
- (iv) MADA RM80 juta untuk memperkukuhkan dan menambah baik penanaman padi di kawasan MADA.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang iaitu sama ada pengurangan RM50 juta bagi bantuan subsidi harga padi sebagaimana yang dibentangkan dalam Belanjawan 2021 akan menjejaskan produktiviti padi. Ahli Yang Berhormat, pengurangan RM50 juta yang dimaksudkan adalah bagi Program Output Pertanian Bersubsidi iaitu Skim Subsidi Harga Padi (SSHP). Berbanding dengan peruntukan tahun 2020 sebanyak RM620 juta SSHP akan menerima peruntukan sebanyak RM570 juta sahaja bagi tahun 2021.

Akan tetapi sekiranya pesawah berjaya meningkatkan produktiviti padi dengan baik maka kementerian ini akan mengemukakan permohonan peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan bagi membela golongan pesawah. Ahli-ahli Yang Berhormat untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian menyasarkan bahawa sebanyak 1.9 juta metrik tan padi akan dikeluarkan untuk tahun hadapan dan tentu sekali ia melibatkan data subsidi harga padi ini yang lebih tinggi. Jika dilihat peruntukan yang dibagi ini hanya boleh menyasarkan lebih kurang 1.5 juta metrik tan.

Jadi maknanya kerisauan Ahli Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Tanjong Karang dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain adalah merupakan kerisauan MAFI juga. Oleh sebab itu kita mengambil langkah untuk memaklumkan secara awal kepada Kementerian Kewangan bahawa peruntukan yang diuntukkan bagi subsidi output ini tidak mencukupi untuk subsidi yang disasarkan bagi output yang disasarkan iaitu RM1.9 juta metrik tan. *So we are aware of this* dan kementerian sudah pun menyatakan kerisauan kementerian kepada Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan melalui bajet tambahan, jika sekiranya output itu berjaya disasarkan kepada petani.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mohon penjelasan.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya, sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ya, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa kerisauan MAFI juga. Akan tetapi persoalannya ialah sektor ini adalah satu sektor yang penting dalam suasana menghadapi COVID-19 ini. Jadi kenapa dalam pertanian pemakanan yang ruji ini kita tidak melihat ia sebagai satu kepentingan. Takkanlah Kementerian Kewangan tak boleh berfikir, ini seorang yang sangat hebat Kementerian Kewangan ini. Menteri Kewangan takkan dia tak boleh fikir.

Jadi sepatutnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan lebih keras untuk membantah dan menekan kepada Kementerian Kewangan untuk memenuhi apa yang menjadi kerisauan kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Ini seolah-olah kerajaan hari ini seolah-olah tak apalah biar pi lah dekat depa puak-puak petani padi ini. Kalau ada lebih kita tambah. Sedangkan kita mesti buat satu unjuran

dan Yang Berhormat tadi ada mengatakan unjurannya bertambah berbanding dengan apa yang ada pada hari ini. Jadi nampak tak selaras.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Yang Berhormat Pokok Sena melihat kerisauan dari sudut sebagai seorang Ahli Parlimen pembangkang. So, dia akan mengambil sudut yang sedemikian. *[Tepuk]* Akan tetapi di kementerian, kita juga melihat itu sebagai satu kerisauan kerana kita diunjurkan untuk mensasar mengeluarkan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Tanjong Karang pun pembangkang kah?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: ...1.9 juta metrik tan. Sebab itu saya katakan *assurance* daripada Kementerian Kewangan itu meyakinkan kita bahawa Kementerian Kewangan akan mendengar susulan tambahan peruntukan untuk butiran subsidi ini jika ia perlu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Menteri, masa sudah tamat.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Perlu tambah masa sedikit?

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Saya akur dengan slot masa yang diberikan.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jempol, Jempol belum jawab lagi.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Ahli-ahli Yang Berhormat, mana-mana persoalan saya sebenarnya mendapat – mempunyai semua jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh jawab bertulis.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee: Akan tetapi ia akan dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Makanan. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,277,853,300 untuk Kepala B.21 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.21 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.21 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.21 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

**Maksud B.22 [Jadual] –
Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan 2021] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat, saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Tenom kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Bukit Gantang. Dipersilakan Yang Berhormat Tenom.

12.18 tgh.

Puan Noorita binti Sual [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berbahas dan pertama kali saya mengucapkan tahniah di atas peningkatan peruntukan perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin menyentuh di bawah Butiran 050700 – Elaun Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Saya nampak adanya pengurangan perbelanjaan yang agak besar iaitu sebanyak RM46 juta daripada RM221,861,500 anggaran perbelanjaan pada tahun 2020 kepada RM175 juta bagi anggaran perbelanjaan pada tahun 2021.

Setahu saya Tuan Pengerusi dan seperti mana yang saya telah bawa pada sesi persidangan yang lepas juga bagi negeri Sabah, perlunya penambahan jawatan JPKK atau dulunya MPKK ini disebabkan pertambahan penduduk dan ada beberapa JPKK di Sabah yang terpaksa menjaga dua hingga tiga buah kampung. Jika dibuat perbandingan dengan negeri jiran Sabah iaitu Sarawak di Sabah terdapat 2,853 JPKK manakala di Sarawak jumlahnya adalah 5,976 orang.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah di bawah Anggaran Perbelanjaan 2021 ini akan mendapat menunaikan permohonan negeri Sabah pada tahun lalu untuk menambah sekurang-kurangnya 500 orang JPKK yang baharu.

■1220

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin sentuh di bawah Butiran 02003 – Bekalan Air Luar Bandar Sabah. Di mana saya lihat diberi anggaran perbelanjaan pembangunan pada tahun 2021 iaitu sebanyak RM280,600,000. Saya dan penduduk Tenom khususnya di kawasan DUN Kemabong sangat-sangat mengharapkan dibina sekurang-kurangnya satu lagi loji air yang baharu memandangkan loji air bagi kawasan Kemabong yang sebenarnya lebih luas dari negeri Perlis atau pun negeri Pulau Pinang

hanya ada satu sahaja loji sehingga menyebabkan banyak kampung yang mengalami gangguan bekalan air hampir setiap hari

Terutamanya di Kampung Paal, Kampung Cinta Mata Ulu, Kampung Inubai, Kampung Karang Baru, Kampung Saga dan banyak lagi kampung yang terlibat. Tuan Pengerusi, walaupun saya maklum air sebenarnya berada di bawah kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, namun saya sangat mengharapkan Kerajaan Persekutuan dan kementerian ini mengambil berat tentang isu masalah air di kawasan Tenom. Saya juga hendak bertanya pada kementerian, apakah status terkini projek menaiktarafkan loji air Senagang kerana sudah agak lama projek ini tergendala.

Seterusnya Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar, bersekali dengan Butiran 02400 – Jalan Perhubungan Desa. Tuan Pengerusi, masih banyak jalan di kawasan saya yang jalannya tanah merah dan berbatu. Dengan anggaran perbelanjaan yang agak besar pada tahun 2021 di bawah kedua-dua butiran ini iaitu sebanyak lebih kurang RM1.3 bilion dan lebih dua kali ganda berbanding dengan anggaran perbelanjaan pada tahun lepas.

Saya mengharapkan agar beberapa projek naik taraf jalan luar bandar ini akan dapat disalurkan di kawasan Parlimen Tenom bagi membantu khususnya para pelajar yang ingin ke sekolah dan para petani untuk mengeluarkan hasil-hasil pertanian mereka. Saya hendak bertanya kepada kementerian. Pertama, berapa peratus kah pencapaian kementerian khususnya dalam Program Jalan Luar Bandar bagi negeri Sabah sepanjang tempoh RMKe-11. Kedua, apakah kedudukan terkini bagi beberapa projek naik taraf jalan raya di Tenom iaitu jalan raya Kemabong-Rundum dan jalan raya Kampung Jalan Tumantalik-Binsilon Tenom.

Tuan Pengerusi, akhir sekali di bawah Butiran 05000 – Lembaga Kemajuan Tanah Sabah. Saya lihat ada pengurangan bagi anggaran perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020. Saya ingin bertanyakan kepada kementerian, adakah permohonan untuk pembangunan infrastruktur oleh pihak SLDB bagi program pembangunan tanah di Kampung Kabintaluan, Tenom termasuk dalam anggaran perbelanjaan kementerian bagi 2021?

Saya sudah menanyakan perkara ini kepada kementerian pada sesi lepas. Namun, sekali lagi saya mohon bagi pihak SLDB agar kementerian memberi perhatian kepada perkara ini kerana saya difahamkan pihak SLDB memerlukan dana tambahan untuk membina infra seperti pejabat, stor kerja bagi menjayakan program ini. Seterusnya, dapat membantu lebih kurang 600 lebih ketua isi rumah daripada golongan miskin tegar kelak. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bukit Gantang diikuti oleh Yang Berhormat Sungai Buloh.

12.23 tgh.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: *Innalhamdulillah. Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang dan kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Bajet untuk kementerian ini dilihat meningkat dari tahun ke tahun. Ini menunjukkan ketelitian dan keprihatinan kerajaan untuk terus fokus membantu rakyat di kawasan luar bandar seperti di kawasan saya Bukit Gantang.

Saya ingin menyentuh Butiran 040000 – Pembangunan Modal Insan dan Pendidikan bagi program di Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Peruntukannya meningkat sebanyak RM8.064 juta. Peningkatan peruntukkan ini saya mohon kementerian melihat perkara-perkara yang akan saya nyatakan selepas ini.

Pertama, mengenai bayaran elaun sagu hati pembantu pendidik masyarakat sukarela KEMAS, PPMS sebanyak RM500 sebulan sekarang. Dinaikkan ke paras gaji minimum sebagaimana yang disyorkan oleh kerajaan sebanyak RM1,200 sebulan. Peningkatan ini dilihat setara dengan kerja dan tugas yang mereka laksanakan yang mencabar dalam mendidik anak-anak kawasan luar bandar seperti juga pegawai tetap yang lain.

Seterusnya, saya mohon kementerian mempertimbangkan mengenai kakitangan kontrak KEMAS diberi taraf pencen bagi mereka yang berkhidmat melebihi 30 tahun, dicadangkan kepada mereka yang tamat perkhidmatan bermula 2016. Saya juga mohon pihak kementerian memberi perhatian serius berkenaan masalah sewaan tabika yang sering...

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Bukit Gantang, boleh saya mencelah sedikit?

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Boleh saya habiskan tajuk ini?

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Tidak, berkaitan KEMAS tadi.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Ini masih lagi dalam KEMAS. Saya habiskan KEMAS. Tabika yang sering lewat pembayaran kerana isu dokumen sewaan yang rumit, yang menimbulkan masalah kepada penyewa. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Berbalik kepada guru-guru KEMAS, kita lihat pelbagai insentif yang diberikan untuk menaiktarafkan mereka. Cuma baru-baru ini dipihak Kementerian Pengajian Tinggi melalui MQA telah meluluskan beberapa kursus APEL iaitu membolehkan mana-mana *adult learners* ataupun dengan izin pelajar dewasa mendapatkan sijil berdasarkan pengalaman kerja mereka, berdasarkan kepakaran yang mereka ada.

Saya kira sudah sampai waktu untuk KEMAS meneroka kerjasama dengan pihak-pihak yang menawarkan persijilan melalui APEL ini sama ada kalau kita lihat di IPTA ada. Sama ada melalui TVET ataupun di IPTS seperti OUM dan lain-lain universiti untuk mereka membantu mana-mana guru kemas untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dan mendapatkan sijil melalui persijilan APEL. Yang Berhormat Bukit Gantang boleh bersetuju?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Bukit Gantang teruskan. Ada seminit 15 saat.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]:
[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta *switch on microphone*.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Berkenaan permohonan KEMAS Parlimen Bukit Gantang, saya mohon kerajaan memberikan kelulusan, khususnya kementerian ini kepada beberapa permohonan.

Pertama, Bukit Gantang mempunyai 34 buah Tabika KEMAS tetapi tujuh daripada 34 ini sangat-sangat uzur. Saya akan berikan senarai ini kepada kementerian.

Seterusnya Butiran 050000 – Program Khusus dan bagi program di Butiran 050400 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Sebanyak RM87 juta, dikurangkan lebih kurang RM2 juta. Parlimen Bukit Gantang merupakan 80 peratus kawasan luar bandar yang tertinggal dari segi pembangunan kemudahan infrastruktur. Oleh itu, saya mohon jasa baik kementerian meluluskan permohonan 20 buah kampung untuk lampu jalan. Dengan ada kemudahan ini rakyat Bukit Gantang, orang kampung boleh keluar di waktu malam tanpa bimbang.

Seterusnya program aktiviti di Butiran 050500 – *Rural Basic Infrastructure* yang kekal dengan peruntukkan sebanyak RM35 juta. Permohonan menurap jalan desa, ada 10 jalan desa yang telah sangat membimbangkan. Mohon pihak kementerian membuat pertimbangan. Senarai akan saya panjangkan kepada kementerian.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan.

Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]: Seterusnya yang akhir Butiran 050700 – Elaun Jawatankuasa Pembangunan dan

Keselamatan Kampung (JPKK). Pada ketika ini pengerusi JPKK mendapat elaun RM300 sahaja. Setiausaha JPKK mendapat RM200. JPKK mewakili setiap kampung mendapat RM250. Tugas mereka ini mendekati orang kampung dan menyelesaikan banyak masalah di kampung.

■1230

Adalah dipohon supaya kementerian meneliti balik peruntukan ini, dinaikkan semula untuk memenuhi keperluan JPKK. Itu sahaja terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sungai Buloh.

12.30 tgh.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa berkaitan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Tajuk yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan KEMAS ya. Saya anggap KEMAS sebagai satu institusi yang sangat penting dan butiran yang saya hendak rujuk ialah 051300 – Perbekalan. Tuan Pengerusi, KEMAS ini sebagai satu institusi tabika menguruskan lebih kurang sebanyak 11,000 premis tabika dan memberi manfaat kepada sebanyak 230,000 orang kanak-kanak lebih kurang dan tugas yang penting yang dilaksanakan oleh sebanyak 17,000 orang staf ya. Ini lah begitu besar institusi ini.

Inilah sistem tabika yang tak silap saya adalah terbesar di Malaysia dan mungkin tabika yang dikendalikan di bawah Kementerian Pendidikan lebih besar daripada segi jumlah kanak-kanak tetapi kurang daripada segi premis dia. Topik saya ialah berkaitan dengan penyelenggaraan dan pembaikan bangunan KEMAS. Baharu tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Bukit Gantang begitu tentang berapa tabika di kawasan ini yang uzur sangat, perkataan ini sangat-sangat uzur. Saya setuju.

Saya sudah dalam tempoh saya berkhidmat sebagai Timbalan Menteri KPLB saya ada peluang untuk turun ke banyak kawasan Sabah dan Sarawak dan Semenanjung dan lihat dengan mata saya sendiri keadaan premis seperti KEMAS. Boleh saya sebut ini jumlah-jumlah premis KEMAS di bawah kategori uzur dan kurang baik bukan sebanyak 10, 20 bukan sebanyak 100, 200 tetapi ribuan daripada sebanyak 11,000 buah premis yang kita kendalikan di KPLB.

Jadi, inilah saya hendak rujuk kepada Kementerian KPLB dan bertanya inilah perlu diberi tumpuan dan daripada segi peruntukan yang kita bagi di sini di bawah Kepala 051300 hanya sebanyak RM9.5 juta.

Dalam jawapan oleh kementerian kepada saya bertarikh 10 November bila saya tanya berapa peruntukan untuk membaik pulih? Jawapan yang diberi kepada saya

sebanyak RM8.18 juta dibelanjakan untuk tahun 2020 yang memberi manfaat kepada sebanyak 250 tabika.

Kalau itulah kadar dia, nampaknya premis tabika yang uzur akan menunggu mungkin lebih daripada 10 tahun untuk di baik pulihkan dan ini kita tak boleh teruskanlah. Saya cadangkan kepada kementerian bahawa kita perlu peruntukan yang mungkin sekurang-kurang sebanyak 10 kali ganda untuk membuat pembangunan yang wajar kepada tabika-tabika supaya kanak-kanak di luar bandar dapat merasai pendidikan yang berkualiti bukan belajar dalam premis yang tak selesa, yang nampak teruk, uzur dan sebagainya.

Jadi, itulah cadangan saya kepada kementerian dan saya hendak alih kepada tajuk Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Bekalan Air di Luar Bandar – Kepala 017042 dan juga yang berkaitan dengan air iaitu butiran 02002, butiran 02003. Peruntukan adalah agak besar sebanyak RM226 juta untuk elektrik luar bandar, sebanyak RM480 juta untuk air. Akan tetapi, dan ini saya minta pengesahan daripada kementerian. *Benchmark* yang digunakan di dalam kementerian untuk dari segi kalau kita kira kos rumah ialah dalam lingkungan sebanyak RM100,000 kepada sebanyak RM120,000 serumah.

Bagi saya pendekatan ini perlu ditukar sebab kalau kita gunakan jumlah itu maksud dia walaupun peruntukan ialah besar, manfaat dia akan maksimum kepada seramai 2,000, 3,000, 4,000 isi rumah. Akan tetapi yang menunggu air bersih di Sabah dan Sarawak dan sebagainya adalah dalam jumlah ribuan, besar, sangat besar yang penduduk luar bandar yang masih menunggu air bersih.

Jadi, kementerian patut mengkaji semula perbelanjaan ini dan menukar pendirian mereka kepada sumber-sumber alternatif baik air ataupun elektrik. Di mana saya perhatikan saya sudah melihat dengan mata saya sendiri pihak NGO dan beberapa pihak sudah berjaya memberi bekalan air bersih, memberi elektrik selama 24 jam tetapi dengan kos yang jauh lebih rendah daripada *benchmark* yang digunakan iaitu sebanyak RM100,000 ke RM120,000 seisi rumah.

Boleh saya ingin tanya pada kementerian juga, bolehkah kementerian bagi jumlah berapa kampung di Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang masih belum menerima air bersih di rumah? Saya tengok dengan mata saya sendiri di Jeli dan masa itu lawatan saya ditemani oleh Yang Berhormat Jeli juga sebanyak 100 lebih kampung di Jeli ada juga di Baling, di Sik masih menggunakan air bukit. Jadi, boleh kita dapat jawapan di sini berapa kampung masih dalam keadaan itu, walaupun Malaysia dianggap sebagai negara yang maju dari segi prasarana.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. Rumuskan ya.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Akhir sekali secara ringkas inilah butiran berkaitan dengan jalan perhubungan desa. Saya nampak angka ini mesti ada satu kesilapan, saya minta ini disiasat sebab disebut sana belanja kita untuk jalan perhubungan desa dan *amenity social* untuk tahun 2019 dan tahun 2020 adalah dalam sebanyak RM18,000.

Itu mustahil. Ratusan projek dibuat di bawah jalan perhubungan desa (JPD) dan *amenity social* di bawah KPLB. Saya tahu itu secara fakta tetapi belanja yang disebut di sini adalah 00 dan untuk JPD sebanyak RM18,000 dan sebagainya. Saya minta ini disiasat sebab dan kalau memang salah seperti saya nampak, dibetulkan. Inilah di muka surat 221 di buku itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Buloh. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batang Lupar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

12.37 tgh.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sentuh Butiran 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak. Dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM135.32 juta bagi tahun 2021 untuk Sarawak, adakah Parlimen Batang Lupar turut tersenarai di dalam Projek Bekalan Elektrik ini?

Kebanyakan kawasan di Batang Lupar masih belum mendapatkan bekalan elektrik yang sempurna. Sebagai contoh pada majlis keramaian dan kenduri kendara, bekalan elektrik kerap kali terputus. Bayangkan pula bekalan elektrik ini kerap kali terputus di sekolah-sekolah yang mana proses pembelajaran akan terganggu. Saya lihat dengan adanya peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan ini akan dapat memperluaskan lagi kawasan-kawasan di Sarawak, terutamanya di kawasan Batang Lupar yang belum menerima bekalan elektrik.

Butiran 02002 – Bekalan Air Luar Bandar. Anggaran perbelanjaan sebanyak RM24.7 juta diharapkan dapat membantu menyelesaikan masalah bekalan air di luar bandar dan setakat ini berapa buah kawasan luar bandar di Sarawak yang sudah pun menikmati bekalan air bersih daripada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat.

Di kawasan luar bandar Sarawak termasuk di Batang Lupar, masalah bekalan air bersih terawat masih lagi menghantui penduduk. Dengan keadaan geografi yang mencabar serta sumber air yang terhad, ia menyukarkan penyaluran bekalan air di kawasan-kawasan ini. Penduduk di kawasan ini masih lagi menampung air hujan sebagai bekalan air yang dapat menampung penggunaan air seharian. Bayangkan pula

jika musim kemarau melanda, krisis bekalan air menjadi semakin kritikal. Peruntukan yang besar sememangnya sangat diperlukan untuk projek membekalkan air ke kawasan luar bandar Sarawak secara jangka panjang.

Saya menyentuh Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 – Jalan Penghubungan Desa. Sarawak dengan keluasan sebanyak 124,450 kilometer persegi sememangnya dikenali sebagai sebuah negeri yang mempunyai corak geografi yang cukup mencabar.

■1240

Banyak kawasan penempatan penduduk berada di lokasi yang sukar untuk diakses kerana ketiadaan jalan perhubungan yang baik. Hal ini juga menyebabkan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air dan talian komunikasi sukar untuk dibangunkan. Sejauh mana negeri Sarawak diberikan keutamaan dalam peruntukan di bawah Butiran 02300 dan 02400.

Jalan perhubungan ini bukan sekadar laluan kepada penduduk setempat, malah dengan jaringan akses yang dapat menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang lain melalui jalan darat, ia akan menjimatkan masa serta merencanakan kegiatan ekonomi setempat. Ada kampung yang terputus seperti dengan kampung lain, tidak ada disambung dengan jalan perhubungan desa dan contohnya dalam kawasan saya adalah Kampung Batang Maro.

Di bawah Butiran 03000 - Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Saya percaya di bawah butiran ini sebahagian kecil daripada RM375 juta yang diperuntukkan di bawah program Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang mendapat peruntukan tambahan sebanyak 33.9 peratus berbanding tahun 2020. Walau bagaimanapun, peruntukan bagi Butiran 032000 masih kekal sama berbanding tahun lalu iaitu sebanyak RM2.029 juta. Saya mohon kementerian menyatakan rasional nilai yang sama diperuntukkan walaupun terdapat kenaikan tambahan mendadak dan apakah sebenarnya inti pati bagi butiran ini agar ia tidak bertindih dengan fungsi dan program yang turut dilaksanakan seumpamanya oleh kementerian dan agensi yang lain.

Akhir sekali di bawah Butiran 050000 - Program Khusus, di bawah Butiran 050400 - Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Kebanyakan kawasan luar bandar di Sarawak menghadapi masalah kerosakan lampu jalan dan ada sesetengahnya mengambil masa yang lama untuk diperbaiki. Ketiadaan lampu jalan ini dilihat dapat mengundang pelbagai insiden yang tidak diingini. Ia juga tidak diselenggara dengan baik menyebabkan ia cepat rosak. Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menangani masalah ini sedangkan peruntukan sudah pun disediakan untuk kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan?

Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengadakan program Rakan Lampu Jalan? Ini cadangan saya, Rakan Lampu Jalan seperti program Rakan Pili Bomba yang dilaksanakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat untuk menanam rasa tanggungjawab penduduk kampung untuk menjaga lampu jalan di kawasan mereka dan segera menyalurkan maklumat jika terdapat kerosakan dengan harapan agar ia dapat dibaik pulih dengan segera. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Batang Lular. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pokok Sena.

12.43 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, daripada pihak Yang Berhormat Menteri, kawan saya ini. Apa perancangan kerajaan, kementerian khususnya dalam aktiviti pendidikan di peringkat kanak-kanak ini dalam suasana pandemik COVID-19 ini walaupun saya tahu bahawa ada yang menggunakan *online* tetapi kesedaran ibu bapa itu untuk memastikan anak-anak mereka itu terus mengikuti pendidikan melalui sistem *online* ini agak berkurangan. Jadi sebab itu bagi saya bahawa kepentingan kepada Butiran 00200 - Pembangunan Komuniti ini adalah memberikan kesedaran kepada ibu bapa dalam menghadapi norma baharu ini untuk memastikan supaya anak-anak mereka itu akan dapat terus mendapatkan pendidikan awal ini.

Di samping juga, apakah pendekatan yang dilakukan oleh pihak kerajaan khususnya kepada bila suasana COVID-19 ini ada ibu bapa yang bekerja, anak duduk rumah. Jadi tidak ada siapa hendak pantau. Jadi akhirnya terabai pendidikan ini. Perlu ada satu kaedah bagaimana untuk memastikan kelangsungan pendidikan awal kanak-kanak ini akan dapat diteruskan.

Kemudian Butiran 050400 – Kos Operasi dan Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung. Ia berkaitan dengan soal lampu jalan ini di kawasan luar bandar ini, kurang. Fasal apa peruntukan ini kurang sedangkan yang saya difahamkan banyak permohonan yang meminta lampu jalan di sebelah luar bandar, kampung-kampung gelap gelita dan sebagainya. Jadi, adakah pihak kerajaan hendak bagi tahu kata tidak apalah tinggal lah dalam suasana gelap gelita?

Jadi saya mohon kepada pihak kerajaan untuk bukan sekadar memberikan penjelasan tetapi bagi saya bahawa untuk memberikan satu jaminan bahawa soal lampu jalan ini mesti diatasi segera. Ini dalam proses kita, walaupun ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi dalam proses untuk kita hendak membandarkan luar bandar. Ini untuk meningkatkan infrastruktur di peringkat kawasan luar bandar.

Kemudian berkaitan dengan Butiran 00100 - Pendidikan Kemahiran. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan apakah latihan-latihan kemahiran yang dijalankan di bawah kementerian ini selain daripada yang berlaku dalam peringkat KEDA, kolej-kolej KEDA dan sebagainya dan apa lagi institusi-institusi yang ada di bawah kementerian dan apakah jenis-jenis pendidikan kemahiran? Apa yang hendak saya pastikan ialah apa program dalam suasana menghadapi pandemik COVID-19 ini ke arah untuk penjanaan pendapatan dan peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan kepada generasi baharu yang ada pada hari ini...

Datuk Haji Hasanudddin Bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kursus jangka pendek yang dilakukan oleh mereka.

Datuk Haji Hasanudddin Bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Satu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sila, cepat sikit.

Datuk Haji Hasanudddin Bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya merujuk kepada Butiran 050100 - Bertugas ke Luar Negara. Dalam keadaan kita COVID-19 ini, saya tidak nampak adanya lawatan ke luar negara. Kenapakah peruntukan itu bertambah berbanding tahun lepas? Terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, terima kasih rakan saya. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Jadi saya minta penjelasan adakah perbincangan melalui maya ini pun dikira naik kapal terbang? *[Ketawa]*. Naik kapal terbang juga sedangkan saya fikir tidak sewajarnya ini boleh berlaku. Jadi, saya mohon penjelasan apa yang telah pun disebut oleh rakan saya daripada Hulu Langat.

Kemudian soal pendidikan kemahiran juga, berkaitan dengan Butiran 00611, GIATMARA. Saya harus berikan pujianlah, pengalaman saya dalam mengendalikan Majlis Pembangunan Kemahiran di Peringkat Kementerian Sumber Manusia dahulu. Giat Mara ini antara institusi latihan kemahiran yang sangat baik dalam membantu di kalangan generasi muda ini di kawasan luar bandar, khususnya kawasan-kawasan mereka yang berada dalam tahap kemiskinan yang sangat teruk.

Akan tetapi yang penting kepada saya ialah saya hendak dapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, apakah program-program baru yang hendak disesuaikan dengan pandemik COVID-19 ini supaya mereka yang sudah habis, dikenakan berhenti kerja dan sebagainya boleh menyertai latihan-latihan kemahiran jangka pendek ini untuk mereka masuk dalam sektor pekerjaan ataupun usahawan? Ini sangat penting dan saya fikir bahawa perlu diangkat ikon-ikon daripada latihan kemahiran yang telah berjaya, bukan sahaja di peringkat GIATMARA, tetapi di berbagai-bagai peringkat untuk

membuktikan bahawa latihan kemahiran ini, TVET ini suatu yang sangat baik, yang boleh memberikan penghasilan pendapatan yang sangat lumayan.

Saya teringat kepada seorang yang hanya mempunyai SKM tiga kalau tidak silap saya dalam bidang gunting rambut, Yang Berhormat Menteri, gunting rambut. Jadi, daripada Negeri Sembilan. Dia telah berjaya membuka kedai gunting rambut dia, enam buah kedai. Gunting rambut di Negeri Sembilan. Akan tetapi bila kita tanya dia, dia kata dia bercita-cita untuk hendak wujudkan lagi, tambah tiga lagi menjadi sembilan. Fasal apa, fasal dia kata cukuplah Negeri Sembilan dia kata. Jadi dia telah berjaya mendapatkan pendapatan yang sangat lumayan walaupun hanya dengan kerja dia gunting rambut.

Jadi, ini merupakan suatu yang perlu dijadikan ikon kepada generasi baharu Malaysia ini untuk mereka melihat bahawa ini merupakan bidang kerjaya yang sangat baik untuk memberikan pendapatan, pulangan yang sangat baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis Yang Berhormat. Baik. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jerai.

12.49 tgh.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020800, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang diperuntukkan sebanyak RM30,500,000. Apakah kriteria membina baharu dan membaik pulih rumah daif yang dilakukan oleh pihak KEDA dan berapakah had minima bantuan jika ada? Ini kerana banyak permohonan kepada saya melibatkan kos membaik pulih dan membina baharu rumah.

■1250

Seterusnya, Butiran 01707 – Pemasangan Baru Lampu Jalan Kampung. Seperti juga Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Batang Lupar dan Yang Berhormat Pokok Sena, yang kritikal pada waktu malam di kawasan luar bandar ini terutamanya di peringkat Parlimen Jerai sendiri. Kita ada buat permohonan lampu baharu dan sekarang masih belum terlaksana. Mohon pihak kementerian mempercepatkan pemasangan tersebut bagi kemudahan rakyat di sana.

Seterusnya, Butiran 02001 – Bekalan Air Luar Bandar Semenanjung yang diperuntukkan sebanyak RM120,200,000. Dalam soalan lisan saya baru-baru ini, Tuan Pengerusi, saya ada mengemukakan isu air berkeladak pada musim hujan lebat dalam kawasan saya di DUN Gurun. Pihak SADA memaklumkan bahawa perlunya disediakan rumah pam yang boleh merawat air. Sekarang ini hanya tempat takungan semata-mata yang tidak dirawat. Setiap kali hujan lebat, bertalu-talu saya dihubungi kerana takungan

itu ditutup dan dihentikan untuk kegunaan awam akibat disaluti keladak yang mengeruhkan air. Saya mohon agar rintihan dan aduan rakyat di bawah sana dapat diatasi segera.

Seterusnya, Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar. Sebanyak RM2.6 juta di bawah Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa. Sejauh manakah peranan kementerian untuk membangunkan usahawan muda di luar bandar? Apatah lagi pada masa ini ramai dalam kalangan usahawan muncul untuk meraih bagi menyara hidup keluarga. Apakah bentuk bantuan yang ditawarkan kepada mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan?

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Saya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jerai, mohon pencelahan daripada Yang Berhormat Jerai sebab dia ada masa sedikit.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jerai sudah tutup, Yang Berhormat Jerai?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Boleh, boleh. Ada masa lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh ya, Yang Berhormat Jerai?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, ada sedikit masa. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jerai, lampu jalan kampung ini ada suatu ketika kita luluskan sebanyak RM200 juta untuk setahun tetapi sekarang ini terlalu sedikit. Kawasan-kawasan luar bandar amat gelap. Di Batu Pahat juga banyak kampung, ada beratus kampung di Batu Pahat. Di kawasan saya ada 241 buah kampung, di Mersing ada beratus kampung. Kalaulah Kementerian Luar Bandar pergi *survey* melalui tok penghulu mana-mana lagi kawasan kampung yang tidak ada lampu jalan yang cukup, letakkan sahaja tanpa menunggu permohonan. Saya kira Tuan Pengerusi juga bersetuju tentang perkara itu supaya Pontian, Batu Pahat dan Mersing, begitu juga kawasan-kawasan lain, waktu malam di luar bandar itu terang benderang, bukan hanya Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja yang terang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Minta masukkan dalam...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Jerai. Sedikit, Yang Berhormat Jerai. Boleh ya?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Sila.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta masuk dalam Yang Berhormat Jerai punya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Lampu jalan kampung ini memang sangat diperlukan kerana dahulu ada penambahan. Jadi, kalau tengok yang ini kurang penambahan, ia menjadi kesukaran kepada rakyat yang berada di luar bandar.

Begitu juga saya hendak sentuh— masa ada sedikit ini. Saya hendak sentuh kawasan Orang Asli. Jurang pembangunan kawasan Orang Asli ini nampak ketinggalan walaupun peruntukan sebanyak RM56 juta bagi tahun hadapan. Jadi mohon supaya ia dapat dikemaskinikan dalam soal jurang digital, jurang pembangunan yang ada di kawasan Orang Asli khususnya di Jempol. Adakah Yang Berhormat Jerai berminat dengan cadangan ini?

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Masukkan dalam ucapan saya. Akhir sekali...

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Jerai, Ledang sedikit.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Sekejap. Sebenarnya saya hendak tanya juga kepada kementerian berkenaan, apakah kriteria pemasangan lampu jalan? Sebab, dari segi kriteria yang kita baca, untuk sebuah kampung sebanyak 40 batang lampu jalan. Jadi, silakan Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang sekejap ya. Yang Berhormat Jerai, boleh? Ada masa sedikit lagi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya ada dua ringkas sahaja yang saya hendak bangkitkan dan harus disetujui juga oleh Yang Berhormat Jerai iaitu berkenaan dengan Butiran 050300 – Pusat Komuniti Desa (PKD). Kita hendak tahu, apakah perkembangan inisiatif Pusat Komuniti Desa Pintar yang perlu dinaiktarafkan supaya ada *internet* berkelajuan tinggi? Ada 191 PKD ini, mengapa peruntukan dikurangkan? Sedangkan kita maklum inisiatif PKD ini adalah hanya setakat Disember hanya lapan daripada 191 yang dilengkapi dengan kemudahan *internet*.

Kedua— ringkas. Yang kedua ialah berkenaan dengan minta, kalau Yang Berhormat Jerai boleh setuju, supaya Menteri sebagai juga dari luar bandar, jelaskan isu penjenamaan semula RTC kepada PKD. Kalau boleh minta kementerian pertimbangkan untuk RTC ataupun PKD di kawasan Parlimen Ledang kerana kami terpaksa seberang ke Melaka untuk dapatkan dari segi kemudahan PKD ini. Ia tidak ada di kawasan Parlimen Ledang. Jadi minta dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: Masukkan dalam ucapan saya dan RTC juga mohon dalam Parlimen Jerai. Sekian.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Seterusnya Yang Berhormat Kubang Pasu.

12.55 tgh.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya bermula dengan Butiran 040300 – Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kod 10000 – Emolumen. Anggaran tahun 2021 dengan tahun 2020 adalah sama iaitu RM43.74 juta tetapi bilangan jawatan telah berkurangan sebanyak 97 orang. Jadi, mohon pencerahan, kenapa bilangan jawatan kurang tetapi emolumennya adalah sama?

Keduanya, juga di bawah KEMAS, Butiran 040300 juga di bawah Kod 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peningkatan peruntukan berbanding tahun 2020 sebanyak RM10 juta daripada RM15.9 juta kepada RM25 juta. Jadi mohon penjelasan mengenai pemberian dan kenaan tetap yang meningkat sebanyak RM10 juta ini.

Kemudian, di bawah Butiran 050200 – Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM554.5 juta, peningkatan sebanyak RM42 juta berbanding dengan tahun 2020. Jadi, saya ingin tahu peningkatan untuk emolumen kakitangan kontrak ini, kenapa peningkatan begitu mendadak RM42 juta ini? Adakah ini sebahagian daripada Program MySTEP yang diumumkan oleh pihak kerajaan?

Seterusnya, Tuan Pengerusi, ialah tentang— saya sedikit musykil apabila pemasangan baru lampu jalan kampung di bawah Butiran 01707 yang disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lain ada peningkatan, *alhamdulillah*, daripada tahun 2020 dari RM10 juta kepada RM34 juta. Peningkatan yang baik. Jadi lebih banyak, *insya-Allah*, kita boleh pasang lampu kampung.

Akan tetapi, apabila tengok kos operasi dan penyelenggaraan di bawah Butiran 050400, penurunan daripada hampir RM90 juta menjadi hanya RM87 juta. Apabila lampu bertambah, bil elektrik hendak kena bayar lebih banyak. Yang ada bilangan sudah lebih, kerosakan perlu dibaiki. Jadi tidak nampak logiknya apabila kita tambah bilangan tetapi kos operasi dan penyelenggaraan itu diturunkan. Jadi, mohon penjelasan tentang perkara ini.

Kembali kepada pemasangan baru lampu jalan kampung ini. Ramai rakan-rakan yang lain pun sebut keperluan ini. Saya minta untuk dipertimbangkan sebab dalam kawasan saya daripada *highway* Bukit Kayu Hitam ke Alor Setar hendak masuk

ke satu FELDA iaitu FELDA Bukit Tangga lebih kurang lima kilometer. Saya sudah minta beberapa kali untuk diadakan lampu jalan kerana keperluannya, Tuan Pengerusi, ialah kawasan itu gelap dan banyak binatang buas dan ramai sudah berlaku kemalangan jiwa pun pada sebelah malam. Babi hutan melintas, motosikal langgar, meninggal dan sebagainya. Jadi, bila kita minta buat anggaran, TNB dengan kos ini dan sebagainya, untuk lima kilometer ini *dok* ada RM1.6 juta. Jadi saya ingat kalau hendak minta ini mesti Yang Berhormat Menteri nampak *dok golek-golek* kepala itu, mesti tempat lain pun hendak.

Jadi, kalau boleh saya cadangkan untuk diterangkan sebahagian tempat-tempat kritikal ini. Sebab, dikatakan oleh TNB, *depa* hendak tarik kabel itu yang mahal. Boleh atau tidak kita *consider* untuk menggunakan lampu menggunakan solar panel? Jadi dia *stand alone* dan tidak perlu hendak tarik kabel panjang-panjang dan mungkin lebih murah. Ha, nampak *dok hangguk*. Jangan *hangguk* sahaja. Jadi, *insya-Allah*, yang ini dapat dipertimbangkan.

Kemudian dalam projek pembangunan di bawah Butiran 03100 – Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA). Ada peruntukan daripada tahun ini peningkatan yang agak mendadak daripada RM20 juta pada tahun 2020 kepada RM85.6 juta secara pemberian yang diberikan oleh pihak kerajaan dan pinjaman sebanyak hampir RM400 juta atau RM396.5 juta.

■1300

Jadi, *total* kedua-duanya itu *dok* ada dalam lebih kurang sebanyak RM480 juta. Jadi mohon perincian, program apakah ini di bawah Pembangunan sebanyak RM480 juta yang ada.

Di bawah Maksud Pembangunan P.22 kementerian ini di bawah Butiran 00602 – Maktab Rendah Sains MARA, pemberian pembangunan sebanyak RM106.25 juta. Ini mungkin untuk membina MRSM yang baharu. Ingin saya mencadangkan Yang Berhormat Menteri dan juga Tuan Pengerusi, supaya– kita sudah ada banyak MRSM dah.

Zaman saya masuk MRSM dulu baru ada tiga buah. Sekarang sudah berpuluh-puluh sudah. Cuma, tidak ada lagi MRSM yang kita buat yang ia berteraskan ataupun memberi penekanan untuk melahirkan usahawan di dalam MRSM. Ini supaya kurikulumnya tidak sama macam yang lain. Kurikulumnya dan pendedahannya supaya tiap-tiap bulan mungkin dipanggil *Captain of Industry*...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Datang, beri motivasi kepada mereka ini supaya mereka ini tidak terfikir keluar daripada habis MRSM, sambung belajar dan sebagainya, selepas itu kira hendak pergi makan gaji dan

sebagainya. Akan tetapi, mereka ini akan menjadi usahawan seperti mana yang dikehendaki dalam negara kita. Jadi, saya harap ini dapat pertimbangan...

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Yang Berhormat Kubang Pasu, satu nafas sahaja. Yang Berhormat Kubang Pasu, satu nafas sahaja.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Ya, sila.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya merujuk kepada Butiran 050500 – *Rural Basic Infrastructure*. Saya sangat hairan kenapa kementerian ini menggunakan bahasa Inggeris, "*Rural Basic Infrastructure*". Ini terlalu umum. Boleh dapatkan penerangan daripada kementerian nanti? Terima kasih.

Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]: Tak apa. Itu nanti masukkan dalam ini dan *insya-Allah* Yang Berhormat Menteri akan jawab.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, juga menyentuh sebuah lembaga kemajuan wilayah di negeri Kedah iaitu KEDA yang diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM47 juta. Saya mohon untuk mendapatkan perincian program pembangunan apakah yang hendak diadakan. Cuma, yang saya hendak tekankan satu Tuan Pengerusi ialah, dalam perkampungan-perkampungan KEDA ini, saya masih lihat bahawa mereka telah diberikan rumah dan sebagainya.

Akan tetapi masih tidak mampu untuk membawa mereka keluar daripada kemelut kemiskinan yang mereka hadapi itu. Mungkin masalah mentaliti, sikap dan sebagainya. Saya harap ini dapat diberikan penekanan supaya mereka sudah ada tempat tinggal yang agak okey, tetapi kemudiannya harus diubah sikap supaya mereka dapat keluar daripada kepompong kemiskinan yang mereka hadapi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Pasu. Seterusnya Yang Berhormat Sabak Bernam.

1.03 tgh.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membincangkan dalam peringkat Jawatankuasa dalam Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Pertama, saya ingin menyentuh Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur dan Kemudahan Asas, khususnya Butiran 020300 – Penyelarasan dan Pemantauan yang mendapat peruntukan sebanyak RM3,175,200 berbanding dengan RM2,347,300 tahun 2020. Ini penambahan sebanyak 30 peratus bagi membantu melaksanakan dan memastikan projek pembangunan di luar bandar mengikut perancangan dan peraturan yang ditetapkan. Pada Bajet 2020 yang lalu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) memperuntukkan sebanyak RM200 juta yang membabitkan pembinaan

sejumlah 1,530 buah rumah baharu dan baik pulih sebanyak 7,354 buah rumah di kawasan seluruh negara.

Tuan Pengerusi, sebenarnya peruntukan ini tidak mencukupi dan memadai kerana saya yakin bahawa kawasan luar bandar di seluruh negara memerlukan peruntukan yang lebih besar. Ini kerana, saya yakin kawasan luar bandar ini rata-rata antara penduduk di kawasan luar bandar rumah mereka ialah uzur. Saya mengharapkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menambahkan peruntukan di bahagian kawasan rumah luar bandar ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah pencapaian ataupun kemajuan pelaksanaan projek-projek pembinaan rumah baharu dan baik pulih yang telah dilaksanakan. Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan khususnya bagi inisiatif bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)? Bagi tahun 2021, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM355 juta bagi program bantuan rumah kepada golongan miskin untuk membina rumah baharu dan membaik pulih rumah kawasan seluruh negara terutama di Parlimen Sabak Bernam yang mempunyai ramai penduduk miskin dan rumah kampung yang lama, usang dan daif yang memerlukan pembaikan ataupun pembinaan segera.

Langkah ini penting bagi membantu masyarakat luar bandar untuk bersaing dengan kawasan bandar yang mempunyai kediaman yang lebih baik dan selesa bagi memastikan kesejahteraan penduduk di luar bandar di seluruh Malaysia.

Sehubungan dengan ini, Parlimen Sabak Bernam memohon dan merayu kepada kerajaan agar sebahagian daripada peruntukan ini dapat disalurkan di Parlimen Sabak Bernam bagi membaik pulih pembinaan rumah baharu di kawasan Parlimen Sabak Bernam. Ini kerana, permohonan sudah banyak kali dibuat pada tahun 2020 ini, tidak ada satu pun pembinaan rumah baharu dan juga baik pulih rumah. Saya mengharapkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengambil tindakan yang sewajarnya.

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, khususnya Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa yang mendapat peruntukan sebanyak RM2,684,300 bagi menyediakan peluang kepada masyarakat luar bandar untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat manakah Program Pembangunan Desa Lestari, Program Pembangunan Peningkatan Pendapatan serta *Rural Tourism* KPLB telah diluluskan dan dilaksanakan di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Berhubung dengan teras keusahawanan, saya ingin mendapatkan penjelasan tentang Program Desamall@KPLB. Adakah kerajaan bercadang mewujudkannya di kawasan Parlimen Sabak Bernam?

Tuan Pengerusi, yang terakhir berhubung dengan Butiran 030000 – Pengupayaan Ekonomi Luar Bandar, khususnya Butiran 030100 – Pembangunan Usahawan Desa, saya ingin membangkitkan tentang teras wanita KPLB. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan apakah program-program pembangunan ekonomi wanita yang akan dijalankan dan dibangunkan bagi wanita-wanita luar bandar khususnya di Parlimen Sabak Bernam? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Silakan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

1.08 tgh.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Seramai lapan orang yang terlibat dalam peringkat Jawatankuasa. Kami di KPLB mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas saranan-saranan yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada dua tiga orang juga sempat mencelah seperti Yang Berhormat Pontian.

Saya cuba– kalau hendak satu persatu Ahli-ahli Yang Berhormat ini mungkin lama ya Tuan Pengerusi. Mungkin elok saya ambil tajuk-tajuk. Umpamanya, macam Yang Berhormat Kubang Pasu, Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Pontian yang mengutarakan isu bagaimana kita hendak memastikan yang kampung itu terang benderang. Kampung yang ada sebanyak 15,734 buah kampung seluruh negara, tidak masuk lagi sejumlah 834 buah kampung Orang Asli supaya terang benderang macam Kuala Lumpur.

■1310

Itu adalah satu cabaran kepada KPLB. Lampu di kampung ini bermula pada 2002. Maknanya 18 tahun yang lalu sahaja. Sebelum itu, memang tidak ada lampu dalam kampung. Ekoran daripada kerjasama kementerian dengan TNB untuk mengurangkan kos, maka lampu-lampu ini mesti dipasang di tiang-tiang lampu TNB yang ada. Jadi, kerajaan memulakan geran kepada KPLB di mana kita tumpang.

Oleh sebab kita tumpang, maka ada keistimewaan di situ, lampu kita letak pada tiang. Ada kos pemasangan. Ekoran daripada bil yang dibayar oleh KPLB di antara RM9 hingga RM17, ini bergantung kepada jenis lampu *lens* yang dibekalkan iaitu *high-pressure sodium vapor*, yang baru sekarang ini LED. Maka, oleh sebab kita bayar kepada TNB, kementerian berbelanja sekarang ini lebih kurang antara RM70 ke RM80 *million* satu tahun untuk membayar bil setiap lampu yang dipasang di kampung.

Betul, 40 lampu yang kita hendak bagi kepada– hajat itu hendak bagi kepada setiap kampung. Justeru itu, ekoran daripada bertambahnya bil, maka bertambahlah lampu yang dijanjikan dan dimaterikan oleh TNB kepada KPLB. Jadi, lampu *free* tetapi

free maksudnya percuma, ia dihantar kepada TNB hasil daripada IBR. Bil yang kita bayar, TNB pulangkan balik kepada KPLB dalam bentuk lampunya. Jadi, apabila bayar lagi banyak bil, lagi banyaklah lampu kita dapat. Satu tahun bergantung kepada dana yang diberikan oleh TNB. Macam tahun lepas dekat RM20 juta, maka ia boleh bekalkan kita antara 10,000 ke 15,000 unit lampu.

Maka, sebab itu kita sekarang ini sedang menilai kembali Tuan Pengerusi, supaya sambil kita hendak terangkan kampung, kita gunakan LED. Kita terima cadangan supaya ada solar pula, maka tidak perlu menggunakan tiang daripada TNB, maka tidak perlu bayar bil. Memasang kali ini ada kos juga. Ada tiga komponen, umpamanya dalam lampu jalan kampung, solar LED ada tiga komponen. Ada solar, ada LED dan juga tiang. Tiang ini boleh juga digunakan akan datang, boleh masuk 5G dan sebagainya.

Jadi, kita sedang memulakan projek baru ini, perintis di dua buah kampung. Satu di Hulu Perak dan satu lagi di Lawas kerana purata biasanya kos solar LED di antara RM1,200 hingga RM1,800 satu tiang dan boleh bertahan lima tahun. Ada elemen bateri. Jadi pasang, tinggal sahaja atau ada elemen *maintenance* tadi itu. Ini sedang kita cuba. Anak syarikat TNB sedang mempelopori program ini. Kalau program ini berjalan Tuan Pengerusi, akan *review* balik bajet ini supaya kita tidak bayar kepada komponen yang paling banyak, dalam lampu jalan kampung ini adalah bil yang terpaksa KPLB bayar. Saya harap Yang Berhormat Pokok Sena fahamlah. Jadi, ia ada *pilot*, Yang Berhormat. Jika, ia berjalan, kita kena ada sistem *procurement* yang baru dan ini perlu bawa balik ke Parlimen dan bawa balik kepada Kabinet. Sila.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pohon, hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Berapa lama *pilot project* ini untuk ambil tempoh baru kita hendak dapat kepastian bahawa ia dapat berjalan dengan baik?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Ikut ulama kepada yang mahir dalam ini. *[Ketawa]* Kita kena dengar cakap ulamalah. Selepas dia pasang apa semua, dia akan beri masa kepada untuk *dimonitor*. Jika dalam masa yang enam bulan atau setahun kerana lampu ini boleh tahan sehingga 35,000 jam dan ia juga bergantung kepada matahari. Jadi, kita tidak hendak orang kampung kita pasang benda ini, selepas itu ada banyak rintihan dan kompelin.

Jadi, kita biar ia berjalan dahulu dan kita lihat apakah teknikal input yang akan dikeluarkan oleh pihak yang berwajib, bahagian *electrical* JKR akan bekerjasama dengan KPLB. Yang Berhormat, faham ya? Ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menanyakan projek-projek bekalan elektrik luar bandar, bekalan jalan perhubungan desa yang amat spesifik, ini saya akan jawab secara bertulis.

Satu lagi perkara yang menjadi minat Ahli-ahli Yang Berhormat adalah KEMAS. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Buloh kerana sewaktu beliau berada di kementerian, banyak penambahbaikan yang beliau buat, memberi penekanan kepada perjalanan infrastruktur bangunan, mahupun aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KEMAS.

KEMAS ini adalah satu— saya berharap Yang Berhormat Sungai Buloh lebih faham. Ia bukanlah instrumen politik seperti yang diuar-uarkan. Ia bukan macam JASA yang dahululah, yang kita hendak buat ini J-KOM. Jadi, KEMAS ini adalah entitinya sendiri. Memang betul, penuntut yang terlibat dalam prasekolah, awalan persekolahan pembelajaran kanak-kanak ini melibatkan lebih 200,000 orang, melibatkan guru dan pembantu 17,000 orang. Kita akui bahawa memang betul kalau kita hendak memperbaiki dan KEMAS ini dari tahun 1960, bayangkan kalau ada bangunan yang dibina pada ketika itu sudah pasti ia amat uzur.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan dan diluluskan oleh EPU bersama dengan kebenaran daripada MOF, amat terbatas. Ini bermakna, kita tidak boleh menggunakan dasar lama untuk menyelesaikan masalah yang baru. Perlu ada cara yang baik, cara yang baru bagi memastikan yang KEMAS yang mendapat *award* tadika contoh di Malaysia ini tahun lepas dapat kita mempertingkatkan.

Kalau kita perlu fikir cara bagaimana untuk tambah peruntukan bagi membiayai bangunan-bangunan yang telah usang. Walau bagaimanapun, dalam pakej rancangan yang lepas, kita dapat peruntukan kalau tidak silap saya dekat RM30 juta, yang kita sudah baiki. Walau bagaimanapun, masalah kita, tidak semua bangunan tabika KEMAS ini kepunyaan KEMAS. Tanahnya kadang-kadang dipunyai oleh individu atau yang diwakafkan. Jadi, isu-isu masalah tanah ini yang menjadi permasalahan yang besar. Walau bagaimanapun, kerajaan-kerajaan negeri, terutamanya di Sabah dan Sarawak, memberi kerjasama yang amat baik untuk kita mendapatkan *title* tanah, baru boleh kita bina.

■1320

Sama juga bila hendak *repair* itu, ada kedudukan tanah yang jelas baru boleh gunakan peruntukan itu. Tuan Pengerusi, saya kira itu sahaja..

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tuan Pengerusi, boleh saya minta penjelasan daripada yang disebutkan tadi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tuaran.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Tuaran, okey.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar Bandar. Ada satu kes di Sabah berkenaan dengan pembinaan bekalan air luar bandar dan ini melibatkan peruntukan

sebanyak lebih kurang RM90 juta. Sudah sekian lama diluluskan dan sumber airnya daripada Sungai Kadamaian, dari Kota Belud untuk disalurkan ke kampung-kampung sepanjang jalan Tamparuli dan Ranau.

Saya ingat sudah berlarutan beberapa tahun sudah. Ini berkenaan dengan isu seperti Yang Berhormat sebutkan tadi ada masalah pengambilan tanah dan sebagainya. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak projek ini bila sudah sekian lama, saya ingin tahu sebenarnya apa langkah-langkah yang telah diambil oleh Yang Berhormat setelah dalam kerajaan baharu ini.

Hal ini sebab semasa Menteri KPLB yang dahulu, Yang Berhormat Titiwangsa, dia pernah ke tempat itu dan sebagainya. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang sedang dibuat dan yang keduanya ialah tahun ini tahniah kerana peruntukan telah ditambah untuk bekalan air luar bandar kepada RM280 juta. Saya ingin tahu sama ada RM90 juta untuk projek ini diperuntukkan ataupun tidak, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat dulu Ahli Kabinet juga, Yang Berhormat pun faham bagaimana *the system works* dengan izin. Oleh sebab benda ini spesifik saya akan *check* balik. Biasanya projek-projek yang dalam Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kesebelas atau *final lap rolling plan* yang terakhir Rancangan Malaysia Kesebelas kita tidak tangguh-tangguh.

Kalau ada kepala kita akan buat cuma hendak pastikan sama ada ia dalam bentuk reka bentuk atau dalam proses hendak tender, yang ini secara terperinci saya akan bagi butiran kepada Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Tender semua itu okey cumanya masalah yang kampung itu sahaja. Untuk makluman Yang Berhormat, sumber air yang diambil adalah tempat di mana dulu ia mahu buat empangan, Empangan Tambatuon dahulu daripada situ dan sedikit dari situ. Saya cuma minta *update* sahaja apa yang sedang berlaku – langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menyelesaikan masalah.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Oleh sebab itu saya hendak pastikan kalau ia melibatkan *source of water*, dengan izin itu adalah daripada bahagian air negeri. KPLB ini punya tugas hendak memastikan selepas loji itu baru kita punya tugas. Jadi yang ini saya perlu dapatkan *clearance* sama ada pihak berkuasa air negeri atau KPLB. Boleh Yang Berhormat?

Jadi Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih. Kepada yang tidak jawab itu saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Tuan Pengerusi. Boleh saya minta pengesahan sebab ada banyak soalan yang spesifik yang telah ditanya tetapi saya fahamlah tidak ada masa untuk jawab semua. Jadi saya minta pengesahan semua soalan yang dibangkitkan tadi termasuk daripada saya dan Yang Berhormat lain akan dijawab secara bertulis dalam tempoh yang munasabah. Boleh dapat pengesahan itu?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya beri jaminan. Jawapan semua sudah ada, sudah ada di sini.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: Dalam tempoh yang berapa panjang?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tempoh segera lah.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya akan *upload* dalam web.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Upload* satu soal, kena bagi *direct*.

Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh]: *Direct* sini.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Boleh, boleh tidak ada hal. Boleh, itu masalah kecil. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,533,304,400 untuk Kepala B.22 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala B.22 diperintah jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalah seterusnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.22 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Kepala P.22 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

Kepala B.23 [Jadual] – Kepala P.23 [Anggaran Pembangunan 2021] –

Tuan Pengerusi: Seterusnya ialah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Kepala Bekalan B.23 dan Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli terbuka sekarang ini untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Sepanggar untuk memulakan perbincangan. Yang Berhormat Sepanggar tidak ada? Tidak ada, Yang Berhormat Kuala Langat silakan.

1.26 tgh.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020000 – Pengurusan Geologi dan Tanah. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian merupakan badan kerajaan yang diberi tanggungjawab mengawal selia tanah milik Kerajaan Persekutuan di seluruh negara. Pembayaran cukai tanah, penyelenggaraan dan keselamatan turut dibiayai oleh JKPTG untuk tanah Kerajaan Persekutuan yang di bawah kawal selia mereka. Namun begitu, bagi tanah Kerajaan Persekutuan yang telah diagihkan kepada kementerian-kementerian, kementerian itu bertanggungjawab mengawal selia tanah tersebut jadi bayar cukai tanah, penyelenggaraan dan sebagainya adalah dibiayai oleh kementerian.

Setahu saya terdapat beberapa kerajaan negeri telah pun mula untuk mengambil balik tanah-tanah ini sebab kerana cukai-cukai tanah tidak dibayar dan juga masalah penyelenggaraan. Majoriti daripada tanah di bawah kawal selia kementerian adalah dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Ada semua menteri yang pegang tanah-tanah mereka di sana.

Saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, untuk mengehadkan tempoh di mana tanah ini boleh dipegang oleh kementerian kepada lima tahun sahaja. Dalam lima tahun ini mana-mana kementerian yang memegang tanah Persekutuan perlu dibangunkan tanah itu dan jika tidak pembangunan dibuat terhadap tanah itu maka tanah itu akan dipulangkan kepada Kerajaan Persekutuan khususnya JKPTG.

Saya kata demikian sebab yang saya tahu banyak kementerian yang ada tanah-tanah ini dibiarkan tanah-tanah mereka. Contohnya Menteri Dalam Negeri juga ada banyak tanah dikatakan pembinaan balai polis ataupun pejabat polis. Akan tetapi kadang-kadang ia dicerobohi dan dibina kuil dan sebagainya ataupun setinggan-setinggan yang masuk. Selepas itu kita ada masalah besar untuk bersihkan kawasan itu dan kita kena bertanggungjawab pula untuk bayar pampasan di atas tanah-tanah kita.

Justeru, Kerajaan Persekutuan bolehlah menentukan kegunaan yang paling optimum untuk tanah tersebut sama ada untuk dibangunkan ataupun dijual supaya boleh membuka aliran tunai untuk kerajaan. Ini akan membawa lebih manfaat kepada kerajaan dan rakyat dibandingkan membiarkan sahaja tanah-tanah ini. Hal ini sebab bila kita di Dewan ini banyak Ahli-ahli Dewan Rakyat ini telah pun minta untuk sekolah-sekolah dibina di dalam kawasan.

Akan tetapi Kementerian Pendidikan walaupun ada banyak kawasan yang terbiar untuk membina sekolah, ia tidak berbuat demikian dan berapa tahun sudah tanah-tanah ini ada di kawasan itu dan sekarang sudah dicerobohi. Kalau sekarang kita

hendak gunakan tanah itu ada masalah untuk kita. Ada juga senario yang saya katakan di mana Persekutuan tidak dikawal serius sehingga berlaku pencerobohan.

■1330

So, saya minta Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian ini untuk membuat satu keputusan untuk masa depan di mana tanah-tanah ini boleh digunakan dengan baik sekali.

Seterusnya, merujuk kepada Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti. Peruntukan yang diberi untuk renjer PERHILITAN atau *ranger hunter* dan perkhidmatan sokongan kalau tidak silap saya sebanyak RM20 juta adalah dialu-alukan. Dengan peruntukan dana ini, maka kita boleh memastikan kepentingan dan keselamatan sumber asli dipelihara khususnya hidupan liar seperti harimau Malaya dan tapir. Kegiatan pemburuan haram turut boleh dibanteras dengan lebih berkesan dengan lebihnya, dengan izin *boots on the ground*.

Saya hanya ada satu cadangan Yang Berhormat Menteri iaitu untuk mengkaji semula syarat-syarat pengambilan pegawai hutan ataupun kita adakan syarat kelayakan sijil SPM patut dilonggarkan untuk pengambilan Orang Asli, untuk memudahkan proses pengambilan ini bagi mereka yang tidak mempunyai sijil SPM. Orang Asli merupakan pakar dalam menerokai hutan dan kepakaran ini akan banyak membantu rondaan keselamatan dalam hutan untuk membanteras kegiatan perdagangan hidupan liar dan pemburuan haram.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]: Yang Berhormat Kuala Langat, boleh sedikit? Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit? Yang Berhormat membangkitkan tentang pengurusan hutan dan biodiversiti. Dalam bab ini ada juga tentang FRIM Yang Berhormat.

Saya hendak tanya Yang Berhormat tentang penanaman hem yang diuar-uarkan atau dimaklumkan telah pun dipersetujui oleh Kementerian Kesihatan tetapi masih lagi belum mendapat cadangan ataupun maklum balas yang konkrit daripada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Memang betul Kabinet yang lepas telah pun meluluskan satu *pilot project* yang kita kena lakukan tetapi saya kena minta Yang Berhormat Menteri kalau ini diteruskan atau ada cadangan lain untuk hem ini diteruskan sebagai satu industri.

Seterusnya, saya ingin bertanya mengenai pusat biodiversiti kebangsaan dan mengapa tiada peruntukan diberi untuk membangunkan sedangkan negara kita antara hanya 12 buah negara yang diiktiraf sebagai negara *mega diverse*. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri agar peruntukan diberi untuk membangunkan pusat diversiti kebangsaan. Ada cadangan dulu di dalam kementerian

untuk kita bangunkan pusat diversiti kebangsaan dengan peruntukan yang diberi pada waktu itu ialah RM2.5 *million*. Saya minta pandangan dan kerjasama dari Yang Berhormat Menteri untuk kita teruskan dengan pembinaan pusat diversiti kebangsaan.

Untuk peruntukan RM70 juta secara *ecological fiscal transfer* (EFT) kepada kerajaan negeri pula, saya amat mengalu-alukan peruntukan ini supaya kerajaan negeri diberi insentif untuk memelihara dan memulihara hutan. Cadangan saya adalah agar peruntukan ini diberikan KPI berasaskan sains supaya peruntukan tidak diagihkan secara longgar dan kemajuan usaha memelihara hutan dapat diukur. Ini sahaja cadangan saya untuk Kementerian Tenaga dan Sumber Asli. *Can I have another one minute? Thank you.*

Tuan Pengerusi, saya hendak bangunkan isu Program Konservasi Antarabangsa Giant Panda di bawah Butiran 050300. Saya tahu kita kena bayar cukai untuk adakan dua ekor panda di dalam negara kita dan Malaysialah satu-satunya negara di mana kita telah dapat dari dua, kita dapat dua lagi. Bila ada anak panda lahir, kita kena bayar juga. Sekarang bayarannya memang tinggi.

Bila saya telah lawat negara China, saya telah bincang dengan mereka dan mereka setuju di dalam bayaran itu, separuh bayaran itu mereka boleh hantar balik kepada Malaysia untuk digunakan di dalam pembangunan hutan ataupun di mana kita ada program untuk tanam 100 juta pokok hutan di dalam negara kita, dana itu boleh digunakan. Saya ingin tanya, adakah kita akan teruskan dengan program ini?

Untuk *National Tiger Conservation Center* (NTCC) ini, saya ingat ia sudah siap tetapi bila kita akan dapatkan satu tarikh di mana ia akan dimulakan? Saya harap ini akan diteruskan dan dana yang patut akan diberi kepada *National Tiger Conservation Center* ini untuk dimajukan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Sebelum kita teruskan, ada usul Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

1.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: Tuan Yang di-pertua;

“Tanpa mengambil kira Usul Peraturan Mesyuarat 12(1) terdahulu iaitu pada Khamis 5 November 2020 dan mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli bagi

Rang Undang-undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 3 Disember 2020”.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada yang menyokong?

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican]:

Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Pengerusi: Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Jerantut.

1.37 ptg.

Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, sedikit sahaja dari saya.

Pertamanya mengenai Butiran 030000 – Pengurusan Hutan dan Biodiversiti yang mengalami peningkatan peruntukan walaupun sedikit. Saya hendak fokus kepada Butiran 030100 – Perhutanan Semenanjung Malaysia. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah saiz hutan simpan kekal yang terkini yang ada di negara kita kerana kita tahu hutan ini penting.

Keduanya, apakah langkah-langkah konkrit yang diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani pembalok-pembalok haram yang merugikan kerajaan apabila hasilnya tidak dapat dipungut dengan lebih cekap.

Ketiganya, apakah kerajaan bersedia memberikan insentif ataupun dalam bentuk ganti rugi kepada kerajaan-kerajaan negeri yang meletakkan kawasan-kawasan hutan mereka kepada taman negara ataupun taman-taman negeri, di mana hutan mereka tidak boleh diusahakan secara komersial dan sudah pastilah merugikan sumber kerajaan negeri. Contohnya hutan Taman Negara di Pahang yang mempunyai keluasan 4,343 kilometer persegi di mana Pahang sendiri memberikan keluasan tanah sebanyak 2,477 kilometer persegi.

Jadi kalau kerajaan bersedia memberikan insentif ataupun ganti rugi kepada kerajaan negeri, sudah pastilah mereka dapat menggunakan peruntukan itu untuk pembangunan negeri atau bersedia kah kementerian memberikan pengurusan aset-aset yang ada di taman-taman negara itu kepada negeri ataupun perbadanan-

perbadanan negeri menguruskannya di mana mereka boleh menjana pendapatan lebih untuk negeri. Sekarang ini kita lihat ia di bawah kementerian yang kadangkala ia merugikan dari segi pengurusan kepada kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat, lebih-lebih lagi apabila kawasan itu bertaraf pusat pelancongan, misalnya di Taman Negara Kuala Tahan.

Butiran yang berikutnya ialah 030200 – Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara yang mengalami sedikit peruntukan walaupun RM1 juta lebih sahaja. Kita tahu hidupan liar ini penting untuk ekologi yang lestari di mana kita dapati haiwan ini merupakan penyebaran biji benih. Mereka bekerja 24 jam sehari tetapi kalau tidak dijaga dengan betul, ia juga membawa masalah kepada ekosistem kita, juga meningkatkan konflik antara hidupan liar dan manusia.

Akhir-akhir ini kita banyak melihat konflik antara manusia dan haiwan. Contohnya serangan monyet hingga ke bandar, ini merugikan dan menimbulkan masalah kepada masyarakat dan penduduk di kawasan bandar sendiri. Luar bandar sudah pasti kerana kita dapati monyet ini seolah-olah dihimpunkan di kawasan-kawasan luar bandar, ini menimbulkan masalah yang besar kepada masyarakat di luar bandar.

■1340

Juga kita dapati akhir-akhir ini serangan gajah yang begitu banyak yang menimbulkan bukan sahaja ancaman kepada keselamatan penduduk tetapi juga menimbulkan kerugian kepada ekonomi penduduk setempat. Apakah kerajaan bersedia menubuhkan satu tabung, kalau boleh dijadikan tabung untuk membantu mereka, para petani khususnya para penduduk kampung yang kerugian akibat hasil pertanian mereka dirosakkan oleh hidupan-hidupan liar yang mana habitat mereka terganggu akibat daripada pengurusan hutan yang agak ekstrem akhir-akhir ini hingga menyebabkan kawasan mereka makin menjadi kecil, kawasan rayau binatang-binatang kita.

Tuan Pengerusi, saya ada masa seminit lagi. Saya ingin membawa tajuk isu P.050600 di bawah Subsidi Bil Elektrik. Kita dapati tahun depan ini peruntukan subsidi daripada RM104 juta dikurangkan kepada RM80 juta.

Tuan Pengerusi, mengenai isu ini saya ingin menyentuh apakah kementerian bersedia memberikan pengurangan daripada 10 peratus ini kepada angka yang lebih tinggi kepada khususnya rumah-rumah ibadat. Rumah-rumah ibadat ini bukan menjana keuntungan. Mereka memberikan perkhidmatan. Pada hemat saya, tidak wajar mereka dikategorikan dalam komersial. Kalau komersial mungkin tidak apa sebab mereka menjana keuntungan.

Jadi, kalau boleh sama ada kadar mereka ini diberikan kadar berasingan atau pengurusan pembayaran bil-bil elektrik kepada rumah-rumah ibadat ini dikurangkan. Kalau tidak pun kepada 40 peratus, mungkin 30 peratus. Jangan letak kepada 10

peratus. Tambahan lagi apabila masa COVID-19 ini, rumah-rumah ibadat ini ditutup. Bilangan yang hadir pun kurang. Maka, biasanya mereka mendapat sumbangan daripada pengunjung-pengunjung. Sekarang ini sudah tidak ada. Tambah lagi bebanan elektrik yang tinggi. Maka mereka menghadapi sedikit kesukaran. Jadi, pohon pertimbangan daripada kementerian.

Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja lagi saya hendak sentuh ialah mengenai dengan tenaga lestari. Kita lihat berdasarkan kepada maklumat yang saya ada, kerajaan telah bersedia mengadakan program Net Energy Metering dengan izin ataupun NEM. Sambutan yang amat menggalakkan. Saya difahamkan kuotanya telah pun habis iaitu sebanyak 500 megawatt.

Apakah kerajaan bersedia untuk menambahkan kuota ini agar bangunan-bangunan kerajaan ini dapat menggunakan kesan daripada pelaksanaan projek ini. Ini sekali gus ia dapat menjimatkan pembayaran tenaga terhadap penggunaan tenaga di bangunan-bangunan mereka dengan menggunakan tenaga yang diperbaharui ini. Sekian Tuan Pengerusi. Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Yang Berhormat Sepanggar, silakan.

1.43 tgh.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 040200 iaitu Tenaga Lestari. Sebagaimana yang kita telah dimaklumkan bahawa telah diperuntukkan sejumlah RM3 juta bagi peruntukan tenaga lestari untuk tahun hadapan.

Baru-baru ini Perdana Menteri United Kingdom Boris Johnson mengumumkan penggunaan kenderaan elektrik menjelang tahun 2030 sebagai langkah untuk membendung pengeluaran kereta yang menggunakan bahan api, petrol dan diesel berskala besar di negara itu.

Jadi, saya ingin bertanya, adakah kementerian sudah memulakan langkah-langkah untuk mengkaji dan melaksanakan dasar baru bagi mengurangkan pemanasan global dan perubahan iklim.

Seterusnya untuk Butiran 050600 iaitu Subsidi Bil Elektrik. Peruntukan sebanyak RM80 juta telah disediakan bagi tahun hadapan dan ia pengurangan sebanyak RM24 juta berbanding tahun ini iaitu RM104.4 juta. Saya ingin bertanya, pertama saya ingin tahu mengapa jumlah ini telah dikurangkan dan berapakah isi rumah yang akan mendapat subsidi elektrik pada tahun depan berbanding tahun ini.

Kedua, adakah kerajaan akan melanjutkan diskaun bil elektrik bagi enam sektor berkaitan pelancongan iaitu pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan,

kompleks beli-belah, pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan.

Seterusnya untuk Butiran 060100 – Penyelenggaraan Sistem dan Peralatan. Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan sistem dan peralatan. Saya ingin mohon penjelasan lanjut mengenai peruntukan ini.

Seterusnya mengenai Butiran 41000 – Sabah Electricity Sendirian Berhad. Kenaikan peruntukan sebanyak RM130 juta iaitu RM458 juta kepada SESB berbanding tahun ini iaitu RM328 juta. Saya ingin bertanya, daripada jumlah peruntukan tersebut, berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah.

Kedua, mengenai gangguan bekalan elektrik di Sabah khususnya di Pantai Timur Sabah. Apakah usaha segera kementerian untuk menyelesaikan isu ini bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar kepada rakyat negeri Sabah.

Ketiga, berkenaan dengan mengembalikan SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri semasa tempoh pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan yang lalu, difahamkan telah pun di tahap dipersetujui di peringkat Kabinet. Jadi saya ingin bertanya, apakah status persetujuan tersebut dan kenapakah perbincangan di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan, Sabah sehingga kerajaan ketika ini perlu membentuk sekali lagi jawatankuasa khas dan jawatankuasa teknikal sedangkan kita tahu bahawa Kabinet yang telah lalu telah pun bersetuju untuk menyerahkan SESB ini kepada Kerajaan Negeri Sabah. Jadi, ingin mohon penjelasan kepada perkara ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh saya mencelah Yang Berhormat Sepanggar? Boleh saya mencelah? Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat juga mahu bertanya kepada pihak kementerian tentang SESB ini tentang apakah langkah-langkah untuk menurunkan kos penjanaan elektrik di Sabah.

Setakat ini, kos penjanaannya ialah lebih kurang 40 sen *per kilowatt-hour*. Sedangkan apabila dijual kepada *consumer* adalah pada kadar 34 sen *per kilowatt-hour* dengan menyebabkan perbelanjaan yang begitu tinggi untuk subsidi. Jadi, adakah Yang Berhormat juga mahu tanya apakah langkah-langkah yang kementerian mahu ambil untuk menurunkan kos penjanaan elektrik di Sabah.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat. Masukkan dalam teks ucapan saya. Terima kasih.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat Sepanggar. Ada lagi? Masih berucap atau tidak?

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Sila, sila.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Saya setuju dengan apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sepanggar tentang gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di negeri Sabah, bahkan bukan di Pantai Timur sahaja tetapi di mana-mana bahagian di Sabah juga masih mengalami gangguan-gangguan yang kadang-kadang terlalu dahsyat.

Jadi, setuju kah Yang Berhormat Sepanggar bahawa kerajaan harus memperkenalkan satu pendekatan bagaimana untuk menerima laporan-laporan dan juga menangani ataupun melayani setiap laporan yang telah dibuat supaya dapat dipulihkan setiap gangguan itu. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Terima kasih Yang Berhormat Kimanis. Saya bersetuju dengan apa yang disebutkan. Masukkan juga dalam teks ucapan saya. Inilah yang kita hadapi yang sebenarnya Tuan Pengerusi. Sabah ini sehinggakan sampai ke satu tahap, pelancong daripada luar pun fikir dua kali untuk melabur dekat Sabah disebabkan oleh masalah gangguan elektrik yang sentiasa berlaku di negeri Sabah. Jadi, saya harap agar pihak kementerian dapat melihat perkara ini dengan lebih serius. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Kemaman.

1.48 tgh.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pertama, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasa peringkat Jawatankuasa. Saya merujuk kepada Butiran 050800 – *Biodiversity Protection and Patrolling Programme* (BP3) iaitulah saya memperhalusi jawapan kementerian ketika penggulangan tempoh hari mengenai penambahan anggota PERHILITAN dan aset-aset berkaitan bagi menghadapi peningkatan kes gangguan liar khususnya di Daerah Kemaman.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, dari Januari sehingga September tahun ini sahaja terdapat 28 aduan mengenai gangguan gajah liar yang berlaku di daerah Kemaman. Keadaan ini telah menimbulkan kebimbangan terhadap ancaman keselamatan rakyat termasuk juga ramai yang telah mengalami kerugian disebabkan kemusnahan kebun-kebun yang berdekatan dan juga ladang-ladang.

Saya dimaklumkan setakat ini bilangan anggota PERHILITAN khususnya di Daerah Kemaman hanyalah tujuh orang, yang saya dimaklumkan kini telah pun bertukar dua orang dan berserta dengan aset yang ada juga sebanyak dua sahaja aset kenderaan yang ada di Daerah Kemaman. Keadaan ini menyebabkan langkah operasi

kawalan dan juga tangkapan gajah tidak dapat dilakukan secara efektif dan kerap oleh sebab keanggotaan dan aset yang terhad.

Di samping itu, jabatan juga dimaklumkan mempunyai komitmen yang lain dalam operasi-operasi yang lain.

■1350

Oleh itu seperti mana yang disebutkan oleh kementerian mengenai program BP3 untuk merekrut veteran Angkatan Tentera Malaysia dan Orang Asli bagi membantu anggota PERHILITAN. Saya ingin bertanya apakah kementerian bercadang untuk menambah anggota PERHILITAN khususnya Daerah Kemaman serta di negeri-negeri yang lain serta rancangan kementerian bagi menambahkan veteran ATM dan Orang Asli di bawah program BP3 ini, bagi memastikan operasi penguatkuasaan yang efektif khususnya di Daerah Kemaman ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, dalam Butiran 050900 – *National Tiger Conservation Centre* (NTCC). Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan penubuhan NTCC ini. Kita sedia maklum isu kepupusan spesies harimau Malaya sememangnya menjadi isu yang perlu mendapat perhatian utama pihak kerajaan. Maka dengan penubuhan NTCC ini kelak, diharapkan agar segala perancangan bagi memelihara serta memulihara spesies terancam ini dapat dilakukan dengan secara yang berstrategik.

Tuan Pengerusi, Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (NTCAP) telah dilancarkan pada tahun 2008 lagi bagi memastikan Harimau Malaya ini dapat digandakan menjelang tahun 2020 ini. Dengan sasaran yang diletakkan ketika itu adalah 1,000 ekor. Malangnya selepas hampir 12 tahun, jumlah harimau yang ketika ini hanyalah dalam lingkungan 200 ekor sahaja, jauh berbanding dengan sasaran yang dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian dalam beberapa isu yang berikut. Pertama, apakah kementerian melakukan bedah siasat ataupun post-mortem terhadap kegagalan Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan bagi menambah lebih banyak jumlah Harimau Malaya di negara ini?

Kedua, apakah rancangan kementerian dengan tertubuhnya *National Tiger Conservation Center* (NTCC) dalam memelihara spesies harimau ini. Begitu juga rancangan strategik bagi menangani kes-kes pemburuan haram yang terus berleluasa ibarat tiada jalan keluar;

Seterusnya, saya ingin tahu apakah pihak kementerian bersedia untuk membenteng Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 bagi menangani isu berkenaan perkara-perkara yang tersebut. Mohon penjelasan pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Kuala Selangor.

1.52 tgh.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja, dua perkara besar. Pertama adalah memohon Yang Berhormat Menteri dan kementerian membuat penjelasan. Ketika Kerajaan Pakatan Harapan mentadbir dahulu, Yang Berhormat Menterinya membuat komitmen pada hujung 2019 untuk menumpukan pelaburan sebanyak RM33 bilion bagi memperkasakan industri tenaga boleh diperbaharui, tenaga lestari dan menjadi sebahagian dari dasar kerajaan dan menyasarkan keseluruhan daripada tenaga itu 20 peratus disumbangkan daripada tenaga yang boleh diperbaharui menjelang tahun 2025.

Beberapa tindakan seperti satu kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang menjalankan beberapa kajian dan dengan itu mengeluarkan 21 tindakan yang memudahkan urusan pelaburan tenaga boleh diperbaharui ini. Saya ingin tahu apakah lanjutan dan susulan daripada perkara-perkara ini? Oleh sebab dalam Belanjawan yang saya perhatikan di sini di dalam Kementerian Tenaga dan Sumber Asli ini, saya tidak nampak butiran komitmen yang jelas. Atas kepala Butiran 040200 – Tenaga Lestari hanya RM3 juta kurang lebih begitu sahaja dan dasar-dasar baharu pun sekadar hanya RM10 juta dan tidak ada komitmen yang jelas tentang perkara itu dan ini saya kira adalah satu yang perlu mendapat perhatian kementerian.

Selainnya Tuan Pengerusi, saya beralih sedikit kepada perkara yang dibincangkan oleh kawan-kawan yang lain tadi atas Butiran 050600 – Subsidi Bil Elektrik. Kita dalam keadaan PKP telah pun Kerajaan PN ini membuat pelaburan ataupun perbelanjaan yang besar. Saya kira-kira dan hitung kurang lebih RM2.2 bilion seluruhnya Bantuan Prihatin Elektrik sejak 1 April tahun ini sehinggalah ditambah dan dibantu lagi sebanyak RM942 juta dengan Bantuan Prihatin Elektrik tambahan.

Pelbagai blok yang hanya menggunakan kurang daripada 300 *kilowatt* per jam mendapat percuma dan potongan-potongan yang selainnya bergantung golongan yang menggunakan dalam tarif-tarif tertentu dan yang terkesan. Banyak pertikaian hari itu dan terkesan adalah golongan yang menggunakan tarif antara 301 hingga 600 *kilowatt hour* yang menyaksikan lonjakan tarif mereka daripada 51.6 sen *watt hour* kepada 54.6 sen.

Persoalan saya Tuan Pengerusi adalah memandangkan semua ini mungkin juga akan ditamatkan, saya ingin bertanya apakah Bantuan Prihatin Elektrik ini ditamatkan dan apakah sektor-sektor yang terjejas? Sekali gus dengan itu, saya ingin bertanya

mengapakah peruntukan untuk subsidi bil elektrik ini dalam keadaan kita masih lagi dalam pelbagai bentuk PKP, cuma berbeza sahaja sudutnya sama ada PKPB diperketatkan, bersyarat dan sebagainya atau *targeted* dan sebagainya, tempoh dan sebagainya tetapi saya perhatikan pengurangan dibuat dalam subsidi bil elektrik. Sejauh mana penggunaan domestik akan terkesan? Saya minta penjelasan yang lebih terperinci daripada kementerian. Itu sahaja ringkasnya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Sibuti.

1.56 tgh.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ringkas sahaja saya terus pergi ke Butiran 040000 – Pembangunan Tenaga iaitu Butiran 040100 – Pengurusan Tenaga dan juga Butiran 040200 – Tenaga Lestari.

Terdapat berlakunya peningkatan peruntukan dari tahun 2020 ke tahun 2021 berkenaan tentang emolumen. Saya ingin mendapatkan perincian terhadap perkara tersebut dan juga berkenaan tentang tenaga lestari. Seperti yang kita ketahui bahawa *Net Energy Metering 2.0* telah mendapat perhatian yang ramai terutama sekali pemain-pemain industri dan juga orang ramai yang ingin memasang solar PV di atas bumbung dan juga semua kuota yang telah disediakan oleh pihak Sustainable Energy Development Authority (SEDA) telah habis pada minggu lepas.

Saya juga ingin mengetahui apakah langkah *forward* kerajaan untuk menyediakan satu lagi program baharu NEM 3.0 supaya dapat menyediakan lebih banyak lagi kuota-kuota memandangkan kita ingin memperkenalkan *renewable energy lifestyle* di Malaysia. Selain daripada itu, adakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan untuk menyediakan kuota khusus bagi negeri-negeri untuk menerima kuota NEM ini.

Selain daripada itu juga saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah sasaran kerajaan dan juga apakah tindakan kerajaan untuk membawa pelaburan *renewable energy* masuk ke Malaysia pada masa yang akan datang?

Seterusnya adalah berkenaan tentang Butiran 050300 – Program Konservasi Antarabangsa Giant Panda. Saya telah membawa perkara ini pada persidangan yang lepas. Beberapa kali persoalan berkenaan dengan konservasi antarabangsa Giant Panda ini memandangkan konservasi ini tidak memberi sebarang kelebihan lebih-lebih lagi ketika PKP ini, panda itu tidak melakukan sebarang *performance* ataupun dipaparkan kepada masyarakat.

Saya terbaca di dalam *social media* dan juga laporan akhbar beberapa hari yang lepas, kerajaan perlu menampung bil elektrik RM10,000 ke RM20,000 untuk

menampung keperluan panda ini. Adakah kerajaan juga mempunyai satu tempoh masa untuk mengembalikan panda-panda ini ataupun adakah kita akan terus menjadi penjaga panda-panda ini? Apakah kelebihan untuk kita menyimpan panda-panda ini terutama sekali sekiranya panda ini melahirkan lagi anak-anak panda, adakah kerajaan akan boleh mempunyai hak menamakan panda-panda ini mengikut nama-nama tempatan?

Selain daripada itu, saya melihat satu Butiran 02811 – Pembangunan Sistem Bahagian Geospacial Pertahanan (BGSP). Saya lihat ini adalah satu butiran baharu dan juga satu bajet yang baharu.

■1400

Saya ingin mendapatkan perincian, adakah BGSP ini adalah bertujuan untuk memantau dan juga menilai keadaan bentuk muka bumi? Juga, adakah program ini akan meliputi bahagian Borneo, wilayah Sabah dan juga wilayah Sarawak yang saya lihat memerlukan keperluan untuk dikaji berkenaan tentang *geospacial* ini memandangkan Kerajaan Indonesia akan *relocate* ibu negeri mereka ke Kalimantan?

Selain itu juga, akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran Pembangunan 40000 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Saya melihat dalam pengumuman bajet atau Belanjawan 2021 yang lepas, Menteri Kewangan telah menyebut berkenaan program SAVE 2.0 sebanyak RM20 juta diperuntukkan. Saya tidak dapat melihat dimanakah butiran tersebut. Juga, saya ingin mengetahui, di dalam ucapan Menteri Kewangan juga menyebut berkenaan *hydrogen bus* dan *green economy*. Di manakah butiran tersebut? Adakah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga dan Sumber Asli?

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Bakri.

2.01 ptg.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.23 Butiran 040000 – Pembangunan Tenaga. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Menteri berkenaan dengan polisi *net energy metering* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Sibuti.

Mengikut *website Sustainable Energy Development Authority (SEDA)*, daripada 500 megawatt kuota NEM yang telah diperuntukkan, lebih kurang 445 megawatt telah pun diluluskan. Saya ingin tahu, apakah rancangan kerajaan untuk kuota baharu NEM bagi lima tahun seterusnya? Menteri sepatutnya membuat keputusan dengan lebih cepat lagi dan mengumumkan dengan lebih cepat supaya industri solar boleh bersiap sedia.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak pembaharuan polisi NEM “one-on-one” *offset basis* dan juga *Supply Agreement with Renewable Energy (SARE)* yang membolehkan pajakan solar pada bulan Oktober 2018, kita memang telah menyaksikan perkembangan solar atas bumbung yang sangat memberangsangkan. Sebelum pembaharuan polisi, hanya 16 megawatt kuota NEM telah diambil oleh pemain industri. Selepas pembaharuan polisi, kita nampak ia meningkat lebih daripada 20 kali ganda dan sekarang kuota NEM hampir sudah habis.

Oleh itu, saya sangat setuju dengan Yang Berhormat Jerantut dan Yang Berhormat Sibuti bahawa kerajaan patut memberikan kuota baharu NEM untuk memastikan kesinambungan pertumbuhan industri solar yang semakin rancak ini. Momentum ini tidak seharusnya terhenti.

Projek NEM dan pajakan solar bukan sahaja membolehkan pemilik premis yang memasang panel solar atas bumbung untuk menurunkan pelepasan karbon mereka tetapi juga boleh menjimatkan bil elektrik. Dengan adanya *Green Investment Tax Allowance*, biasanya *payback period CAPEX* adalah dua hingga lima tahun sahaja. *It is not only good for environment but also good for the business*, dengan izin.

Tambahan lagi, pertumbuhan industri solar atas bumbung akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Ini adalah sangat penting dalam krisis ekonomi COVID yang kita hadapi sekarang. Lebih banyak jurutera, juruteknik, juruelektrik dan lain-lain yang boleh kita wujudkan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Setiap megawatt penjanaan kuasa solar atas bumbung boleh menjana lebih kurang 32 peluang pekerjaan. Dengan adanya 500 megawatt kuota NEM yang baharu, kita mampu menjana lebih daripada 15,000 peluang pekerjaan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, selain daripada NEM, di bawah Butiran yang sama, Bakri juga ingin menarik perhatian kementerian tentang masalah *financing* yang mungkin akan dihadapi oleh pengusaha tenaga boleh dibaharui.

Kerajaan telah menawarkan projek *Large Scale Solar (LSS)* sebanyak satu gigawatt. Jumlah nilai projek ini adalah sebanyak RM3 bilion sehingga RM4 bilion. Kita juga nampak tahun ini lebih daripada 300 kuota NEM telah pun diluluskan. Ia adalah lebih kurang RM1 bilion. Tambahan lagi, kita ada projek-projek *feed-in tariff*, biogas, biojisim, hidro kecil dan lain-lain.

Semua projek ini perlu *financing to kick start on the ground* untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan mencipta peluang pekerjaan. Biasanya, dalam *financial*

model, pengusaha TBB untuk mendapatkan *levelized cost of electricity* (LCOE), mereka akan mengambil kira insentif *Green Technology Financing Scheme* (GTFS). Perubahan *variable* dalam GTFS, dalam *financial model* mereka akan menjejaskan daya maju projek ini, *viability of the project*.

Oleh itu, Bakri amat terkejut apabila mendengar pengumuman Menteri Kewangan bahawa nilai GTFS tidak meningkat walaupun projek LSS, kuota NEM meningkat. GTFS kekal pada RM2 bilion untuk dua tahun. Daripada ucapan Menteri juga, saya tengok mungkin GTFS 3.0 ini hanya memberikan jaminan sahaja dan tanpa dua peratus subsidi faedah seperti GTFS 1.0 dan GTFS 2.0.

Saya ingin mendapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada GFFS 3.0 ini tidak menawarkan dua peratus subsidi faedah ini? Ini kerana ia akan memberikan implikasi yang sangat tinggi kepada industri TBB. Saya juga ingin tahu pandangan Menteri, sama ada Menteri rasa GTFS 3.0 ini cukup untuk merangsang industri TBB? Adakah pemenang bidaan LSS@ME nTARI akan menghadapi masalah untuk *financial closure*? Sebab, ramai daripada mereka yang mengambil kira subsidi faedah GTFS dalam tawaran harga bidaan mereka. Bagaimana pula dengan pemain industri TBB yang lain?

Industri TBB sebenarnya ada potensi yang sangat besar untuk menjadi salah satu industri strategik yang boleh merangsang ekonomi dan mencipta lebih banyak pekerjaan pasca COVID-19. Akan tetapi, perbelanjaan kerajaan dalam GTFS tidak mencukupi dan sangat mengecewakan.

Sebagai mantan Menteri, Bakri menggesa kerajaan untuk meningkatkan saiz GTFS dan mengekalkan insentif subsidi faedah sebanyak dua peratus. Saya ingin tahu, apakah pandangan dan *position* Menteri sekarang tentang GTFS?

Seterusnya, dalam Butiran yang sama, Tuan Pengerusi, Bakri juga ingin membangkitkan isu berkenaan dengan bil tertunggak TNB. Adakala kita dapat aduan daripada pengguna elektrik, mereka dicaj bil elektrik tertunggak selama lima tahun. Sangat lama. Jumlahnya biasanya beribu-ribu ringgit, jika tidak berpuluh-puluh ribu ringgit. Biasanya bil ini adalah tidak berkaitan dengan mereka kerana lima tahun adalah terlalu panjang dan banyak perkara berlaku.

Bakri cadangkan untuk menurunkan tempoh maksimum bil tertunggak yang boleh dicaj oleh TNB ataupun pembekal elektrik kepada dua tahun. Dengan adanya teknologi baharu, sebenarnya TNB dan pembekal elektrik boleh menuntut bil tertunggak dengan lebih cepat dan ia akan mengelakkan insiden di mana pengguna lain yang perlu bertanggungjawab atas caj tersebut.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Bakri, masa sudah tamat.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Ya, *last*. Tuan Pengerusi, *last* sekali. Tuan Pengerusi, *last* sekali juga saya sangat setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tentang konservasi *giant panda* dan juga konservasi *tiger*. Kalau kita tengok perbandingan dalam Butiran 050000, kalau kita tengok Program Konservasi Antarabangsa Giant Panda adalah RM4.5 juta tetapi apa yang kita tengok untuk *tiger conservation*, konservasi harimau adalah sebanyak RM1.7 juta.

Saya berharap bahawa Menteri boleh mencari jalan supaya macam mana kita boleh untuk tahun depan atau tahun seterusnya kita boleh menurunkan peruntukan yang diperlukan untuk panda dan menggunakan peruntukan tersebut untuk pemeliharaan harimau.

Dengan itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima Kasih Yang Berhormat Bakri. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau, kemudian saya minta dijawab oleh Menteri. Sila Yang Berhormat Arau.

2.09 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih. Kita faham bahawa kawan-kawan kita daripada pembangkang, daripada kerajaan tidak dapat berucap. Jadi, kita dibenarkan untuk mencelah dengan hebatnya. Hari ini kawan-kawan saya yang hadir ialah seramai 112 orang menunggu apa-apa arahan yang berlaku.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, mohon pencelahan. Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Walau bagaimanapun, nampaknya keadaan agak tenang. Walau bagaimanapun...

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Arau, tiga hari pun tiada 112 orang. Jangan tipulah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada 112 orang yang menunggu termasuklah simpati dekat kawan-kawan lain sebanyak sembilan orang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, boleh mencelah? Saya mohon agar Menteri...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Berdasarkan laporan tahunan—ya?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh mencelah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya mohon agar Menteri memberikan pelanjutan untuk diskaun elektrik kepada rakyat. Diskaun PRIHATIN bulan

April sehingga Disember 2020, saya mohon diteruskan enam bulan lagi. Satu hingga 200 kilowatt jam, 50 *percent* diskaun; 201 hingga 300 kilowatt jam, 25 *percent* diskaun; 301 hingga 600 kilowatt jam, 15 *percent* diskaun. Kita memohon agar TNB dan kementerian memberikan diskaun lanjutan enam bulan lagi. Terima kasih.

■1410

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya terima kasih. Ya terima kasih Yang Berhormat itu sudah pasti menjadi sebahagian daripada ucapan saya. Ini kerana, Yang Berhormat tidak dapat menggilirkan diri kerana masa tidak cukup. Laporan Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) tahun 2019 iaitu di bawah Butiran 04000 – Pembangunan Tenaga bahawa penggunaan tenaga dunia akan meningkat sebanyak 44 peratus dari tahun 2006 sehingga tahun 2030 sedangkan sumber tenaga bahan api fosil yang semakin berkurangan. Maka, hampir semua negara di dunia ini menyasarkan penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui. Di Malaysia, sumber tenaga yang boleh diperbaharui itu terlampau kecil iaitu kurang daripada sejumlah 20 peratus.

Banyak orang memberi – sumber tenaga kita yang utama sekarang ialah sebanyak 16.6 peratus hidro sementara 0.7 peratus ialah sumber tenaga lain daripada sumber tenaga lain. Semua orang ini berbincang tajuk solar dan sebagainya. Solar ini antaranya ialah ada potensi. Contohnya sebanyak 17 ekar panel solar mampu menghasilkan kira-kira sejumlah 12,000 kilowatt tenaga elektrik setahun yang cukup menampung kira-kira sebanyak 5,000 buah rumah. Jadi, kita hendak satu perancangan yang jelas. Ini kerana, sekarang ini kita berdasarkan permohonan di sana, sini dan dengan itu kita nampak tidak jelas.

Kita nampak masih kurang – jadi sekarang ini bilakah sebenarnya kita memerlukan pembaharuan tenaga ini dibuat secara tersusun. Contohnya pada satu tahun, sejumlah 2,000 megawatt kah dan sebagainya. Dengan itu kita beri perhatian pula kepada pemain-pemain industri di peringkat sederhana. Sekarang ini pemain-pemain industri besar yang terlibat. Sekarang ini di peringkat sederhana mungkin di peringkat yang rendah supaya semua pihak boleh terlibat dalam usaha untuk membantu negara. Kita tahu semua negara dunia menyasarkan 100 peratus dan negara yang telah pun berjaya menyasarkan 100 peratus ialah Iceland dan juga Norway.

Makna kata, ada negara yang telah berjaya. Jadi, saya minta supaya pihak kerajaan meletakkan perancangan yang khusus untuk pembaharuan tenaga ini.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau pinjam masa selama 30 saat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kemudian yang keduanya ialah...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Perhutanan, perhutanan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kangar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perhutanan saya masuk sekarang perhutanan boleh sentuh.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Nanti saya celah sikit ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Perhutanan *maybe* boleh sentuh kita. Tidak ada masalah. Kita sesama Perlis walaupun kadang-kadang Yang Berhormat tidak menyasarkan perkara yang tepat. Sekarang kita sentuh tentang Butiran 030000 berhubung dengan perhutanan. Jadi, kita hendak tanya kepada Yang Berhormat apa pun Yang Berhormat jawab, Yang Berhormat tidak boleh lari daripada bajet. Bajet pada tahun ini iaitu sebanyak RM180 juta. Kemudian pada tahun hadapan sebanyak RM183 juta.

Malah untuk pembangunan hutan di Semenanjung sebagai contoh sejumlah RM31.9 juta tahun ini sebanyak RM32 juta. Yang Berhormat kita hendak cakap apa pun, hebat macam mana pun kita kena dasarkan kepada bajet. Kalau bajet macam ini, tak mampu – macam bekas Yang Berhormat Menteri menyebutkan menyasarkan 100 juta pokok. Tak mampu ini Yang Berhormat. Yang Berhormat kena bagi satu-satu sasaran berdasarkan negeri. Dulu saya pernah – fasal saya memimpin Perlis itu saya menyasarkan satu juta pokok.

You tiap-tiap negeri sasarkan berapa juta pokok untuk ditambahkan hutan dan dengan itu kita boleh bagi bajet berdasarkan usaha-usaha peringkat negeri. Akan tetapi, negeri-negeri tidaklah – bukan negeri mengugut. Negeri mensyaratkan supaya kita bayar ganti rugi kepada negeri bagi mereka yang memberi *reserve* hutan. Kita fikirkan yang itu, tetapi kita fikir bagaimana kita hendak tambah hutan. Silakan Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ada dua perkara yang saya hendak sebut di sini tentang pengurusan hutan. Selalu bila kita sebut perhutanan ini kita bercakap tentang pengusaha hasilan. Kerja hendak terbang sahaja. Tiap-tiap masa kita dengar. Akan tetapi, kalau kita tengok di sini, *outcome* satu dalam Pengurusan Hutan dan Biodiversiti ialah untuk pengurusan hutan simpanan kekal secara berkekalan. Jadi kalau boleh kita hendak cadang kepada Yang Berhormat Menteri yang mana hutan lipur kita, kita tengok banyak kemudahan yang tidak diselenggarakan. Jadi, apa kata Yang Berhormat Menteri berbincang dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk mewujudkan taman-taman sains sesuai dengan *outcome* kementerian ini.

Kedua, yang saya hendak sebut di sini tadi ramai orang cakap tentang panda. Panda ini disimpan di Zoo Negara. Baru-baru ini timbul isu Zoo Negara tak cukup duit. Saya minta kalau boleh kementerian wujudkan satu audit bebas untuk memastikan akaun diuruskan dengan baik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau. Mengenai hutan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, ini kali pertama saya benarkan ucapan pembangkang masuk sebahagian daripada ucapan saya. Ini kali pertama ya.

Seorang ahli: Hebat hebat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, masa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini kerana ia bersesuaian. Yang lain-lain itu saya tak setuju dan apa Yang Berhormat Pontian hendak bercakap walaupun dia belum bercakap anggaphlah itu sebahagian daripada ucapan saya. Masa sudah habis...

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah tamat Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akhir sekali Yang Berhormat, saya hendak sebut ialah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tak bagi *chance*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahawa berhubung dengan Zoo Negara. Apakah masa depan Zoo Negara sekarang? Kemudian berhubung dengan hidupan liar.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau minta jalan sikit. Zoo Taiping juga.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya dulu tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Pontian.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Zoo Taiping. Night Safari. Zoo Taiping.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh tak saya anggap sebagai ucapan mereka ini akan sentuh dengan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Pontian ini kira masuk sebagai dari sebahagian daripada ucapan saya sebab saya tau apa dia hendak cakap ya. Jadi, masa depan Zoo Negara. Kemudian akhir sekali akta...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Industri mineral negara – Yang Berhormat Arau, industri mineral negara ini berjumlah RM4.11 trilion. Ini diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini. Tentulah dia memberikan satu potensi yang amat besar untuk kekayaan baharu negara. Industri mineral...

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau minta 30 saat Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 30 saat ya.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Okey, Zoo Taiping juga mengalami kerugian akibat pandemik COVID-19. Minta kementerian cari jalan untuk menyelesaikan masalah ini. *Thank you.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat ini Yang Berhormat Menteri tolong jawab. Cuma, akhir sekali ialah pindaan Akta 313 apakah dia dapat membendung pembalakan haram? Pembalakan kepada hutan ini dibuat oleh dua perkara. Satu pembalakan halal, yang kedua pembalakan haram. Pembalakan haram memang haram yang halal ini pun dia campur dengan haram. Jadi, Yang Berhormat cari jalan bagaimana hendak pastikan supaya pembalakan haram dan pembalakan halal ini di Malaysia dihentikan serta-merta. Tidak ada hutan lagi yang mampu diterokai di negara ini kerana ia sudah melebihi daripada apa yang telah dihadkan.

Jadi, saya pohon supaya kementerian ini ialah kementerian cukup mulia daripada segi Allah SWT kerana ia menjaga alam – sumber asli. Jadi, Yang Berhormat jangan fikir bahawa kementerian ini boleh dialpakan begitu sahaja. Pastikan peruntukannya mencukupi untuk memastikan supaya hutan ditambah baik dan pembalakan haram dihentikan dan juga lain-lain perkara yang telah disebutkan oleh kawan saya. Terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ahli Yang Berhormat sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 15 minit.

2.17 tgh.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kemaman, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Bakri, Yang Berhormat Arau. Juga rakan-rakan yang mencelah Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kimanis, Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Kangar yang mengambil bahagian dalam membincangkan belanjawan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Tenaga dan Sumber Asli.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan kerana memperuntukkan sebanyak RM2.102 bilion kepada kementerian ini untuk melaksanakan pelbagai projek dan juga program bagi tujuan sebagaimana yang telah pun sedia kita maklum. Saya akan menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan

dan jika mana-mana yang tidak dapat saya jawab atas kesuntukan masa, saya janji ia akan diberikan secara bertulis dan dia akan dipaparkan dalam laman web Parlimen.

Saya respons dulu daripada Yang Berhormat Mantan Menteri Yang Berhormat Kuala Langat yang bercakap soal tempoh dan cadangan agar kementerian dapat menentukan tempoh tertentu bagi membolehkan guna tanah Persekutuan ini dapat dipastikan ia berjalan dengan baik dan betul. Kementerian, ini melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah menyediakan panduan kepada kementerian pengguna, maknanya kementerian-kementerian yang berkaitan. Melalui Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) Bilangan 2/2007 mengenai had masa selama lima tahun milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Maknanya, kita telah pun menetapkan dalam pekeliling yang telah pun kita edarkan sebelum ini, mana-mana tanah yang tidak dibangunkan hendaklah diserahkan semula kepada PTP bagi ditukar guna dengan KGP yang lain. Maknanya, apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kita telah ada dalam peraturan dan apa-apa cadangan yang baik yang dikemukakan tadi kita akan kaji untuk menambah baik peraturan yang sedia ada.

■1420

Banyak perkara yang dibangkitkan berkaitan dengan panda dan juga Zoo Negara ini daripada Yang Berhormat Kuala Langat dan juga daripada rakan-rakan yang lain. Sukacita saya ingin sebut bahawa melalui perjanjian yang ditandatangani di antara Jabatan PERHILITAN dan *Malaysia Zoological Society* pada 22 Jun 2013. Kerajaan bertanggungjawab untuk membangunkan Pusat Konservasi Giant Panda dan membiayai yuran konservasi tahunan giant panda ini. Ini termaktub dalam perjanjian dan telah pun ditandatangani pada 2013. *Malaysian zoo* iaitu Zoo Negara pula bertanggungjawab membiayai perlindungan insurans, yuran anak panda, kos-kos penghantaran pulang anak panda serta kos-kos operasi urusan giant panda.

Walau bagaimanapun, sebagai tanda prihatin kerajaan, kerajaan telah membiayai yuran panda dan kos penghantaran pulang anak panda yang pertama pada 2017 serta bayaran pakar *giant* panda daripada Republik Rakyat China yang ditempatkan di PKGP. Maknanya, apa juga keputusan yang kita lakukan, ia tertakluk kepada perjanjian yang telah kita tangani. Akan tetapi melihat kepada keprihatinan kerajaan, kita juga mengubah suai bagi membolehkan hubungan baik antara Kerajaan Malaysia dengan negara China dapat kita pelihara. Berdasarkan perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China, pasangan *giant* panda dipinjamkan kepada Malaysia selama tempoh 10 tahun.

Kelebihan Malaysia terlibat dalam Program Konservasi Giant Panda adalah untuk buktikan hubungan istimewa yang terjalin antara kedua-dua negara sejak

hubungan diplomatik diwujudkan pada tahun 1974. Tentang hak penamaan *giant* panda, kerana kerajaan perlu mendapat persetujuan bersama dengan Kerajaan China apa juga perkara yang telah kita putuskan.

Untuk memastikan Zoo Negara dan juga zoo-zoo lain dapat berjalan dengan baik, melihat pada kesan pandemik COVID-19 ini, saya ingin maklumkan bahawa kerajaan sedang merangka satu formula baharu tentang bagaimana kita hendak pastikan Zoo Negara dan juga zoo-zoo lain dan juga pusat pameran tetap dapat berjalan dengan baik dan sesi libat urus sedang dijalankan untuk memastikan model baharu dapat kita kemukakan kepada zoo-zoo dan juga Pusat Konservasi *Giant* Panda ini.

Untuk makluman semua, bahawa zoo-zoo ini bukan milik kementerian tetapi kementerian hanya bertanggungjawab memberikan lesen kepada pihak berkenaan, termasuklah di Zoo Negara. Untuk makluman juga, pada esok hari kementerian akan memanggil Zoo Negara untuk melihat isu dan masalah yang dihadapi supaya kita dapat tangani dengan baik bagi menyelesaikan dan juga menjawab persoalan-persoalan yang ditanya dan dibicarakan oleh rakyat ketika ini.

Ahli Yang Berhormat sekalian, sudah tentulah untuk isu pemulangan *giant* panda kepada Kerajaan China ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, anak *giant* panda iaitu Yi Yi, berusia dua tahun pada 4 Januari 2020 dan sepatutnya dihantar balik ke China pada April 2020 tetapi terpaksa ditangguhkan sehingga kini kerana pusat konservasi di negara China masih ditutup berikutan pandemik COVID-19.

Kementerian akan melaksanakan proses penghantaran pulang secepat mungkin sebagaimana perjanjian yang telah pun ditandatangani. Maksudnya, proses penghantaran pulang akan dilakukan tetapi tertangguh akibat daripada pandemik COVID-19. Juga dibangkitkan oleh ramai rakan tadi adalah berkaitan dengan isu harimau. Dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kemaman dan rakan-rakan yang lain.

Untuk makluman, harimau Malaya penting kepada kita. Ia merupakan lambang kepada jata negara kita. Oleh sebab itu, menjadi fokus kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli untuk memastikan yang hidupan ini menjadi khazanah negara dapat dipelihara. Saya tidak menafikan bahawa berlaku sedikit kepupusan terhadap hidupan liar ini. Namun, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli melalui Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam meningkatkan konservasi harimau Malaya melalui langkah-langkah seperti berikut.

Meningkatkan rondaan, penguatkuasaan, pemantauan harimau di kawasan-kawasan *hotspots* pemburu haram, meningkatkan rondaan penguatkuasaan di dalam dan luar kawasan perlindungan menerusi Program Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) dengan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan dan juga NGO dan pihak-pihak lain.

Kita juga menjalankan Program Biodiversity, Protection and Patrolling (Program - BP3) melalui pelantikan Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Orang Asli, sebagai renjer hidupan liar dan tambahan lagi daripada pesara polis. Ini semua sebahagian daripada beberapa lagi program-program yang dilaksanakan oleh kementerian dan juga kerajaan untuk pastikan populasi harimau Malaya negara ini dapat ditingkatkan.

Oleh sebab itu lah, saya juga ingin menyebut bahawa *Nasional Tiger Conservation Centre* (NTCC) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat tadi telah pun siap dan *insya-Allah* ia akan dijangka untuk beroperasi pada Mac 2021. Peruntukan yang diluluskan dalam bajet ini akan digunakan untuk pembayaran elaun, tuntutan-tuntutan, penyelenggaraan, bekalan makanan dan kos-kos yang lain.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Sedikit, Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh tanya. Dalam perkara ini, kita punya *National Wildlife Survey* ini yang kita telah lakukan, bila kita boleh dapat ia *punya results from the National Wildlife Survey*? Apa yang mereka sudah buat tetapi saya ingat sudah tentu akan dikeluarkan di masa hadapan terdekat. Juga adakah kita akan teruskan dengan *wildlife survey* ini untuk RMKe-12? Oleh sebab ini kena jalan terus sebab dengan itu sahaja data-data yang kita dapat sahaja, kita boleh adakah program-program tertentu untuk selamatkan harimau Malaya dan...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. Apa juga langkah dan tindakan yang dilakukan oleh kementerian, ia berasaskan pada data dan dapatan-dapatan melalui kajian-kajian sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kita akan mengguna pakai juga data-data dan jika ia penting, kita akan teruskan untuk pastikan program kita lakukan ini tepat dan benar-benar mengikut fakta-fakta yang betul seperti kajian yang disebutkan tadi.

Oleh sebab itu, saya berharap semua rakyat Malaysia, NGO dan bagi pihak untuk bersama-sama bagi memastikan populasi harimau Malaya ini yang merupakan khazanah negara, dapat kita kekalkan. Ia mesti dapat kerjasama daripada pelbagai pihak. Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat banyak soalan, Yang Berhormat tanya. Akan tetapi kalau saya dapat jawab Yang Berhormat sahaja, saya tidak mampu untuk menjawab yang lain.

Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, yang SPM itu, yang kita kena bagi peluang *hiring of* Orang Asli itu.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Okey, baik. Sebagaimana kalau kita lihat dalam bajet ini, kerajaan memperuntukkan untuk melaksanakan Program BP3 ini yang juga melibatkan Orang Asli, Veteran Angkatan Tentera Malaysia dan juga pesara

polis. Untuk Orang Asli, untuk program ini kita tidak mengenakan apa-apa syarat. Mereka untuk fasa pertama telah pun dilantik.

Ini sebenarnya memberi peluang kepada Orang Asli untuk selain daripada menambahkan ekonomi mereka dan tentu juga untuk membantu kerajaan dalam mengenai isu-isu sebagaimana yang kita bicarakan. Yang Berhormat Jerantut juga bercakap dalam bajet ini tentang langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengatasi masalah pembalakan haram.

Yang Berhormat Arau berjuang kepada alam ini. Yang Berhormat Arau banyak kali bercakap supaya hutan dijaga, jangan ditebang. Kita sealiran, Yang Berhormat Arau. Jadi, saya hendak sebut. Strategi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam menangani isu-isu pembalakan haram. Kita telah melaksanakan beberapa strategi dalam menangani isu pembalakan haram. Kita dalam proses untuk melaksanakan pindaan rang undang-undang Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) yang disebut oleh Yang Berhormat Arau tadi dengan meningkatkan jumlah dendaan dan hukuman.

■1430

Selain pindaan ini juga merangkumi penambahbaikan dalam memberi kuasa kepada pegawai-pegawai jabatan kita untuk memperkukuhkan penguatkuasaan. Ini penting dan kita juga menubuhkan *war room* bagi memastikan apa yang kita hendak lakukan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Ia sebagai sebuah bilik gerakan yang menjadi hab berpusat (*one stop center*) di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Malaysia yang bertujuan bagi memperkasakan aktiviti pemantauan sumber hutan negara.

Ya, kita berupaya untuk mengesan sebarang pencerobohan yang berlaku di kawasan hutan simpan kekal akibat aktiviti pencerobohan dan penerokaan hutan, pembalakan haram, perubahan litupan hutan dan insiden kebakaran hutan dan sebagainya. Maknanya, di Jabatan Perhutanan Malaysia, isu ini kita anggap isu yang serius sebab itu kita tangani dengan wujud satu *one stop centre* untuk ditangani dengan baik dan berkesan. Yang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat bekas Menteri setuju dengan saya meletakkan matlamat untuk menanam semula sebanyak 100 juta pokok. Ini sebagai matlamat kita dalam tempoh berapa tahun selama tiga tahun atau dua tahun.

Keduanya, Yang Berhormat isytiharkan bahawa kita ke arah untuk mengharamkan pembalakan haram dan juga halal.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Untuk makluman Yang Berhormat Arau, di dalam bajet yang diluluskan oleh kerajaan untuk kementerian ini, kita memang

ada program untuk program penanaman 100 juta pokok. *Insyallah* ia akan dilaksanakan pada 2 Januari ini untuk pelancaran.

Kita akan gerakkan pelbagai pihak di seluruh negara, NGO, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta untuk bersama-sama bagi meningkatkan jumlah hutan dalam negara ini. Biar negara ini diliputi oleh hutan, ia akan memberi kebaikan kepada kita semua. Namun demikian Yang Berhormat, kuasa untuk meluluskan konsesi balak ini terletak di bawah kerajaan negeri dan kita harap kerajaan negeri bersama-sama dengan kita untuk memastikan kita pelihara hutan dalam negara ini.

Yang Berhormat, saya hendak jawab satu sahaja soalan sebab masa sudah habis. Sedikit boleh?

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh bertanya fasal...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat, saya bagi tambah sedikit.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Sabah, berkaitan dengan isu bekalan elektrik Sabah. Kemudian saya berhenti, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Boleh saya bertanya fasal hutan sebelum bekalan elektrik Sabah? Satu sahaja, pendek sahaja. Pendek sahaja Yang Berhormat. Tidak sempat berbahas tadi saya beri pendek sahaja fasal perhutanan.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak boleh lah.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: 10 minit saya jawab pasal Sabah ini. Tadi Yang Berhormat bangkitkan isu elektrik Sabah kan? Saya hendak jawab yang ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, tetapi sebelum itu saya tanya pasal hutan dahulu boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Senang sahaja. ini bukan susah. Okey, dalam- terima kasih Yang Berhormat sebab dalam bajet kali ini Jabatan Perhutanan Sabah telah dibagi sebanyak RM39 juta. Jadi banyak terima kasihlah dengan peningkatan daripada RM21 juta... *[Tidak jelas]* peningkatan.

Saya punya persoalan dan pertanyaan ialah apakah sebenarnya peranan kementerian ini dalam hal-hal berkaitan dengan Jabatan Perhutanan Sabah? Oleh sebab Jabatan Perhutanan Sabah dia tidak melaporkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung ataupun Jabatan Perhutanan Persekutuan. Jadi, saya ingin mahu bertanya dengan situ sahaja apa peranan dan apa hubungan di antara kementerian ini dengan Jabatan Perhutanan Negeri Sabah? Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Yang Berhormat, saya boleh jawab soalan tersebut tetapi oleh kerana perkara baharu saya akan beri secara bertulis. Saya tidak ada masa. Cuma, untuk menjawab satu isu sahaja sebelum saya berhenti berkaitan *intake* Sabah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Sila.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Untuk makluman, Kerajaan Persekutuan komited untuk menyerahkan kuasa bekalan elektrik dan juga Sabah Elektrik Sdn Bhd kepada Kerajaan Negeri Sabah. Kita telah pun secara rasmi dalam Jemaah Menteri mewujudkan jawatankuasa supaya perbicaraan ini lebih tersusun dan terancang iaitu mewujudkan Jawatankuasa Pemandu dan Teknikal.

Segala proses dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya akan dibincangkan dalam jawatankuasa ini dan diangkat semula kepada Jemaah Menteri dan ia akan diumumkan dan perbincangan akan dibuat melalui kerjasama dan perbincangan semua pihak yang berkepentingan. Saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Pengerusi. Singkat sahaja.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Saya mohon maaf. Saya akan beri jawapan bertulis.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Singkat sahaja Yang Berhormat Menteri. Hanya hendak jawapan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terpulang kepada Yang Berhormat Menterilah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Diskaun elektrik tak dijawab Yang Berhormat Menteri. Diskaun elektrik.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Pengerusi hanya hendak jawapan singkat sahaja daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: TNB untung, TNB masih untung sebanyak RM2.41 bilion tetapi dapat kah tidak diskaun elektrik yang kita pohon itu? TNB untung sebanyak RM2.41 bilion. Adakah subsidi akan diteruskan? Subsidi PRIHATIN untuk enam bulan akan datang? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya jawab bertulis ya.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Tuan Pengerusi boleh tidak...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Masih boleh lanjutkan masa lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri telah tamatkan.

Puan Yeo Bee Yin [Bakri]: Oleh sebab isu – Tuan Pengerusi, sebab Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Seputeh dan juga saya membangkitkan isu MEM. Harap ada berita baik daripada Yang Berhormat Menteri. Singkat sahaja dan lain-lain boleh *upload* ke *website*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik boleh beri jawapan bertulis.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Ya, Yang Berhormat Menteri sekarang duduk sini boleh lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebut-sebut jawapan bertulis ya.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah: Cuma saya ingin maklumkan berkaitan MEM ini, saya akan buat pengumuman rasmi dalam tempoh yang singkat, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga dan Sumber Asli. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,604,364,000 untuk Kepala B.23 Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2021 jadi sebahagian daripada jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala B.23 jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian, masalah ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P.23 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2021 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Kepala P.23 jadi sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami ucap terima kasihlah kepada semua Ahli Parlimen yang prihatin. Tapi kalau undi yang ini sebanyak 112.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga esok jam 10.00 pagi, hari Khamis, 3 Disember 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.47 petang]